



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil.15**

**Rabu**

**24 Julai 2024**

---

**K A N D U N G A N**

<b>PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024	(Halaman	33)
Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024	(Halaman	101)
Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024	(Halaman	120)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
4. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
7. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
8. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
9. “ Datuk Razali bin Idris
10. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
11. “ Tuan Manolan bin Mohamad
12. “ Puan Susan Chemerai Anding
13. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
14. “ Datin Ros Suryati binti Alang
15. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
16. “ Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
17. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
18. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
19. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
20. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
21. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
22. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
23. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
24. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
25. “ Tuan Abun Sui Anyit
26. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
27. “ Puan Noorita binti Sual
28. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
29. “ Datuk Nelson W Angang
30. “ Tuan Pele Peter Tinggom
31. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
32. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
33. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu)

**AHLI HADIR (samb/-)**

34. Yang Berhormat Datuk Haji Aziz bin Ariffin
35. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
36. “ Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
37. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
38. “ Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
39. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
40. “ Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
41. “ Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
42. “ Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
43. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
44. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
45. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
46. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
47. “ Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor)
48. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
49. “ Datuk Noraini binti Idris (Sabah)
50. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong
51. “ Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
52. “ Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
53. “ Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
54. “ Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
55. “ Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)
56. “ Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
57. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
58. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
3. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]
4. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
5. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
6. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu

**AHLI TIDAK HADIR  
(BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
2. “ Tuan M. Kulasegaran [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Ipoh Barat)
3. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri)
4. “ Tuan Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] ( Alor Gajah)
5. “ Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
6. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
7. “ Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong)
8. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
9. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pontian)
10. “ Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi] (Kota Kinabalu)
12. “ Dato Hajah Rubiah binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
13. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
14. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KELIMA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Rabu, 24 Julai 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan pertanyaan pertama oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan:** Selamat pagi. Salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

**1. Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, bagaimanakah kementerian menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia untuk mengatasi kesan kemasukan perniagaan China di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan. Kerajaan sentiasa waspada dengan kemungkinan wujudnya lambakan produk ke dalam pasaran tempatan. Kerajaan menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) agar dilindungi daripada kesan perdagangan yang tidak adil berikutan kemasukan barangan import yang murah dan dalam kuantiti yang besar termasuk dari negara China ke pasaran Malaysia melalui penguatkuasaan remedi perdagangan.

Antara remedi yang diambil adalah berkenaan duti anti-lambakan, duti timbal balas, duti pelindung. Tindakan remedi perdagangan ini adalah bersasar terhadap pengilang atau pengeksport luar negara yang mengakibatkan kemudaratan terhadap industri tempatan termasuk PKS di Malaysia serta skop berkenaannya merangkumi kesemua industri tempatan. MITI laksanakan tindakan remedi perdagangan ini selaras dengan perundangan negara iaitu Anti Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] serta Peraturan-peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994.

Melalui perundangan ini, MITI telah menguatkuasakan 68 tindakan anti-lambakan dan tiga tindakan pelindung terhadap barangan diimport yang dilambak atau diberi subsidi yang membawa kemudaratan ke atas industri tempatan sejak tahun 1993. Antara tahun 2015 hingga tahun 2023, MITI secara khususnya telah menguatkuasakan sembilan tindakan anti-lambakan terhadap pengeksport negara China bagi melindungi industri tempatan daripada amalan perdagangan yang tidak adil.

Pada masa yang sama, MITI dalam proses untuk mengkaji semula Anti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 yang dijangka akan dibentangkan pada tahun depan. Kesimpulannya, kerajaan sentiasa memantau kemasukan produk dari luar negara termasuk negara China. Pada masa yang sama, sokongan daripada pengguna juga penting untuk membantu syarikat-syarikat PKS. Di samping itu, kerjasama antara Malaysia dengan negara China juga akan memanfaatkan pengusaha tempatan, terutamanya PKS melalui rantaian bekalan dan peluang perniagaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberikan. Adakah pihak kementerian MITI menjalankan kajian kebaikan dan cabaran bagi industri domestik, khususnya PKS mengenai impak pelaburan dan peniaga dari negara China? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih soalan daripada Tan Sri. MITI tidak ada kajian yang khusus terhadap keadaan lambakan dari negara China secara khusus kerana MITI tidak sasarkan satu negara. Apa tindakan-tindakan anti-lambakan biasanya dijalankan dengan sasaran syarikat atau pengeksport dan bukan secara menuju atau sasarkan satu negara, tetapi kalau Tan Sri setuju, MITI boleh bekerjasama dengan ACCIM dan juga *think-tank* dan persatuan-persatuan industri lain untuk melancarkan atau menjalankan kajian khusus terhadap keadaan produk-produk dari negara China. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan untuk Hussin.

**Datuk Lim Pay Hen:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia dulu angkat.

**Datuk Lim Pay Hen:** Okey.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dalam beberapa sesi yang lepas, saya pernah bertanya tentang lambakan songket dari India, sehingga songket tempatan hampir "gulung tikar". Apa peranan MITI, khususnya dalam tolong menjaga kepentingan industri songket dan juga produk-produk seni budaya negara? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih atas soalan daripada Senator. Biasanya sesuatu kes lambakan atau anti-lambakan boleh dijalankan selepas ada pengaduan secara rasmi oleh syarikat tempatan. So, syarikat tempatan mesti membuat aduan secara rasmi dengan MITI

*Trade Practices Section* (TPS), ada di MITI. MITI atau TPS di MITI akan menjalankan siasatan terhadap syarikat yang secara khusus.

■1010

So, kita perlu ada maklumat dan pengadu dan juga sesiapa syarikat pengeksport di negara seperti di negara India, kita perlu maklumat terhadap syarikat yang khusus. Kalau secara tidak khusus, kita tidak boleh jalankan siasatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri. Sebenarnya hadnya dua. Kalau Menteri setuju nak jawab.

**Datuk Lim Pay Hen:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini platform dagangan *online Shopee* telah menaikkan kadar bayaran transaksi daripada 2.1 peratus kepada 3.5 peratus, tidak termasuk SST daripada jumlah pesanan akhir yang dibayar oleh pembeli, berkuat kuasa 1 Ogos ini.

Adakah kerajaan akan melaksanakan perjanjian dua hala antara platform dagangan *online* ini bagi mengecualikan kenaikan kepada peniaga-peniaga tempatan dan caj kenaikan tersebut hanya akan terpakai kepada pemborong dari China dan luar Malaysia sebagai satu langkah melindungi peniaga mikro dan PKS? Sekian, terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Datuk, minta maaf. Ini bukan di bawah bidang kuasa MITI. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri dah cakap bukan berkenaan dengan bidang kuasa kementerian beliau. Mungkin *you-* macam mana *you* nak ajukan ini, Senator cari dia punya saluran.

**Datuk Lim Pay Hen:** Tak apa. Kalau Menteri itu di luar kementerian dia, saya rasa saya akan dapat jawapan daripada kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Jadi, apa yang terjadi hari ini kalau boleh, soalan tambahan berkaitan dengan kementerian dan berkaitan dengan pertanyaan asal. Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. **Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah penerima Skim MySalam mengikut negeri dan adakah pihak kerajaan berhasrat untuk melanjutkan perkhidmatan ini memandangkan ia akan berakhir pada tahun 2025 serta adakah pihak kerajaan berhasrat untuk memperluaskan skim ini kepada golongan M40?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Sebelum saya mula, izinkan saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, mySalam adalah skim perlindungan takaful percuma yang disediakan oleh kerajaan kepada golongan B40. Skim mySalam ini telah beroperasi sejak tahun 2019 dan hanya dibuka kepada warga Malaysia yang terdiri daripada individu B40 dan pasangan berumur 18 hingga 65 tahun yang merupakan penerima bantuan tunai kerajaan yang kini dikenali sebagai Sumbangan Tunai Rahmah atau STR.

Di bawah skim ini, penerima yang layak akan mendapat manfaat hospitalisasi sebanyak RM50 sehari dengan tempoh maksimum 14 hari atau RM700 setahun, sekiranya mendapat rawatan sama ada di hospital kerajaan, hospital tentera atau hospital universiti.

Selain itu, pembayaran sebanyak RM8,000 secara *one-off*, dengan izin, turut diberikan kepada penerima yang disahkan mengalami 45 penyakit kritikal yang disenaraikan bawah Skim mySalam. Dalam pada itu, penerima mySalam turut layak membuat tuntutan bantuan kos peranti perubatan dengan had kelayakan sebanyak RM30,000 seorang.

Bagi tahun 2024, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada Skim mySalam. Berdasarkan pecahan penerima yang layak mengikut negeri- Selangor mencatatkan jumlah penerima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta, diikuti Johor seramai 1.34 juta dan Sarawak seramai 1.13 juta. Manakala bilangan penerima layak bagi Kelantan adalah 825,00 orang. Pecahan senarai penerima mengikut setiap negeri akan dikemukakan kepada Yang Berhormat secara bertulis sebab panjang sangat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim mySalam telah dilanjutkan pelaksanaannya bagi tempoh dua tahun, bermula 2024 hingga akhir 2025, selaras dengan pengumuman Belanjawan 2024. Bagi pelaksanaan mySalam pada masa akan datang, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia sedang meneruskan usaha untuk membincangkan pelaksanaannya dengan pengendali takaful dan penanggung insurans berlesen lain bagi mempelbagaikan penawaran skim perlindungan dalam pasaran bagi memenuhi keperluan golongan B40.

Berdasarkan Surat Ikatan Amanah mySalam, manfaat skim ini hanya dikhususkan kepada golongan B40 walaupun kerajaan telah memutuskan supaya Skim mySalam ini diperluaskan kepada golongan M40 pada tahun 2019, pelaksanaannya telah ditangguhkan pada tahun 2020, berikutan penularan wabak COVID-19 dan kesannya yang lebih kepada golongan B40. Kewajaran sama ada Skim mySalam ini diperluaskan kepada golongan M40 akan dipertimbangkan oleh Lembaga Pemegang Amanah mySalam, sebelum diputuskan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.



**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, Skim mySalam, Skim PeKa B40 dan Skim Perubatan Madani adalah antara inisiatif kerajaan yang telah memberi manfaat kepada rakyat. Namun skim-skim ini tidak *sustainable*. Maksudnya tidak bertahan. Oleh itu, saya ingin bertanya, adakah kerajaan telah membuat kajian model-model skim perlindungan pembiayaan kesihatan dari negara-negara lain sebagai contoh, untuk memperbaiki skim-skim mySalam ataupun skim-skim baru yang akan diperkenalkan, yang boleh bertahan ataupun *sustainable*? Terima kasih.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita menyedari kos rawatan yang semakin meningkat. Kementerian Kewangan melalui Belanjawan 2024 telah melanjutkan pelaksanaan mySalam bagi tempoh dua tahun bermula 2024 sehingga 2025. Kita faham kalau kita berhenti sebegitu, itu *sustainable* itu memang akan— yang akan rugikan adalah golongan B40. Kita memang dalam usaha untuk melanjutkan lagi.

Selain daripada Skim mySalam, kerajaan peka dan komited untuk membantu rakyat dengan menyediakan pelbagai program perlindungan sosial. Sebagai contoh, kerajaan telah memperkenalkan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator, Skim Peduli Kesihatan atau PeKa B40 untuk menyediakan pemeriksaan atau saringan awal khas untuk golongan B40. Skim Perubatan Madani juga merupakan salah satu inisiatif yang diwujudkan bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40.

Pada masa yang sama, kerajaan telah mewujudkan perlindungan tambahan kepada pekerja di bawah i-Lindung. Pembangunan i-Lindung menyediakan pelan perlindungan keselamatan sosial tambahan di luar skop perlindungan di bawah PERKESO. Ianya merangkumi rawatan perubatan serta perlindungan bagi kes penyakit kronik. Rakyat boleh menggunakan dana i-Akaun KWSP juga untuk mendapatkan pelan-pelan perlindungan takaful secara bertempoh contohnya bagi penyakit kritikal.

Di samping itu, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Perlindungan Tenang untuk memperluas penyelesaian insurans dan takaful yang disasarkan kepada golongan B40. Produk ini juga sesuai untuk masyarakat umum, terutamanya golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapat perlindungan yang meliputi insurans hayat, kebakaran dan banjir pada kos yang lebih rendah.

Selain itu Yang Berhormat Senator, kerajaan juga sedang dalam kajian melihat semula model perlindungan kesihatan, selaras dengan Kertas Putih Kesihatan. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Doktor ya.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih Dato'. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar di bawah Skim mySalam setakat ini?

**Puan Lim Hui Ying:** Okey. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Skim mySalam, dari tahun 2019 sehingga Disember 2023, sebanyak 1.27 juta orang telah menerima manfaat di bawah Skim mySalam dengan jumlah tuntutan sebanyak RM936.12 juta telah dibayar kepada penerima manfaat yang melibatkan tuntutan manfaat HB atau manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal (CI), pesakit di bawah siasatan (PUI), COVID-19 dan tuntutan kos peranti perubatan.

■1020

Tahun 2022 mencatat pembayaran tuntutan paling tinggi iaitu sebanyak RM382 juta yang memanfaatkan 650,000 penerima, diikuti tahun 2021 dengan tuntutan dibayar sebanyak RM246.72 juta dengan 365,000 penerima. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada angkat dulu sana. YB Roderick. Tan Sri, maaf ya. Sebab dia dulu angkat. Saya nak tanya Menteri, nak jawab tak? Kita had kepada dua sahaja. Sekarang nombor tiga. Boleh tak? Boleh. Okey, Yang Berhormat Senator Roderick.

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk meneruskan skim bantuan tunai seperti ini? Kerana ada pandangan mengatakan bahawa pemberian tunai semata-mata tidak akan membantu rakyat keluar daripada kemiskinan, sebaliknya menjadikan mereka selesa dan akan jadi kurang berusaha. Terima kasih.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan program STR. Program STR atau mana-mana program bantuan bersifat tunai dan tanpa tunai akan memberi impak yang tinggi kepada golongan B40 dalam merancakkan ekonomi melalui aktiviti perbelanjaan.

Kerajaan melihat aspek kitaran ekonomi ke atas peniaga kecil atau PKS yang menerima kesan perbelanjaan daripada golongan B40 ini. Duit berkenaan bukan sahaja bagi membantu golongan B40, malahan juga kesan gandaan kepada industri yang berkenaan. Pendapat dan pandangan ahli akademik serta ahli ekonomi menyokong bahawa melalui bantuan tunai, peruntukan dana kerajaan akan disuntik semula ke dalam ekonomi negara apabila penerima membelanjakan wang ini. Wang yang dibelanjakan ini akan merangsang ekonomi dengan peningkatan permintaan barangan dan perkhidmatan kerana rakyat mampu untuk berbelanja.

Sekian, terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat *kaban* aku, Abun Sui Anyit.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Yang di-Pertua dilantik sebagai Presiden Senat.

Soalan saya nombor 3 yang berbunyi, minta Menteri menyatakan statistik sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah daif di Sarawak dan jumlah projek yang telah dimulakan dan sedang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan tak payah dibacalah.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Oh, okey. Terima kasih. Soalan nombor 3.

**3. Tuan Abun Sui Anyit** minta Menteri Pendidikan menyatakan, statistik sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah daif di Sarawak dan jumlah projek yang telah dimulakan dan sedang dijalankan ketika ini bagi menyelesaikan isu sekolah daif di Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]:** Ya. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih soalan dari Senator Tuan Abun Sui.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik dan juga kondusif. Berdasarkan data KPM sehingga Jun 2024, terdapat 555 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 361 buah sekolah berskala 6, manakala 194 buah sekolah berskala 7. Data sekolah yang mempunyai bangunan daif adalah bersifat dinamik dan akan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan kondisi bangunan.

Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 391 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah telah pun diluluskan. Status terkini pelaksanaan projek sehingga 12 Julai 2024, sebanyak 249 projek pada fasa siap, 49 projek pada fasa bina dan 93 projek pada fasa pra bina. Selain itu, KPM telah mengemukakan permohonan menaik taraf atau pembinaan gantian bangunan daif bagi 19 buah sekolah di Sarawak kepada agensi pusat dalam RMKe-12, RP5 tahun 2025.

Berhubung baki sekolah lain bagi projek menaik taraf atau pembinaan gantian baharu dan gantian bangunan daif di Sarawak, KPM melalui JPN Sarawak sedang meneliti kebolehlaksanaan pembinaan bangunan gantian di sekolah-sekolah, terutama dalam aspek keperluan sebenar serta mengambil kira keadaan tapak sekolah sebelum dipohon secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia lima tahun. Kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan juga kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Soalan tambahan. Rata-rata sekolah daif ini adalah berbentuk bangunan kayu. Adakah rancangan kerajaan untuk menyelaraskan bangunan-bangunan sekolah ini supaya lebih kepada bangunan konkrit untuk seluruh negara terutamanya di Sarawak? Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Dengan izin, Dato' Yang di-Pertua.

Bagi sekolah-sekolah daif, kita ada mengklasifikasikan ataupun mengkategorikan sekolah-sekolah tersebut daripada skala 1 sampai skala 7. Kebiasaannya, apabila digelar sebagai sekolah daif, maka ia adalah pada skala 6 dan juga skala 7.

Skala 6 bermaksud bahawa pemeriksaan telah pun dilakukan oleh pihak PPD dan juga JPN, oleh bahagian teknikal dan yang mana bangunan tersebut didapati tidak sesuai, tidak selamat lagi digunakan. Manakala bagi skala 7, ia pengesahan telah pun dibuat oleh pihak JKR untuk mengesahkan bahawa bangunan tersebut adalah tidak lagi selamat untuk digunakan.

Bagi skala 7 pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JKR akan membuat pemeriksaan dan juga akan membuat pengesahan. Dalam ketika itu juga, pihak KPM akan menilai sama ada bangunan itu harus dirobohkan dan dibina semula ataupun ia boleh diselamatkan dengan diselenggarakan semula. So, itu bergantung pada keadaan sekolah.

So, juga dengan soalan daripada Yang Berhormat mengenai sekolah-sekolah berbentuk kayu, ia juga bergantung pada keadaan sekolah pada masa ketika itu. Sekiranya bangunan itu didapati tidak lagi selamat dan adalah tidak *economical* lagi untuk diselenggarakan, maka tindakan roboh dan bina akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** *Assalamualaikum* dan salam madani. Soalan saya, soalan nombor 4.

**4. Datuk Dr. Azhar bin Ahmad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan, perancangan jangka panjang yang dirangka bagi memastikan peserta Program Wanita Bangkit memperoleh kejayaan dalam perniagaan yang diceburi sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad.

Sebelum itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' atas pelantikan selaku Yang di-Pertua Dewan Negara.

Dato' Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah memperkenalkan Program Wanita Dinamik sebagai penambahbaikan kepada Program WanitaBangkit@KPWKM, MyKasih Kapital. Penambahan elemen baharu bagi tahun 2024 ini telah menggabungkan inisiatif memperkasa wanita yang merangkumi elemen ekonomi, keselamatan dan kesihatan. Ketiga-tiga elemen ini sangat penting dalam usaha kementerian memperkasa golongan wanita secara holistik.

KPWKM telah mengambil inisiatif dan merangka perancangan jangka masa panjang agar peserta Program Wanita Dinamik dapat dibantu dalam perniagaan yang diceburi. Antaranya adalah seperti berikut.

Pertama, menyediakan Kiosk Kasih YKN sebagai projek rintis di Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai platform pemasaran produk yang dilaksanakan melalui kerjasama di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR). Antara syarikat korporat yang telah menyumbang dalam penyediaan tapak niaga Kiosk Kasih YKN adalah seperti Prasarana Malaysia Berhad, Permodalan Nasional Berhad, *Alliance Islamic Bank* dan *Public Islamic Bank*.

#### ■1030

Kedua, mengadakan kerjasama dengan institusi latihan seperti GIATMARA Kuala Lumpur dan Kolej Komuniti Selayang untuk menyediakan kursus dan latihan jangka pendek kepada peserta untuk memasarkan produk di Kiosk KASIH YKN.

Ketiga, kerjasama antara agensi KPWKM melalui bimbingan keusahawanan, latihan serta meningkatkan pengetahuan peserta dalam perniagaan dengan menghubungkan peserta kepada program penjana pendapatan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Keempat, bekerjasama dengan rakan strategik KPWKM iaitu PERKESO untuk memberi pendedahan dan membimbing peserta melalui Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Skim Keselamatan Pekerjaan Sendiri.

Kelima pula adalah meningkatkan kesedaran peserta melalui Kempen Kesedaran Kanser Reproktif Wanita yang dilaksanakan oleh LPPKN dalam usaha mempromosi program subsidi ujian mammogram dan program saringan kanser serviks bagi memastikan kesihatan mereka sentiasa berada pada tahap yang terbaik dan dinamik.

Adalah diharapkan program ini akan diperluaskan lagi dengan jaringan kerjasama antara kementerian, agensi dan rakan korporat dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi khususnya wanita di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Datuk Speaker soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri yang dikasihi, terima kasih atas jawapan yang sangat jelas. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri soalan tambahan ini. Apakah pandangan dan rancangan

seterusnya yang akan diambil oleh kementerian dalam menyokong wanita yang ingin terus berkhidmat kepada awam dan swasta?

Pada masa yang sama juga, kementerian *nak* memastikan kadar kelahiran ibu-ibu yang sedang berkhidmat dan berbakti kepada negara tak terkesan. Terima kasih Datuk Speaker.

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang dikemukakan. KPWKM memang sangat komited dan menyokong segala usaha-usaha dan inisiatif untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang termasuk dalam tenaga buruh. Saya nak kongsi beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian.

Antaranya adalah usaha untuk memastikan tempat kita bekerja itu kondusif melalui pengukuhan undang-undang seperti kita ada pengubalan Akta Antigangguan Seksual dan pindaan Akta Kerja. Untuk menggalakkan wanita kekal dan kembali bekerja, kita perlu untuk menyiapkan ataupun menyediakan kemudahan dan sokongan yang diperlukan. Kita memang menggalakkan syarikat awam dan juga swasta seperti mengadakan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, pusat asuhan kanak-kanak dan sebagainya.

Dalam waktu yang sama, kita juga melaksanakan program pembangunan kapasiti termasuklah pengukuhan kemahiran dan pengurusan kewangan, pengurusan *life balance*, pembangunan kepimpinan wanita dan KPWKM juga sedang merangka satu kerangka Strategik Industri Penjagaan bagi membantu meningkatkan penyertaan 60 peratus wanita dalam bidang pekerjaan.

*Insya-Allah* Yang Berhormat, mereka di samping bekerja, mereka juga *insya-Allah* akan dapat juga membantu meningkatkan kadar kesuburan ataupun TFR... *[Ketawa]* sekarang ini, tapi kita perlukan kerjasama pada semua pihak bukan sahaja Kementerian Wanita, tetapi pelbagai kementerian lain juga. Terima kasih.

**Datuk Noraini binti Idris:** Soalan tambahan?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad. Ini yang menyoal ini Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, yang menjawab Datuk Noraini binti Idris. Betul?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** ...Tak, terbalik, terbalik

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, baik. Datuk YB.

**Datuk Noraini binti Idris:** Terima kasih Datuk Speaker. Soalan tambahan saya. Boleh tak Yang Berhormat Menteri memaklumkan, berapakah bilangan penerima manfaat dan peratusan kejayaan peserta Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris. Sebenarnya ia mula dilaksanakan tahun 2021 dan *figure* ataupun maklumat yang saya nak kongsi di dalam Dewan ini sejak ia dilaksanakan dari tahun 2021 sehingga 2023, Program Wanita Bangkit ini telah memberi memanfaatkan kepada 18,664 seluruh satu Malaysia ini bagi kaum-kaum wanita.

Penambahbaikan kita sedang buat daripada semasa ke semasa. Dalam melaksanakan program ini, sudah semestinya ada pemantauan oleh skuad pemantauan dan juga para sukarelawan yang dipilih oleh panel di bawah YKN. Untuk tahun 2023, 70 peratus peserta masih lagi meneruskan perniagaan untuk menjana ekonomi keluarga. 30 peratus tak dapat meneruskan perniagaan tersebut atas faktor mendapat pekerjaan lain. Lepas itu, ada yang tak sihat, ada yang menjaga keluarga yang sakit ataupun menumpukan masa untuk menjaga keluarga.

Itu yang dapat maklumat yang saya bagikan kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu soalan lagi. Boleh jawab, okey...?

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Boleh Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Yang Berhormat Speaker memberi peluang kepada saya. Sebab soalan ini sangat penting ya. Sebab, *alhamdulillah* tahniah kepada kementerian, di mana memberi peluang-peluang dan juga menggalakkan perniagaan di kalangan wanita. Saya nak bertanya bagaimana pula tentang *mental health*? Sebab *mental health* dengan perniagaan dan wanita ada kaitan yang sangat ketara.

Jadi, adakah kementerian mempunyai program-program khas untuk *mental health*? Sebab sekarang ini bila kita mengatakan tentang *work life balance*, dia dah pergi ke tahap yang lain di mana *it's no more about work life balance*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua. *It's more of work life integration*. Bagaimana kita nak *integrate the work life with our life, you know. Work and life together*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, atas soalan tambahan yang dikemukakan. Di bawah kementerian juga, antara perkara yang kami tekankan adalah mengenai *mental health*. Sebab kita merasakan bahawa *mental health* ini adalah satu cabaran yang dihadapi sekarang ini.

Kita juga faham antara program-program yang kita bersama kan setiap kali kita menganjurkan apa-apa keusahawanan. Fokus ataupun program berkaitan maklumat mengenai *mental health* ini juga diberikan penekanan dalam kursus tersebut, tetapi kita ada satu program yang kita namakan Program Pusat Sokongan Sosial Setempat Yang Berhormat,

di mana kita ada pelaksanaan kaunseling kepada masyarakat dan kita juga mempunyai modul-modul tertentu untuk menangani masalah *mental health* ini.

Saya juga setuju dengan apa Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa perlu ada *very good balance* dalam kehidupan seseorang itu. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Datuk Yang di-Pertua, minta satu lagi, boleh kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bergantung pada Menteri. Sebenarnya kita had kepada dua. Sekarang dah lima. Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Menteri ini popular Yang di-Pertua, sebab itu ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi dia rehatlah. Bagi *balance the health again...* [Ketawa] Minta maaf. Boleh. Mungkin, dia boleh tulis kepada kementerian.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Boleh ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tulis.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Tulis. Oh, okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tulis. Tulis dan jawab lisanlah, tapi soalan itu mesti ada kaitan dengan apa soalan asal.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** ...Mesti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

**5. Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair** minta Menteri Ekonomi menyatakan, statistik terkini insiden kemiskinan tegar mengikut daerah di Negeri Sembilan serta bagaimanakah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) berupaya menjadi langkah realistik dan relevan bagi tempoh lima hingga 10 tahun mendatang kepada rakyat di kawasan luar bandar untuk keluar daripada belunggu kemiskinan.

**Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21.

#### ■1040

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Sarawak yang Ke-61 kepada semua rakyat negeri Sarawak... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, berdasarkan Survei Pendapatan dan Isi Rumah (HIS) 2022, insiden kemiskinan tegar pada tahun 2022 bagi Negeri Sembilan adalah 0.1 peratus. Manakala, insiden kemiskinan tegar mengikut daerah di Negeri Sembilan adalah Jelebu 0.6 peratus, Seremban 0.1 peratus dan lima buah daerah yang lain iaitu Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau, Tampin, dan Jempol masing-masing



adalah kosong peratus. Manakala, berdasarkan data eKasih seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar di Negeri Sembilan adalah sifar.

Walaupun insiden kemiskinan tegar di Negeri Sembilan adalah rendah, kerajaan terus memberi tumpuan kepada usaha menoktahkan kemiskinan di negeri ini melalui pelbagai program termasuklah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi. Program IPR berupaya menggalakkan golongan sasaran bekerja bagi menjanakan pendapatan tambahan secara mampan dan berharap tidak kembali terjerumus ke dalam kancah kemiskinan pada masa akan datang.

Di bawah IPR Inisiatif Usahawan Makanan Insan terdapat peserta yang telah berjaya meraih hasil jualan bulanan berjumlah RM11,600 pada bulan Mei 2024 melalui mesin layan diri yang beroperasi di Universiti Teknologi Mara Seremban. Pelaksanaan IPR Insan ini turut diperluaskan di Negeri Sembilan di UiTM Kuala Pilah dan UiTM Rembau.

Bagi IPR Inisiatif Usahawan Tani Insan pula, terdapat 34 golongan sasaran yang mengusahakan projek pertanian pintar di atas tanah berkeluasan 17 ekar di Rompin dan Rembau. Program IPR seterusnya adalah Basmi Miskin Tegar (BMT) yang menyediakan program khusus berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti yang dipilih di seluruh negara.

Sejumlah 77 KIR miskin tegar telah mendapat limpahan manfaat di bawah program ini di lima lokaliti berbeza di Negeri Sembilan iaitu di DUN Serting, DUN Paroi, DUN Pertang, DUN Rantau dan di Kampung Orang Asli Parit Gong, Jelebu. Bagi memastikan kelestarian program ini dalam jangka masa panjang, Kementerian Ekonomi juga melaksanakan program peningkatan kapasiti dan model insan serta kursus pengurusan awas kewangan serta *book keeping* kepada peserta-peserta IPR yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik universiti awam.

Selain itu, ekosistem penawaran dan permintaan turut diwujudkan di bawah IPR iaitu menyediakan pembeli sedia ada atau, dengan izin *off-takers*. Contohnya, setiap hasil tuaian dalam Program IPR INTAN ada *off-takers* yang sedia ada untuk memastikan pendapatan peserta adalah sentiasa konsisten dan mampan.

Kesimpulannya, usaha menoktahkan kemiskinan melalui IPR ini *insya-Allah* akan terus kekal relevan pada masa yang akan datang. Namun perkara utama yang perlu ditekankan adalah golongan sasaran dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan untuk jangka masa panjang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Soalan tambahan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa Kementerian Ekonomi sudah merangka perancangan untuk Kampung Kuala Serdang di Kuala Pilah, Negeri

Sembilan yang merupakan Kampung Angkat Madani bagi Kementerian Ekonomi. Soalan saya ialah, apakah aspirasi yang ingin dicapai oleh Kementerian Ekonomi menerusi penglibatan dalam Program Kampung Angkat Madani di peringkat Negeri Sembilan?

Bagaimanakah Kementerian Ekonomi dapat menjadikan penglibatan dalam program Kampung Angkat Madani sebagai model terbaik untuk membangunkan peluang-peluang ekonomi jangka pendek dan jangka panjang di setiap kampung khususnya yang berada di dalam daerah termiskin di Negeri Sembilan? Sekian.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, saya tidak mempunyai maklumat ini di hadapan saya. *Insyah-Allah* saya akan memberikan balasnya melalui bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Roderick Wong.

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

**6. Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) status pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sarikei; dan
- (b) punca utama yang menyebabkan kelewatan penyiapan pembinaan itu.

**10.45 pg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Dato' Yang di-Pertua, tahniah diucapkan, dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik secara berperingkat jaringan infrastruktur jalan raya di Sarawak, bermula dari Telok Melano di Sematan hingga ke Miri sepanjang 786 kilometer. Pelaksanaan projek LPB Sarawak dibahagikan pada 11 Pakej kerja.

Sehingga kini, status penyiapan keseluruhan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak adalah 99 peratus siap di mana pakej- antaranya ialah Pakej Kerja 01 Telok Melano ke Sematan sepanjang 33 kilometer, dimulakan dan siap ya pada 6 Januari 2019. Pakej Kerja 02 Sematan ke Sungai Moyan sepanjang 95 kilometer siap pada 25 Mac 2024. Pakej Kerja 03 Bulatan Serian ke Persimpangan Pantu sebanyak 70 kilometer siap pada 27 Mei 2023. Pakej Kerja 05 Batang Skrang ke Sungai Awik sepanjang 68 kilometer siap pada 7 Oktober 2023.

Pakej Kerja 07 Persimpangan Bintangor ke Jambatan Sungai Kuas sepanjang 76 kilometer, digunakan pada 26 Januari 202 dan Pakej Kerja 10 Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap sepanjang 77 kilometer pada 10 Februari 2024. Manakala status kemajuan

pembinaan bagi Pakej Kerja 05 di peringkat akhir pembinaan di mana hanya sebahagian kecil kerja-kerja perabot jalan masih belum selesai dilaksanakan.

Merujuk kepada jajaran projek LPB Sarawak di Sarikei yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Pakej Kerja 06 Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor, status pembinaan Pakej Kerja tersebut terkini adalah 96 peratus siap. Punca utama kelewatan pembinaan di pakej kerja tersebut adalah bagi membolehkan pengalihan utiliti iaitu paip air disediakan sepenuhnya. Sehubungan itu, kerja-kerja yang terlibat sedang giat dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dengan pengawasan rapi oleh JKR Sarawak selaku pegawai penguasa projek.

Dengan selesainya pengalihan paip air dan bagi kerja yang lain, pakej kerja tersebut dijadualkan akan dibuka untuk pengguna jalan raya pada minggu keempat bulan Ogos 2024. Dengan pelaksanaan projek LPB Sarawak ini bukan sahaja dapat menambah baik jaringan jalan raya di Sarawak dan melengkapkan jaringan jalan raya ke negeri Sabah dan negara Brunei Darul Salam, bahkan bakal mewujudkan peluang pekerjaan pemangkin pembangunan sosioekonomi dan menyediakan laluan perjalanan yang lebih pantas, selesa dan selamat bagi penduduk di Sarawak, khususnya. Terima kasih.

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Soalan tambahan. Terima kasih YB Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua?

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Yang sedia maklum kita tahu ini Pan Borneo-Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak telah siap 99 *percent*. Jadi yang satu *percent* tinggal itu adalah di Sarikei. Jadi daripada jawapan yang saya terima pada persidangan lepas, mengenai kerja-kerja *Pan Borneo Highway* dari kawasan Bulat ke kawasan Bayong iaitu Sarikei, dijangka akan siap pada Februari tahun ini, tapi sehingga sekarang masih lagi belum siap. Musim perayaan seperti Gawai yang lepas, keadaan *jammed* sampai empat hingga enam jam. Satu minggu ini sahaja ada empat sampai lima kemalangan berlaku.

Jadi apakah sebab dan alasan kelewatan ini? Sampai bila penduduk-penduduk setempat harus menunggu? Adakah kerja pembinaan akan dijalankan secara 24 jam demi mempercepatkan pembinaan dan mengelakkan kemalangan lagi? Soalan kedua saya ialah adakah kementerian mempunyai perancangan menetapkan jajaran *redline* di Sarikei? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya sebut, punca kelewatan untuk pakej kerja Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor yang mana ia melibatkan kawasan di Bulat ke kawasan Bayong adalah disebabkan pengalihan utiliti iaitu paip air jika kita selesai membuat pengalihan itu, maka keseluruhan jajaran itu akan siap pada minggu keempat bulan Ogos 2024.

Hari ini 24 Julai, jadi mungkin sebulan, seminggu lagi Yang Berhormat siap tentang jajaran yang berkaitan dan kita juga mendapat laporan pada Hari Gawai Dayak tempoh hari, ada kesesakan lalu lintas yang luar biasa di tempat itu. Antaranya kerana mereka yang menaiki kenderaan, berhenti rehat di Pekan Jaka- kita sepatutnya tutup atas faktor keselamatan, tetapi telah dibuka secara sementara bagi mengurangkan kesesakan dan pihak Polis dan JKR Sarawak membantu untuk menyuraikan trafik pada ketika itu.

Mengenai *redline* ini, adalah kawasan di mana jalan lama disambung dengan lebuh raya baharu dan apa yang kita laksanakan sekarang adalah beberapa mesyuarat, saya juga hadir antaranya yang terkini bersama dengan Premier di Kuching.

Mesyuarat kita mengenai *redline* sepanjang 134 kilometer, jalan lama yang disambung dengan lebuh raya baharu yang perlu diperbaiki dan kita membuat keputusan bahawa 17 kilometer kita akan baiki segera dan persimpangan bertingkat di Batu 8- Yang Berhormat Yang di-Pertua juga tahu tempat ini. Kita akan adakan persimpangan bertingkat itu dan kita dapat duit sekitar RM600 juta daripada penjimatan Lebuh Raya Trans-Borneo. Jadi, ini sudah ada satu kepastian dan keputusan. Terima kasih.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri nak jawab? Dia ada dua soalan.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Bagi satu sahaja bah. *First time this week* lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan boleh had tiga saja.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Okey, mohon pihak Menteri memaklumkan juga status pembinaan Lebuh Raya Pan-Borneo di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu ada kaitan dengan soalan asal, kah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *Takpe* boleh, boleh. Dato' Yang di-Pertua, ini orang Putrajaya tanya Sabah. Sebab ya lah dia ada ramai kawan di sanalah, kita pun ada di sini ramai dari Sabah juga.

Saya ingin menyatakan di sini, bahawa *Pan-Borneo Sabah* ini dia ada dua Pakej yang utama iaitu 15 Pakej 1A. Kerja secara keseluruhan 76 peratus dan ada di antara 15 Pakej itu telah dibuka. Sebagai contoh, Gonggongan ke Papar telah dibuka pada 29 Ogos 2022 lagi, sudah 100 peratus siap. Kemudian, Tawau-Semporna, 100 peratus siap ya. Kemudian, *Lahad Datu Bypass*- 100 peratus siap. Kampung Lot M Miles 32, 100 peratus siap. Dan yang tidak siap itu apabila kita puratakan tahap penyediaan sekarang ini adalah 76 peratus untuk Pakej 1A.

Pakej 1B pula, dalam proses penilaian tender di Kementerian Kewangan pada saat dan ketika ini. Terima kasih.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan? Ini penting juga ini- ini khusus untuk Sarawak, membantu orang Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, ada kena-mengena sebab soalan Sarawak, okey.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya pendek sahaja.

Timbalan Menteri saya lalu Pan-Borneo dari Bintulu ke Miri, saya tengok *takde* R&R, kan? Ada R&R juga, tapi dia macam *takde* lah, *takde* bangunan, tapi R&R ni penting sebab sekurang-kurangnya tandas kena ada- jadi, berapa R&R yang akan dibina? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita tentunya ada perkara R&R ini, dan kita akan membina mengikut berapa jarak antara satu tempat ke satu tempat. Dan harapan kita, di tempat yang belum ada, bukan hanya Kementerian Kerja Raya, tetapi patut juga dilibatkan oleh PBT- pihak berkuasa tempatan di kawasan-kawasan berkaitan. Sebab kita tahu bahawa Pan Borneo Sarawak ini ialah tidak ada kutipan tol. Oleh itu kalau kita boleh *share the cost*, maka itu lebih elok.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya nak maklumkan di sini ialah hanya persimpangan-persimpangan utama yang ada lampu jalan. Ada banyak lagi kawasan Pan Borneo itu yang gelap maka dia perlu ada lampu jalan dan lampu jalan yang kita cadang ialah menggunakan solar. Dan kalau boleh, kita bersama Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri untuk membinanya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Dato' Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

7. **Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan, inisiatif yang diambil untuk memastikan komoditi Malaysia memenuhi piawaian pensijilan antarabangsa seperti *Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)* dan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)*.

**Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Chan Foong Hin]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah memperkenalkan piawaian MSPO pada tahun 2013, yang merangkumi aspek kelestarian alam sekitar, ekonomi dan sosial. Piawaian MSPO telah melalui proses semakan pada tahun 2022. Berbagai-bagai elemen baru telah diterapkan untuk memastikan pengurusan ladang dan produk minyak sawit dihasilkan secara mampan.

RSPO pula adalah pensijilan yang diperkenalkan pada tahun 2004, dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan bagi pengeluaran dan penggunaan minyak sawit yang mampan. Pensijilan RSPO, memerlukan entiti terlibat menjadi ahli RSPO serta kos pensijilan RSPO perlu ditanggung oleh penggiat industri atas dasar sukarela antara pembeli

dengan penjual bagi menunjukkan komitmen terhadap pengeluaran minyak sawit yang mampan.

Kerajaan tidak mempunyai sebarang penglibatan langsung dalam skim RSPO dan tumpuan kerajaan ketika ini adalah lebih kepada MSPO, berbanding RSPO kerana MSPO adalah lebih komprehensif.

Antara inisiatif kerajaan untuk memastikan produk sawit memenuhi piawaian MSPO, adalah dengan memandatorikan pensijilan ini mulai 1 Januari 2020 untuk ladang dan kilang kelapa sawit manakala 1 Januari 2021 untuk pekebun kecil.

Pensijilan MSPO merupakan satu kriteria untuk permohonan atau pembaharuan lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia, MPOB. Oleh itu entiti tersebut perlu mempunyai pensijilan MSPO untuk membolehkan mereka memperbaharui lesen MPOB.

Kerajaan juga menyediakan insentif kepada syarikat perladangan, kilang kelapa sawit dan kilang-kilang pemprosesan yang mengambil pensijilan MSPO, dengan secara *one-off*. Sebagai contoh, syarikat perladangan yang melebihi 1,000 hektar dan kilang sawit boleh memohon insentif sebanyak 30 peratus kos pensijilan MSPO yang merangkumi kos pengauditan, sesi libat urus dengan pemegang taruh, semakan *peer review* dan penulisan laporan.

Syarikat perladangan yang kurang daripada 1,000 hektar pula layak memohon insentif 100 peratus daripada kos pensijilan MSPO serta kos persediaan MSPO seperti penyediaan laporan, penilaian impak sosial dengan nilai maksimum RM10 ribu. Insentif juga diberikan kepada pekebun kecil persendirian melalui MPOB yang mana kos pengauditan berserta alat perlindungan diri PPE dan rak simpanan racun, latihan amalan pertanian baik serta dokumentasi MSPO diberikan secara percuma kepada pekebun kecil persendirian.

Insentif ini masih dilaksanakan bagi pekebun kecil untuk mengurangkan beban kewangan mereka untuk mengekalkan pensijilan MSPO apabila tamat tempoh. Selain itu, taklimat dan latihan juga dijalankan kepada pihak industri sawit untuk membantu dalam pematuhan piawaian MSPO. MPOB turut mewujudkan *sustainable palm oil cluster* (SPOC) untuk memudahkan pengurusan pekebun kecil secara berkumpulan di bawah kelolaan pegawai TUNAS yang akan memberi latihan kepada pekebun kecil mengenai pensijilan MSPO.

Sistem latihan secara berkelompok telah dirangka dan dilaksanakan untuk memastikan pekebun kecil mendapatkan pendidikan berterusan mengenai kaedah pengurusan ladang yang mampan dan pematuhan kepada piawaian pensijilan MSPO. Di samping itu, kerjasama yang lebih erat dengan badan antarabangsa dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk mempromosi kemapanan dalam industri sawit serta perkongsian amalan terbaik dengan negara-negara pengeluar sawit yang lain. Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri keutamaan yang bertanya.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Tuan punya dulu. Soalan tambahan saya, adakah dengan pensijilan-pensijilan yang memenuhi keperluan antarabangsa ini boleh mengurangkan sekurang-kurangnya sentimen antarabangsa yang mengatakan kita memusnahkan hutan untuk menghasilkan kelapa sawit. Kalau tidak boleh memadamkan, sekurang-kurangnya ia boleh mengurangkan sentimen tersebut. Terima kasih.

**Datuk Chan Foong Hin:** Ya, MSPO adalah *tool*- alat yang dipakai oleh Malaysia untuk meyakinkan pasaran di luar sana, terutamanya *European Union*- Kesatuan Eropah untuk mengambil satu persepsi yang positif terhadap Malaysia.

■1100

Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh KPK untuk meyakinkan dan memastikan bahawa pensijilan MSPO ini dapat memenuhi perundangan mereka. Perundangan *European Union Deforestation-Free Regulation* (EUDR) supaya minyak sawit Malaysia tak diskriminasi di pasaran Eropah. Antara usaha yang kita telah lakukan termasuk penubuhan *Ad Hoc Joint Task Force on EUDR* dengan kerjasama bersama dengan *Indonesia Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) dan juga Suruhanjaya Eropah.

So, inilah antara langkah-langkah yang kita telah ambil untuk meyakinkan mereka kerana melalui MSPO ini kita menangani isu seperti kebolehejakan seperti ini, *the locality of the land used* dan juga ini tak ada isu *force labor* dan kita memastikan tiada lagi hutan ditebang selepas 1 Januari 2020 untuk penanaman kelapa sawit. So, saya amat yakin ini dapat meyakinkan pasaran daripada Kesatuan Eropah tersebut.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya tentang proses bantuan dan syarat-syarat kepada pekebun kecil, jumlah yang boleh dan berapa lama kelulusan tersebut? Terima kasih.

**Datuk Chan Foong Hin:** Ya, seperti tadi yang saya katakan sebenarnya kita memberikan pelbagai jenis panduan untuk pekebun kecil ini supaya mereka memenuhi piawaian MSPO. Seperti PPE juga, ini... *[Tidak jelas]* Mana racun juga, latihan amalan pertanian baik serta dokumentasi MSPO.

Ini kita tolong secara percuma melalui TUNAS di bawah MPOB. Setakat ini untuk pekebun kecil persendirian pencapaian untuk pensijilan MSPO sehingga 30 Jun adalah 33.88 peratus.

So, ini merupakan satu pencapaian di mana kita masih tak puas hati, kita nak semakin menuju ke-satu tahap yang lebih tinggi dengan secara keseluruhan untuk kesemua estet, tak

kira pekebun kecil persendirian atau pekebun kecil tersusun atau estet di bawah syarikat yang besar ini. Secara puratanya, adalah 85.42 peratus pencapaian MSPO.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mahu jawab kah? Ini sudah nombor tiga ini.

**Datuk Chan Foong Hin:** Nombor tiga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nombor tiga. Kalau ada berkaitanlah.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Berkaitan.

**Datuk Chan Foong Hin:** Okeylah, kerana dia Presiden Gerakan, kena kasi muka...

[Ketawa]

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Bukan Presiden Gerakan sahaja kerana Kementerian itu, dulu bos saya Presiden Gerakan juga, MSPO.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tahu MSPO, RSPO, *Deforestation-Free Regulation*, ini adalah semua permintaan daripada *Europe* untuk dagangan sawit tetapi kita nampak sekarang ialah negara China, negara India pun menjadi satu import yang terbesar sekali kelapa sawit kita. Boleh mintalah Timbalan Menteri jelaskan, perkembangan pengukuhan perdagangan sawit di negara-negara besar seperti China dan India? Terima kasih.

**Datuk Chan Foong Hin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawab soalan YB Senator Dominic Lau, untuk pasaran-pasaran lain seperti China atau India walaupun pada masa sekarang, buat masa sekarang mereka tidak ada kecenderungan untuk meletakkan piawaian yang tinggi.

Cuma, kita yakin bahawa dunia ini sekarang amat pentingkan keselamatan makanan *food safety*. So, di antara *food safety* isu ini adalah kebolehjejukan *traceability*. So, ini melalui MSPO *traceability* untuk macam mana sepanjang rantai daripada *upstream* ke *downstream* ini salah satu aspek yang kita lihat dan kemungkinan pada masa yang akan datang negara-negara seperti India dan China juga pun akan melihat ini sebagai satu aspek yang penting.

Seperti contoh, baru-baru ini saya baru daripada misi lawatan ke China. Pegawai-pegawai mereka terutamanya ini Kementerian Ekologi dan Alam Sekitar, mereka juga tanya fasal isu-isu untuk 3-MCPD. Salah satu ini dikatakan yang boleh *carcinogenic* yang dikatakan elemen *carcinogenic* daripada kelapa sawit ini. Mereka juga ada *concern*.

So, ini sesuatu yang selalu berkembang, selalu dinamik, di mana kita tak boleh meletakkan- kita tak boleh kompromi dengan kualiti minyak sawit kita sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri? Tak nak?

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Boleh, lah? Saya Penaung Persatuan Pekebun Kecil di Sarawak. Satu soalan yang ringkas sahaja... [Dewan riuh]

**Datuk Chan Foong Hin:** [Ketawa]



**Tuan Yang di-Pertua:** Mesti berkaitan dengan kepala sawit.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Berkaitan yes, tentang MSPO. Tadi saya mendengar statistik yang diberikan adalah hanya 33 peratus pekebun kecil persendirian yang telah mendapat...

**Datuk Chan Foong Hin:** 73, 73.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Ha? 73? Okey, *thank you*, yang telah mendapat sijil MSPO. Soalan saya, adakah kementerian akan terus menaja ataupun membiayai pengauditan bagi mereka yang belum mendapatkan sijil MSPO? Ringkas, terima kasih.

**Datuk Chan Foong Hin:** Okey, Kerajaan Madani selalu sedia membantu. Terima kasih... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin.

**8. Dato' Ajis bin Sitin** minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, bilakah pihak kerajaan akan melengkapkan pembangunan Tanaman Semula Komersial (TSK) kelapa sawit kepada keseluruhan 853 perkampungan Orang Asli di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua, program ladang Orang Asli komersial telah bermula sejak tahun 1976. JAKOA dengan kerjasama Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah membangunkan sebanyak 205 projek pembangunan ladang Orang Asli dengan keluasan sejumlah 30,545.4 hektar.

Program tanam semula ladang komersial Orang Asli pula adalah inisiatif kementerian melalui JAKOA bertujuan bagi melaksanakan kerja tanam semula kepada ladang getah dan sawit yang telah dibangunkan melalui program ladang Orang Asli.

Tanam semula ladang ini memberi fokus kepada ladang-ladang yang sudah melebihi umur produktif dan penghasilan yang ekonomi bagi memastikan peserta ladang masih menerima manfaat bayaran dividen dengan kadar yang bersesuaian. Program yang dilaksanakan adalah berdasarkan ladang-ladang sedia ada yang telah dibangunkan dan bukanlah mengikut jumlah keseluruhan kampung Orang Asli.

Walau bagaimanapun, pembangunan ladang-ladang tanam semula komersial bagi 853 perkampungan Orang Asli bergantung kepada perkara-perkara berikut:

- (i) status pemilikan tanah, pembangunan tanah TSK perlu mengambil kira status pemilikan tanah sekiranya pembangunan ladang sawit ini perlu

- dilaksanakan di kawasan yang belum diwartakan di bawah Akta 134 kebenaran pihak berkuasa negeri perlu diperolehi terlebih dahulu;
- (ii) peruntukan daripada Kementerian Kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan; dan
  - (iii) kesesuaian lokasi dan faktor ekonomi kampung Orang Asli berkenaan.

Yang mana fokus kita kesesuaian lokasi *quo* perlu diteliti. Di mana terdapat kampung-kampung yang terletak di kawasan pedalaman yang tidak ekonomik untuk dibangunkan.

Kedua, pembangunan ladang sawit juga bergantung dengan kesesuaian tanah.

Ketiga, pembangunan ladang-ladang perlu juga mengambil kira jumlah ketua isi rumah dan bilangan penduduk yang bakal menerima manfaat berbanding pelaburan yang kerajaan buat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ajis bin Sitin:** Terima kasih kepada Menteri yang menjawab soalan. Jawapan yang tepat dan padu. Cuma, didapati bahawa ladang-ladang ini sekarang ini berada dalam keadaan yang dah lama, dah tua... *[Tidak jelas]* Dan kurang mengeluarkan hasil. Untuk makluman juga, TSK ini merupakan satu-satunya inisiatif yang sangat berjaya untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli.

Soalan tambahan saya ialah apakah inisiatif kerajaan untuk membantu masyarakat ini supaya dalam tempoh pembangunan semula ataupun tanaman semula ladang ini masyarakat Orang Asli juga menerima dividen atau bayaran-bayaran seperti sekarang? Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Terima kasih YB Senator soalan tambahan. Kerajaan sedia maklum dengan situasi ladang-ladang TSK yang tidak produktif dan mempunyai hasil yang rendah. Justeru itu, program tanam semula ladang Orang Asli dilaksanakan dalam RMKe-12. Di mana siling peruntukan sebanyak RM128,000,000 telah diluluskan melibatkan 18 buah ladang dengan keluasan sejumlah 4,411.28 hektar bagi tempoh pelaksanaan selama lima tahun bermula tahun 2022-2027.

#### ■1110

Sehingga tahun 2024, sebanyak RM48 juta telah dibelanjakan bagi tujuan berkenaan. Peruntukan yang diluluskan selain daripada tujuan penanaman semula, turut diluluskan elaun sara hidup, di mana dengan ketetapan sebanyak RM170 per hektar bagi setiap peserta. Ini bagi memastikan peserta-peserta TSK mempunyai sumber kewangan tambahan ketika proses tanam semula ladang-ladang TSK ini. Selain 18 ladang TSK yang telah diluluskan, JAKOA bersama agensi mengurus dalam proses mengenal pasti TSK-TSK yang berpotensi untuk disenaraipendek dalam permohonan RMKe-13 nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut berkenaan dengan ladang, bila nak tanam semula mesti mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri dan ada juga ladang-ladang TSK ini yang tidak ditanam semula seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ajis tadi dan apakah langkah kementerian untuk membolehkan supaya ladang-ladang ini boleh ditanam semula sekiranya tidak dapat kelulusan daripada kerajaan negeri? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Terima kasih YB. Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, proses penanaman semula TSK sekarang telah melibatkan banyak tindakan. Antaranya libat urus dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Untuk makluman YB. Senator, penanaman TSK kita pada peringkat awal hanya mendapat kelulusan kerajaan negeri tanpa JAKOA ataupun kerajaan membayar pampasan atau pun premium tanah.

Sebab itu untuk proses penanaman semula tanaman TSK ini, kita perlu memohon semula kelulusan kerajaan negeri dan sesetengah kerajaan negeri telah mengenakan pelbagai syarat dan pelbagai syarat inilah yang perlu kita masukkan dalam *specs* ataupun justifikasi projek-projek baru.

*Alhamdulillah*, beberapa buah kerajaan negeri telah pun memberi kerjasama dalam proses penanaman semula TSK ini, terutamanya Kerajaan Negeri Pahang yang mana kita bersetuju *win-win situation*. JAKOA akan mengambil kira tuntutan ataupun permohonan daripada kerajaan negeri, khasnya dari sudut premium sebelum TSK-TSK ini dimulakan. Maksudnya, tanaman ini dimulakan. Di samping itu, kita juga mengadakan libat urus dengan Orang Asli sebab ada separuh tanam semula ini mendapat bantahan ataupun tidak mendapat kerjasama daripada Orang Asli itu sendiri sebab dia nak tanaman lain diusahakan untuk mereka. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Bobbey Bin Suan.

**Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Dato' sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Soalan saya nombor 9.

**9. Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan** minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, status perkembangan pelaksanaan inisiatif RM50 juta untuk memajukan padi huma di wilayah Malaysia Timur.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]:** Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertamanya, saya bagi pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data pada tahun 2023, pengeluaran padi bukit dan padi huma adalah sebanyak 52,966 metrik tan melibatkan keluasan kawasan penanaman sebanyak 42,534 hektar yang terdiri daripada 38,877 orang pesawah. Daripada jumlah tersebut, keluasan penanaman padi bukit dan padi huma di Sabah adalah sebanyak 13,266 hektar dengan pengeluaran hasil padi sebanyak 30,424 metrik tan melibatkan 15,617 orang pesawah, manakala keluasan bertanam bagi Sarawak pula adalah 29,268 hektar dengan pengeluaran hasil padi sebanyak 22,542 metrik tan dan melibatkan 23,260 orang pesawah.

Bagi tahun 2024, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta di bawah Program Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit sebagai usaha untuk memajukan lagi penanaman padi bukit dan padi huma pada masa akan datang. Tumpuan utama Program Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit adalah di kawasan penanaman padi bukit atau padi huma, khususnya bagi Sabah dan Sarawak.

Justeru, pelaksanaan Program Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit pada tahun ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih kurang 43,000 orang pesawah yang mengusahakan tanaman padi bukit atau padi huma di Sabah dan Sarawak. Program ini meliputi pembekalan input pertanian seperti baja sebatian, baja urea cair dan racun rumpai yang mana pembekalan dan penghantaran input pertanian dijangka akan dilaksanakan sebelum musim penanaman padi iaitu kita akan mula melaksanakan mulai Ogos 2024. Sekian dan terima kasih.

**Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan:** Soalan tambahan, Yang di-Pertua. Terima kasih. Terima kasih juga kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang saya tengok banyak angka yang disebutkan tadi. Terima kasih. Di Sabah, padi bukit ini adalah sangat dekat di hati rakyat, terutama sekali orang-orang asal iaitu Kadazan-Dusun dan Murut. Jadi, mereka ini telah mengusahakan padi bukit ini ataupun padi huma ini sejak turun temurun lagi, daripada nenek moyang mereka.

Jadi menyedari potensi ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengkomersialkan padi bukit ataupun padi huma ini atau pelaksanaan berskala besar sebagai sumber pendapatan kepada pengusaha padi bukit ini? Sekian, terima kasih.

**Datuk Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih atas cadangan yang sangat baik itu untuk menjadikan padi bukit dan juga padi huma sebagai bukan sahaja sumber makanan, sumber ekonomi tetapi juga identiti produk bagi kaum Asal Sabah dan Sarawak. Meskipun aktiviti penanaman padi bukit dan padi huma ini biasanya diamalkan secara semi tradisional bagi tujuan sara diri tetapi kerajaan masih menyedari

mengenai potensi padi bukit dan padi huma sebagai sumber pendapatan kepada para pesawah. Oleh itu, kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut.

Pertama, menjadikan pelaksanaan Program Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit dan Padi Huma pada setiap tahun sebagai salah satu daripada 12 inisiatif Gelombang Padi dan ia bermatlamat bagi meringankan beban para pesawah padi bukit dan padi huma dengan menampung sebahagian daripada kos penanaman.

Kedua, kita melibatkan agensi di bawah kementerian seperti Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga IADA untuk bergiat aktif dalam mempromosikan beras padi bukit kita. Sebagai contoh, Lembaga Pertubuhan Peladang menyediakan kemudahan *vacuum pack* bagi tujuan pembungkusan beras padi bukit yang lebih menarik, di samping dapat menjenamakan produk tersebut di pasaran yang lebih meluas.

#### ■1120

Pada masa yang sama, Lembaga Pertubuhan Peladang turut menyediakan peruntukan kepada pengusaha padi bukit dan padi huma melalui program Pemilikan Jentera Kecil dan Sederhana secara geran padanan di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk membeli mesin atau jentera pertanian kecil yang sesuai dan diperlukan untuk meningkatkan lagi pengeluaran penanaman padi bukit dan AIDA juga telah mempromosi beras padi huma iaitu beras keladi ataupun Tambatun di kawasan Kota Belud dan menyediakan reka bentuk pembungkusan yang lebih menarik.

Di peringkat kerajaan negeri pula, Kerajaan Sabah dan Sarawak juga mengadakan pelbagai kerjasama dengan syarikat swasta bagi mempromosikan dan memasarkan hasil beras istimewa kita daripada Sabah dan Sarawak ke Semenanjung di mana pelbagai *variety* beras istimewa dipasarkan di sekitar pasar raya utama dan juga Jabatan Pertanian Negeri Sabah dan juga Sarawak turut melaksanakan aktiviti pengembangan pertanian melalui lawatan tapak dan latihan in-situ. Dalam hal ini, para pegawai pengembangan mengadakan sesi pertukaran maklumat terkini bersama para pengusaha padi huma dari semasa ke semasa. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** Saya asal dari Kedah, patutlah bab-bab padi ini...

[Ketawa]

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Saya pun ini soalan tradisi.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan saya berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul dari Kedah kah itu?

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan tadi melengkapkan minat

saya. Namun seperti Kedah sebut tadi, padi huma di Kedah juga popular dan menjadi jenama yang boleh bersaing dengan *quinoa* agaknya ya ataupun *konjac rice* yang sekarang ini entah apa-apa menjadi popular.

Jadi, apakah kementerian berhasrat, kerajaan berhasrat untuk betul-betul menjenamakan hasil padi huma baik di Sabah Sarawak mahupun di kawasan Kedah. Di Baling pun ada banyak, memang popular sebagai suatu bahan yang kalau pun mahal sedikit, tetapi dengan rasa dan juga kualitinya saya yakin, ia akan mendapat pasaran meluas dalam dan luar negara. Apa pandangan kementerian.

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** Saya tarik balik soalan saya. Sama sajalah... [Ketawa]

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Bolehkah saya tambah soalan itu untuk dijawab oleh Menteri Tuan Yang di-Pertua? Boleh saya tambah kah soalan itu untuk nanti dijawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tapi berkaitan dengan soalan dia.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Berkaitan, sangat berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menjenamakan padi itu.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Bicaranya ialah peruntukan bajet padi huma. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Boleh izinkan saya soal dahulu sebelum nanti dijawab bersama soalan Dr. Mohd Hatta Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum soal lagi kah? Soal lah.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan? Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu lari ganti-ganti. Soalan isu padi bukit, padi darat ini ialah isu soalan tradisi saya dalam Dewan ini dan sebab itu saya harap saya boleh turut sama memaklumkan isu ini.

Selalunya apabila disebut padi huma, padi darat, padi bukit dihubungkan dengan Malaysia Timur. Satu lagi padi, isu bukan padi bukit. Di Sarawak, padinya di bukit tapi di Semenanjung, padinya di *flat land*, *dry land paddy*. Bagaimana kementerian boleh turut memberi fokus kepada program ini di Semenanjung termasuk Sabah, di Terengganu, di Pantai Timur dan lain-lain untuk membolehkan jumlah *dry land* mahupun padi bukit dan huma ini mampu meningkatkan peratusan melampaui jumlah yang kita ada sekarang 63 *percent* produk padi tempatan.

Bolehkah tidak peruntukan bajet yang sama ini boleh digunakan untuk pelengkap kepada padi untuk jadi makanan, saya *share*kan dalam *group* Senator satu produk namanya sekoi atau *sorghum* yang Indonesia sekarang sudah menjadikan *sorghum* sebagai *national plant* bagi Indonesia, yang sama cara makan dengan padi termasuk dimakan dengan lauk pauk dan ia adalah makanan tradisi masyarakat Malaysia. Dulu, namanya sekoi. Mohon untuk dipertimbangkan dalam hubungan perkara yang sama. Terima kasih.

**Datuk Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah bertanyakan soalan sekali tadi. Pertama, kita juga tahu bahawa ada usaha untuk menanamkan padi bukit dan padi huma di kawasan Semenanjung tetapi program yang kita laksanakan pada tahun ini ia dikenali sebagai program *one-off*, kelulusan khas daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membantu kepada pesawah padi bukit dan padi huma di Sabah dan Sarawak.

Sebab yang pertama, kadar sara diri bagi padi dan beras di Sabah dan Sarawak masih agak rendah berbanding dengan Semenanjung dan Semenanjung memang menerima banyak bantuan yang lain, khususnya dalam pengeluaran beras putih tempatan.

Maka kita perlu membantu, lebih membantu kepada pesawah-pesawah khususnya yang berada di kawasan kampung-kampung dan kawasan yang sangat terpencil di Sabah dan Sarawak. Pertama, meningkatkan kadar sara diri beras untuk mencukupkan makanan dan yang kedua, menjana lebih banyak peluang pendapatan ekonomi melalui beras yang spesial ini.

Juga, pengeluaran beras padi bukit dan padi huma di Sabah dan Sarawak sebenarnya lebih besar berbanding sama Semenanjung. Semenanjung mempunyai pengeluaran padi beras putih yang lebih besar tapi bagi Sabah dan Sarawak beras padi bukit dan huma ini pengeluarannya lebih besar daripada Semenanjung. Maka kita nampak ROI nya mungkin lebih baik kita bantu dulu pengusaha dari Sabah dan Sarawak untuk mengeluarkan padi bukit dan padi huma ini yang sangat berpotensi.

Berkaitan pula dengan cadangan-cadangan iaitu saya menyambut baik. Kita akan memohon lagi supaya bantuan *one-off* ini, mudah-mudahan boleh dimasukkan dan diluluskan sebagai satu lagi program yang boleh dilaksanakan pada tahun hadapan... [Tepuk] Untuk meluaskan kepada Semenanjung, saya akan ambil kira dan akan membawa cadangan itu kepada mesyuarat. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih. Nasib baik Tuan Yang di-Pertua, hampir-hampir masa sudah habis dan juga Timbalan Menteri kacak sudah siap. Soalan saya nombor 10.

**10. Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta Menteri Pendidikan menyatakan, status dalam mewajibkan pengajian sekolah menengah di negara ini. Bilakah ianya akan dilaksanakan oleh kementerian supaya keciciran dapat dibendung.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. dengan kata-kata yang manis pada awal pagi ini. Sememangnya Tuan Yang di-Pertua pada hari semalam, saya telah pun memberikan sedikit penjelasan berkenaan dengan usaha dan juga perbincangan yang

sedang dijalankan antara bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan dengan isu ini.

Perlanjutan dasar pendidikan wajib daripada pendidikan rendah hingga pendidikan menengah akan melibatkan pindaan terhadap Akta Pendidikan 1996 yang mana draf Rang Undang-undang Pendidikan, pindaan berkenaan dengan perlanjutan dasar pendidikan wajib ini sedang dibincangkan dan dimuktamadkan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, sebelum ia boleh dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara bagi tujuan semakan dan juga ulasan perundangan. Seterusnya Rang Undang-undang Pendidikan pindaan ini, barulah boleh dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Ini juga adalah lanjutan daripada persetujuan dasar oleh Jemaah Menteri yang telah pun diberikan pada bulan Jun 2024 dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Soalan tambahan. Sebelum itu kalau boleh dapatkan *time frame* Yang Berhormat Timbalan Menteri agaknya bila ia boleh dimuktamadkan? Soalan tambahan saya, apakah status keciciran *drop out*, dengan izin di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah di negara ini? Apakah tindakan yang telah diambil oleh KPM setakat ini? Bagi satu gambaran Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjelaskan berkenaan dengan *time frame* ataupun prosesnya iaitu pada proses sekarang draf rang undang-undang masih dalam proses perbincangan dan dimuktamadkan secara dalaman antara bahagian-bahagian termasuk PUU di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas itu, barulah boleh dihantar kepada AG dan mungkin ada perbincangan lanjut dengan AG sebelum ia dapat diangkat kepada Jemaah Menteri.

■1130

Kita berharap bahawa rang undang-undang ini dapat dibawa ke dalam sidang Parlimen pada sesi tahun 2025, itu pertama. Nombor dua berkenaan dengan status keciciran. Berkenaan dengan peratusan keciciran, mungkin saya minta izin Dato' Yang di-Pertua untuk pihak KPM bekalkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. selepas ini. Namun daripada segi data *enrollment* murid Dato', sehingga 31 Disember 2023, *enrollment* murid sekolah rendah pada peringkat pendidikan rendah adalah sebanyak 99.11 peratus. Ini adalah daripada segi data *enrollment* murid.

Sememangnya pihak KPM pada sepanjang masa mengambil tindakan untuk memastikan kita dapat mengelakkan dan juga mengatasi masalah keciciran yang mana bagi pihak KPM, KPM ada setiap tahun ada sediakan 18 jenis bantuan sekolah yang diklasifikasikan sebagai bantuan umum dan juga bantuan khusus. Banyak bantuan-bantuan



ini pada tahun ini dan juga tahun lepas telah menunjukkan satu peningkatan dari segi kadar bantuan dan juga amaun ataupun peruntukan yang diberikan.

Saya bagi contoh di sini adalah bantuan pakaian seragam iaitu sebelum ini kita memperuntukkan RM3.7 juta untuk memanfaatkan 37,458 orang murid bagi warganegara Tahun 4, Tingkatan 1 dan 4 yang diklasifikasikan dalam golongan ketua isi rumah eKasih iaitu miskin tegar. Tahun lepas RM3.7 juta tahun ini RM7 juta. Pada masa yang sama, bantuan awal persekolahan tahun ini kita juga tingkatkan kepada RM788 juta bagi tahun ini dan ada banyak lagi bantuan-bantuan yang diberikan kepada anak-anak kita dan juga keluarga yang terbabit. Terima kasih.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Saya, Dato'. Saya, cikgu... *[Ketawa]*

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Saya berdiri dulu... *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Dia biasa hormat cikgu... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, *you* nak jawab? Okey ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini cara yang betullah sebab tidak ada cikgu, tak ada kita dekat sini... *[Tepuk]* Okey, tak ada cikgu, kita tak ada. Cuma Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah keciciran tidak hanya berlaku dalam kepompong pendidikan sekolah rendah tetapi dia agak melebar juga apabila mencapai ke peringkat sekolah menengah.

Cuma adakah Yang Berhormat Menteri setuju kalau saya katakan ketiadaan peperiksaan-peperiksaan seperti UPSR dan sebagainya dan juga kegagalan sukatan pelajaran menakluki minat pelajar menyebabkan masalah keciciran ini semakin serius di sekolah-sekolah terutamanya di kawasan luar bandar? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Soalan adalah sama ada saya setuju? Maaf saya tidak dapat setuju dengan keseluruhan kenyataan. Namun demikian apabila kita berbincang berkenaan dengan ketiadaan peperiksaan seperti UPSR yang telah pun dimansuhkan beberapa tahun yang lepas, ini merupakan satu trend baharu yang mana kita menggunakan satu pentaksiran iaitu pentaksiran di bilik darjah.

Yang mana pentaksiran ini merangkumi bukan sahaja prestasi anak-anak kita semasa duduk dalam peperiksaan ataupun ujian tetapi anak-anak kita juga ditaksir atau dinilai berkenaan dengan nilai-nilai yang lain iaitu sama ada karakter mereka dalam bilik darjah dan juga penglibatan anak-anak kita dalam bilik darjah. Itu merupakan salah satu hala tuju kita.

Sememangnya dari situ berkenaan dengan keciciran ini, *part* yang bahagian yang saya setuju adalah ia tidak hanya terbabit untuk anak-anak kita di peringkat sekolah rendah

sahaja tetapi juga di peringkat pendidikan menengah. Oleh itu, apabila pihak KPM melaksanakan program-program ataupun menggunakan pakai kesemua garis panduan, ia adalah terpakai untuk kesemua peringkat.

Khasnya, contohnya berkenaan dengan usaha kita untuk mengurus murid berisiko cicir di sekolah. Kita ada garis panduan mengurus murid berisiko cicir di sekolah. Kita ada modul Serlahkan Keunggulan Diri dan juga kita memantau kehadiran anak-anak kita ke sekolah daripada masa-ke-emasan. Apabila perlu, maka pihak sekolah akan melaksanakan program-program ataupun tindakan-tindakan intervensi terhadap murid-murid yang terbabit. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidaklah, maaf. Cikgu sudah jawab... *[Ketawa]* Bukan, cikgu yang menanya itu dan Timbalan Menteri Pendidikan dah jawab. *We closed the case* dan sekarang yang terakhir. Soalan terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Syukur, *alhamdulillah*. Terima kasih Dato' Speaker. Syukur, soalan saya nombor 11.

**11. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah individu yang telah menikmati pelepasan cukai bagi insurans perubatan dan nyawa dalam tempoh lima tahun yang lepas; dan
- (b) pertimbangan kementerian dalam peningkatan insentif pelepasan cukai bagi insurans yang diambil oleh rakyat ekoran peningkatan kos perubatan dan juga penyakit tak berjangkit (NCD).

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah. Saya pun ingat tak lepas sudah... *[Ketawa]* Okey, syukur *right*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini bayaran premium insurans nyawa atau caruman takaful atas polisi insurans nyawa dibenarkan potongan cukai sehingga RM3,000 bagi maksud pengiraan cukai pendapatan individu. Selain itu, potongan cukai sehingga RM3,000 turut dibenarkan bagi bayaran premium insurans atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk pembayar cukai pasangan atau anak berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada borang penyata cukai pendapatan yang dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, bilangan pembayar cukai yang menuntut pelepasan premium insurans nyawa bagi tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2019 sehingga tahun taksiran 2023 secara puratanya adalah seramai 2.14 juta setahun, yang mana pelepasan ini memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun.

Manakala purata pembayar cukai yang menuntut pelepasan bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh yang sama, seramai 2 juta setahun dengan jumlah penjaminan cukai yang terlibat adalah sebanyak RM611 juta setahun.

Pelepasan cukai bagi insurans nyawa dan perubatan yang telah disediakan ini dapat menggalakkan individu untuk memiliki insurans perubatan dan bagi menampung sebahagian daripada kos perubatan yang ditanggung. Melalui Belanjawan Madani 2023, kerajaan juga telah menaikkan had pelepasan cukai individu ke atas perbelanjaan rawatan perubatan daripada RM8,000 kepada RM10,000. Kenaikan ini adalah mengambil kira kos perubatan yang meningkat dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, layanan pelepasan cukai sedia ada pada masa ini dilihat memadai bagi membantu meringankan beban pembayar cukai yang membuat bayaran premium insurans nyawa atau caruman takaful atas polisi insurans nyawa dan juga bayaran kepada premium insurans atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan. Namun kerajaan akan sentiasa mengkaji dan menambah baik layanan percukaian sedia ada dari semasa ke semasa seiring dengan keperluan dan persekitaran ekonomi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya senantiasa bersedia untuk menjawab soalan. Memang apa yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Madani terbaik. Saya mempunyai satu soalan mengenai *co-pay* ini oleh Bank Negara kepada industri insurans.

Selain daripada mengarahkan pemegang insurans untuk *co-pay* bil perubatan mereka, bagaimana kerajaan bercadang untuk mengawal situasi di mana pihak hospital swasta membuat tuntutan kepada pihak insurans berdasarkan harga-harga perkhidmatan dan produk perubatan yang tak munasabah sebab terlampau tinggi? Saya kawatir dengan adanya situasi *co-pay* ini, rakyat akan terbeban dan oleh kerana itu mereka akan pergi pula kepada hospital kerajaan. Apakah yang akan berlaku? Apakah tindakan daripada pihak kementerian? Terima kasih.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Betul, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

■1140

Namun, Kementerian Kewangan mengambil maklum akan perkara tersebut dan bersedia untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak KKM. Memang ini juga sering dibangkitkan di Dewan Rakyat juga tentang kenaikan atau kos perubatan yang kian meningkat.

Bagaimanapun, berhubung dengan *co-payment* Yang Berhormat membangkitkan sebentar tadi, sebenarnya pengenalan penawaran produk MHIT atau *medical and health*

*insurance and takaful*, dengan izin, secara *co-payment* akan memberi pengguna pilihan untuk membeli produk insurans. Mandat penanggung insurans dan pengendali takaful atau ITO adalah untuk menawarkan pengguna pilihan untuk membeli sama ada pengguna yang telah membeli produk MHIT tanpa ciri *co-payment* boleh terus mengekalkan produk MHIT mereka yang sedia ada atau ITO juga boleh terus menawarkan produk MHIT yang tidak mempunyai ciri pembayaran bersama kepada pengguna baharu.

Produk MHIT dengan ciri-ciri pembayaran bersama bukanlah sesuatu yang baharu dalam pasaran Malaysia. Perkara yang berikut merupakan pemerhatian semasa. Produk MHIT yang lebih mampu milik, tahap premium sumbangan adalah lebih rendah sebanyak sembilan peratus hingga 68 peratus berbanding dengan produk yang serupa, tetapi tidak mempunyai ciri-ciri pembayaran bersama.

Bergantung pada tahap pembayaran bersama yang dipilih menyumbang kepada tuntutan MHIT yang lebih rendah, lantas mengurangkan tekanan untuk meningkatkan kadar premium atau sumbangan dalam tempoh jangka panjang seperti kekerapan yang lebih rendah bagi penggunaan MHIT untuk jumlah tuntutan yang lebih kecil. Contohnya penyakit yang tidak serius. Secara umum, pembayaran bersama dikaitkan dengan premium sumbangan yang lebih rendah.

ITO dikehendaki untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi tentang pelanggannya sebelum memberikan sebarang pilihan dan cadangan produknya. Bank Negara Malaysia akan memantau dengan rapi berhubung dengan ketersediaan dan ciri-ciri termasuk had dan tahap pembayaran bersama produk MHIT baharu dengan pembayaran bersama. Sekian, terima kasih.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Doktor yang angkat dulu tadi.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Tiap-tiap kali, doktor punya.

**Tuan Yang di-Perua:** Ini soalan perubatan. Jadi, doktor tanya.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Oh, ya.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih. Seperti yang kita tahu, Bank Negara telah mengumumkan pelaksanaan *co-payment* untuk insurans dan takaful. Adakah kementerian akan menetapkan had untuk *co-payment* tersebut memandangkan kos perubatan semakin meningkat? Terima kasih.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Semua amat minat tentang *co-payment* ya. Pihak pengendali insurans dan takaful atau ITO boleh menentukan had maksimum untuk produk *co-insurance*. Berdasarkan kebanyakan produk di pasaran, produk *deductible* adalah paling popular. Untuk produk *co-*

*insurance*, julat had maksimum yang ditetapkan oleh ITO kebanyakannya adalah antara RM500 sehingga RM3,500.

Kementerian Kewangan juga telah mengemukakan maklumat terperinci berkaitan insurans atau takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) kepada pihak pengurusan Dewan Negara untuk diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawapan Lisan.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG AUDIT (PINDAAN) 2024**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.44 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperkasakan institusi Audit Negara meliputi pewujudan kuasa baharu dan perluasan tugas serta menambahbaikkan dalam aspek perjalanan kuasa dan pelaksanaan mandat Ketua Audit Negara dan telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024.

Institusi Audit Negara telah wujud sejak tahun 1906 dan dengan sejarah hampir 118 tahun, Jabatan Audit Negara akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan wujudnya mekanisme semak dan imbang dalam pengurusan wang awam negara.

Untuk makluman semua, Akta Audit 1957 [*Akta 62*] telah dikuatkuasakan sejak tahun 1957 iaitu pada tahun apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Akta 62 menjelaskan tugas dan kuasa Ketua Audit Negara untuk mengaudit akaun Persekutuan, negeri-negeri dan pihak berkuasa awam dan badan yang ditentukan selaras dengan Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan.

***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

Akta 62 telah dipinda sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1978 dan 1991. Pindaan pada tahun 1978 adalah berhubung keperluan pengauditan prestasi yang menekankan aspek

ekonomi, kecekapan dan keberkesanan di bawah perenggan 6(d) Akta 62. Manakala pindaan pada tahun 1991 adalah bagi memperuntukkan kuasa untuk meminda jadual di bawah seksyen 11 Akta 62.

Akta 62 yang sedang berkuat kuasa telah mencapai tempoh 33 tahun sejak tahun 1991. Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini selaras dengan usaha Kerajaan Madani untuk menambah baik tatakelola negara dan akauntabiliti sektor awam serta selaras dengan perkembangan semasa dan mematuhi piawaian antarabangsa.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan pindaan ini meliputi dua skop utama iaitu:

- (i) mengukuhkan akta melalui peruntukan baharu selaras dengan keperluan dan kehendak semasa; dan
- (ii) perluasan bidang kuasa tugas Ketua Audit Negara.

Rang undang-undang ini mengandungi lima fasal yang melibatkan pewujudan dua seksyen baharu dan pindaan ke atas dua seksyen sedia ada seperti yang diperincikan dalam salinan rang undang-undang, dengan izin, *the blue bill* yang telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 62 untuk meluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang menerima jaminan kewangan yang diberikan oleh Persekutuan atau negeri.

Pindaan ini penting dengan mengambil kira terdapat banyak penglibatan kerajaan dalam mana-mana badan dan syarikat termasuk persatuan dan organisasi bukan kerajaan, namun penglibatan kerajaan tersebut dalam bentuk jaminan kewangan tidak diperuntukkan dalam peruntukan Akta 62 yang sedia ada.

Takrifan "jaminan kewangan" adalah seperti yang ditakrifkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] iaitu apa-apa jaminan yang diberikan di bawah subseksyen 14(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], seksyen 2 Akta Jaminan Pinjaman 1972 [Akta 66], subseksyen 2(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] dan seksyen 2 Akta Jaminan Pinjaman 1963 [Akta 412].

Pindaan di bawah seksyen 5 ini juga akan mewujudkan satu peruntukan baharu mengenai bidang kuasa Ketua Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan melalui pendekatan "*follow the public money audit*", dengan izin, tertakluk kepada Kementerian Kewangan atas dasar kepentingan awam.

Fasal ini bertujuan untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima wang awam, jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam menghendaki akaun diperiksa, disiasat dan diaudit dengan segera oleh Ketua Audit Negara.

■1150

Pindaan yang dicadangkan ini adalah mengikut pendekatan audit mengikut wang awam yang membolehkan Ketua Audit Negara mengesan jejak wang awam.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 7A ke dalam Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan, sebagaimana perlu atau sesuai bagi maksud menjalankan peruntukan Akta 62.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 9(4), Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk membuat syor, untuk menangani apa-apa *ke-tak-ter* – yang serius yang telah berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan wang di bawah pengauditannya.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk menjalankan audit susulan untuk mengkaji semula tindakan yang telah diambil oleh Persekutuan, negeri, pihak berkuasa awam atau badan yang ditentukan terhadap syor, ulasan atau pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam laporan audit.

Seksyen baharu 9A juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa mengemukakan laporan mengenai audit susulan kepada Yang di-Pertuan Agong dan boleh mengemukakan salinan laporan sedemikian kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri, sesuatu negeri atau kepada Menteri.

Cadangan pindaan ini pastinya akan memberi impak positif terhadap peranan Jabatan Audit Negara, melalui skop pengauditan terhadap pengurusan wang awam yang lebih komprehensif dan menyeluruh serta memastikan syor audit diberi perhatian serius dan diambil tindakan sewajarnya. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Audit 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya seramai 22 orang ahli yang hendak berbahas. Kerana isu ini merupakan yang penting, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 7 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Wan Martina Wan Yusoff. Tak perlu ambil 7 minit YB, tapi saya bagi kelonggaran.

**11.53 pg.**

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua ke atas peluang yang diberikan pada saya untuk membahar RUU Audit (Pindaan) 2024. *Insyallah*, saya tidak akan habiskan 7 minit itu.

**Timbalan Yang di-pertua:** *[Ketawa]*

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Datuk Yang di-Pertua, saya merujuk kepada fasal 2, meminda seksyen 5 Akta 62 untuk meluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftar di bawah Akta Syarikat 2016 *[Akta 777]* yang menerima jaminan kewangan yang diberikan oleh Persekutuan atau negeri.

Implikasi perluasan skop punca kuasa Ketua Audit Negara ke atas pengauditan badan lain, termasuk syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan dalam bentuk jaminan kewangan serta syarikat yang menerima wang awam jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam menghendaki siasatan dan pengauditan akaun itu dijalankan oleh Ketua Audit Negara. Jadi, saya mohon penjelasan, sejauh mana pendekatan “audit mengikut wang awam” dapat memastikan pengesanan wang awam ini dijalankan secara lebih berkesan, sama ada di dalam ataupun di luar negara.

Dalam hal ini, apakah usaha yang diambil terhadap kewujudan kerangka ombudsman sebagai mekanisme pengawasan atau institusi hibah, khususnya bagi Jabatan Audit Negara seperti yang disyorkan sebelum ini. Apakah peluasan kuasa ini juga akan melibatkan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang menerima sumbangan dana awam dan berapakah jumlah dana yang diterima, sama ada dari dana awam ataupun daripada peruntukan kerajaan yang membolehkan dana NGO berkenaan diaudit?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dan menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran negara, lebih-lebih lagi dalam pengurusan kewangan di pelbagai agensi kerajaan di pelbagai peringkat, termasuk badan-badan bukan kerajaan ini yang menerima dana yang banyak dari kerajaan.

Oleh itu, saya mohon penjelasan, apakah ada perancangan khusus kerajaan untuk memastikan kelangsungan mandat tugas dan juga mandat yang diberikan kepada- dan fungsi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara PAC yang sedia ada dalam membuat teguran dan dapatan kepada pihak berkuasa awam berkaitan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 77(1) Peraturan Mesyuarat?



Adakah ia juga mencakupi syor perluasan kuasa siasatan dan pengauditan PAC ke atas lebih banyak badan, agensi yang mempunyai hubungan langsung atau menerima dana daripada agensi kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada fasal 4, meminda seksyen 9(4) Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk membuat apa-apa syor untuk menangani apa-apa ketakaturan yang serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam di bawah pengauditan?

Dan juga fasal 5, yang memasukkan seksyen baharu 9A ke dalam Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk menjalankan audit susulan untuk mengkaji semula tindakan yang telah diambil oleh Persekutuan, negeri, pihak berkuasa awam atau badan yang ditentukan terhadap apa-apa syor ulasan atau pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam laporan audit.

Persoalan saya, dengan pindaan ini, apakah pendekatan yang diambil dari segi pemantauan hasil pengauditan serta memastikan keberhasilan syor tindakan yang diambil sama ada secara korektif ataupun bersifat punitif, mengambil kira fungsi bahagian susulan audit yang sedia ada, serta audit susulan yang dijalankan oleh- dalam sesuatu tempoh selepas Laporan Audit dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa audit?

Adakah juga wujud keperluan supaya ada audit forensik dijalankan terhadap isu pengurusan dana agensi kerajaan? Seperti mana yang berlaku dalam kes HRD Corp dan pengambilan pekerja asing.

Untuk akhirnya, saya juga ingin bertanya, adakah kerajaan sudah membuat persiapan ataupun persediaan, contohnya daripada segi logistik serta sumber manusia atau perjawatan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas perluasan kuasa ini? Dengan ini, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB Dr. Wan Martina. Sekarang saya menjemput YB Kesavadas. Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

**11.58 pg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendirian bahawa pindaan terhadap Akta Audit 1957 ini seharusnya menggariskan keterlibatan Jawatankuasa Khas Parlimen iaitu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Saya berpendapat bahawa peruntukan yang dicadangkan tersebut adalah signifikan kerana PAC mempunyai mandat yang sangat terbatas untuk mengemukakan permohonan bagi pelaksanaan audit kepada Jabatan Audit Negara.

Hal ini kerana, PAC perlu melalui Ketua Audit Negara serta Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu sebelum boleh mengusulkan kepada Jabatan Audit Negara untuk melakukan pengauditan mengikut skop audit yang diperincikan di peringkat PAC. Saranan yang

disuarakan menerusi solidariti ahli-ahli PAC tersebut perlu dipertimbangkan dan diperhalusi semula oleh kerajaan.

#### ■1200

Sekiranya kerajaan benar-benar komited, serius dan ikhlas untuk merealisasikan agenda reformasi Parlimen yang pernah diluahkan sebelum ini. Peruntukan mandat kepada PAC bagi maksud tersebut secara langsung akan memperkukuhkan lagi usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memerangi budaya rasuah serta salah laku dalam urusan tadbir organisasi yang melibatkan wang awam.

Tambahan pula, peruntukan undang-undang tersebut berupaya membentuk satu sinergi anti penyelewengan wang awam yang teguh antara Jabatan Ketua Audit Negara dengan PAC dalam mengesan dan menyekat apa jua transaksi perniagaan yang memanipulasi wang awam untuk kepentingan pihak-pihak tertentu.

Akta 62 ini berupaya mewujudkan dasar kebertanggungjawaban kepada Ketua Audit Negara dalam melaksanakan satu-satu pengauditan secara telus dan saksama terhadap semua pihak tanpa mengira kecenderungan politik mahupun status kekayaan. Dengan kata lain, peranan Ketua Audit Negara ini tidak seharusnya dibayangi oleh kuasa Perdana Menteri atau mana-mana figura dalam arena pemerintahan umum negara yang mempunyai pengaruh atau *undue influence* dengan izin, terhadap apa jua tindakan Ketua Audit Negara.

Seorang Ketua Audit Negara yang dilantik menurut Peruntukan 105 Perlembagaan Persekutuan, sepatutnya berdiri secara profesional dalam menunaikan mandat yang dimasyhurkan dalam Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan.

Sejajar dengan pindaan seksyen 5(1)(d) yang digariskan dalam rang undang-undang ini, saya ingin menuntut agar kuasa untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang menerima wang awam yang disebut di dalam pindaan tersebut dijalankan secara adil, berdasarkan justifikasi yang munasabah, rasional dan tidak berunsur politik.

Kuasa yang diberikan kepada Ketua Audit Negara bagi maksud pindaan tersebut perlu bersandarkan kepada keputusan Menteri Kewangan yang mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan sama ada satu-satu tindakan mengaudit itu bersifat kepentingan awam atau sebaliknya.

Berdasarkan pindaan tersebut, persoalan besar yang saya ingin bangkitkan di sini ialah bagaimanakah Menteri Kewangan mendefinisikan kepentingan awam sebelum mengarahkan Ketua Audit Negara untuk menjalankan audit dengan segera? Apakah sandaran yang akan digunakan oleh Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri untuk merealisasikan kepuasan hatinya terhadap pengauditan segera yang akan dijalankan ke atas satu-satu syarikat?

Walaupun saya secara prinsipnya menyokong teguh kepimpinan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan untuk mentadbir negara ini, namun saya merasakan bahawa

Ketua Audit Negara perlu diberikan ruang serta masa yang mencukupi untuk menjalankan audit terhadap mana-mana syarikat yang perlu diaudit, berdasarkan rasionalisasi kepentingan awam yang diputuskan olehnya sendiri.

Campur tangan mana-mana Menteri Kewangan atau Perdana Menteri merupakan satu bentuk pelanggaran kerahsiaan yang termaktub dalam seksyen 8(3) Akta Audit 1957 ini. Ia perlu dijadikan sebagai teladan penting oleh kerajaan hari ini dalam memastikan setiap proses pengauditan wang awam yang dikendalikan oleh Ketua Audit Negara tidak diganggu dengan pertimbangan oleh mana-mana pihak yang menganggotai cabang eksekutif Persekutuan.

Datuk Yang di-Pertua, seperti kata pepatah Melayu, “dalam setandan pisang, tidak semuanya buruk.” Walaupun saya ada menyatakan beberapa pandangan yang agak kritikal terhadap pindaan Akta 62 ini, namun saya menyambut baik perluasan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Audit Negara bagi maksud seksyen 9A yang digariskan sebagai seksyen baharu. Kuasa untuk menjalan pengauditan susulan yang diperuntukkan itu adalah penting untuk memastikan segala syor yang ditetapkan oleh Ketua Audit Negara dipatuhi sepenuhnya oleh Perbendaharaan sesebuah kerajaan negeri mahupun syarikat berkaitan kerajaan.

Audit susulan tersebut berupaya dijadikan sebagai etika baharu yang boleh meningkatkan pematuhan sesebuah syarikat atau kerajaan negeri terhadap setiap tindakan pembetulan yang telah diusulkan atau ditekankan dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara. Amalan tersebut bukan sahaja mampu memartabatkan kredibiliti dokumen Laporan Tahunan Ketua Audit Negara yang kita bahaskan di Dewan Rakyat yang mulia. Malah ia juga akan berupaya mendorong sesebuah syarikat kerajaan atau kerajaan negeri untuk menguruskan dana awam dengan lebih berhemah.

Perbelanjaan yang berhemah adalah kunci penting kepada kemapanan operasi sesebuah syarikat kerajaan khususnya yang berorientasikan keuntungan. Satu-satu perbelanjaan yang bertanggungjawab juga seharusnya dikukur secara pragmatik oleh Ketua Audit Negara bagi memastikan setiap sen wang awam diperuntukkan boleh memberi masalah yang seimbang dengan aspek pembangunan syarikat atau negeri serta kebajikan kebanyakan.

Datuk Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya Rang Undang-undang Audit (Pindaan). Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

**12.06 tgh.**

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Datuk Yang di-Pertua. Pertamanya terima kasih kepada Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama pada hari ini, untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Audit (Pindaan), Akta Audit 1957, Akta 62.

Datuk Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, kerana berupaya untuk meminda akta ini terutamanya bagi menguruskan tata kelola dengan baik dan usaha untuk mengelakkan mana-mana syarikat yang menerima jaminan Kerajaan Persekutuan atau negeri dapat diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Datuk Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah berkaitan dengan risiko rasuah. Syarikat-syarikat yang menerima jaminan kewangan daripada kerajaan sememangnya perlu diaudit, terutamanya bagi mengelakkan berlaku kebocoran, pembaziran duit kerajaan, duit rakyat.

Namun, pindaan ini dilihat membuka ruang yang lebih tinggi berbanding sebelumnya, membuka ruang rasuah yang lebih tinggi. Hal ini sedikit sebanyak menguji integriti bagi mana-mana agensi yang terlibat. Bagi mengelakkan perkara rasuah ini berlaku ketulusan dalam mengaudit mana-mana syarikat perlu dilakukan secara lebih berhati-hati, dengan tidak menambah lorong baharu, peluang baharu untuk merasuah. Terutamanya bagi pengaudit syarikat-syarikat yang sememangnya boleh melakukan kesalahan.

Persoalan saya, apakah jaminan kerajaan untuk memastikan lorong-lorong rasuah ini dapat dikawal serta dihapuskan? Terutamanya apabila RUU audit ini memberikan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat-syarikat yang mendapat jaminan kewangan daripada kerajaan.

Datuk Yang di-Pertua, yang kedua perkara yang berkaitan dengan pindaan ini ialah pindaan ini tidak seharusnya menjadi alat untuk kita membalas dendam kepada mana-mana pihak kepada seteru politik terhadap kerajaan, terutamanya kepada kerajaan-kerajaan terdahulu. Seharusnya kerajaan perlu lebih bersikap profesional dalam mengaudit mana-mana syarikat tanpa perlu ada motif membalas dendam, terutamanya parti politik yang memerintah terdahulu.

**■1210**

Sikap profesional inilah akan menampakkan bahawa kerajaan benar-benar ingin membasmi ketidaktelusan, tatakelola yang baik dan memerangi budaya pembaziran dana kerajaan. Motif yang dijelaskan oleh Menteri juga perlu lebih adil dan saksama, tidak kira mana-mana pihak. Siapa yang memerintah, perlu diaudit dengan adil tanpa sikap prejudis-*double standard* pada mana-mana pihak.

Yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengukuhan mandat tugas dan fungsi PAC. Apa perancangan kerajaan untuk memastikan kelangsungan mandat tugas dan fungsi 'Kira-kira Wang Negara'- PAC yang sedia ada dalam membuat teguran, dapatan kepada pihak berkuasa awam seperti yang termaktub, diperuntukkan dalam perkara 77(1) Peraturan Mesyuarat? Apakah ia juga mencakupi syor memperluaskan kuasa siasatan dan pengauditan PAC ke atas lebih banyak badan-badan dan agensi yang mempunyai hubungan langsung atau tidak atau menerima dana daripada kerajaan?

Dato' Yang di-Pertua, sebagai penggulangannya. Kesemua perkara ini yang saya bangkitkan tadi secara mutlak tidak dapat dilaksanakan dengan baik jika integriti dan usaha memerangi pembaziran rasuah tidak dijalankan terlebih dahulu. Kerajaan juga perlu melihat dengan lebih terperinci, bukan hanya berdasar kepada rang undang-undang ini tetapi mengawal selia tatakelola yang dicanangkan sebelum ini oleh pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa setakat itu dulu, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tuan Haji Nasir. Sekarang saya jemput Senator Isaiiah a/l D Jacob.

### 12.12 tgh.

**Tuan Isaiiah a/l D Jacob:** Terima kasih Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas memberi ruang untuk saya berbahas rang undang-undang yang ini, di mana saya amat-amat setuju dan waktu yang tepat kita untuk melaksanakan RUU ini. Di mana kita mendapati kerajaan kita dipimpin oleh Yang Berhormat PMX kita, yang mana dia ingin menghapuskan rasuah di kalangan di peringkat kerajaan dan juga di peringkat agensi-agensi kerajaan ini. So, maka kita memerlukan satu audit yang tepat, yang berintegrasi, yang tepat untuk melaksanakan audit negara kita.

So, dengan rujuk kepada Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Akta 62 untuk memberi kuasa Ketua Audit Negara, maka ini adalah penting. Kita tidak mahu orang lain ataupun lebih campur tangan dalam audit negara sesebuah agensi ataupun pertubuhan yang telah berlaku.

Sepanjang saya menjadi Senator, saya dah turun beberapa buah kawasan untuk pantau kegiatan-kegiatan golongan OKU, khususnya NGO-NGO OKU. Di mana / dapati banyak NGO-NGO OKU ini menggunakan perkataan "OKU" dan mendapatkan beribu-ribu keuntungan dan hasil daripada keuntungan itu kita tidak tahu di mana disalurkan dan siapa yang ambil keuntungan-keuntungan ini? Di mana kita tidak ada satu kelengkapan ataupun audit yang lengkap untuk pantau NGO-NGO ini. So, saya harap dengan adanya akta seperti ini dan seterusnya audit semua NGO-NGO OKU ini diwajibkan- dilakukan, sebab kebanyakan NGO-NGO saya temui, banyak tidak adakan Mesyuarat Agung- lama, tetapi ada yang juga

hantar laporan AGM ataupun Laporan Mesyuarat Agung yang tidak lengkap. Tidak ada AGM, tetapi mereka *dummy*, mereka menulis sebab ROS tidak boleh pantau, sebab ROS tak akan pantau perkara-perkara ini. Maka, apabila mereka menyerahkan tanpa mesyuarat berlaku.

Saya pernah ada jumpa beberapa NGO seperti ini. Sebagai seorang OKU, saya tegas dengan pendirian saya. Saya tidak akan membenarkan mana-mana pihak menggunakan OKU untuk mencari kekayaan diri mereka. Ini lah penetapan saya, pendirian saya sebab itu saya turun di setiap negeri, di setiap kawasan saya pantau. Kenapakah OKU- mereka menggunakan OKU untuk mendapat kekayaan ini? Saya mengharap selepas lulus RUU ini, mengharap Ketua Audit Negara akan turun ke padang untuk memastikan kumpulan-kumpulan NGO-NGO OKU ini membuat audit yang tegas dan kita kena ambil tindakan yang tegas kepada mereka yang salah gunakan nama OKU ini.

Sebagai seorang OKU, saya amat prihatin. Saya menjaga- saya dipaksa jaga nama baik golongan saya ini. Saya tidak mahu orang-orang seperti biasa menggunakan golongan saya untuk kekayaan mereka.

Selain daripada itu, saya juga mendapati selain daripada NGO-NGO dan juga sekarang baru-baru ini ada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), di mana kita ada 571 PDK yang diawasi, yang mana mereka dipantau, dihulurkan oleh elaun ataupun agensi yang beri dana adalah JKM tiap-tiap bulan, tetapi ada juga berlaku penyalahgunaan kuasa dalam PDK-PDK ini. Ada PDK yang baru-baru ini saya dapat dalam salah sebuah negeri, di mana mereka tidak adakan Mesyuarat Agung selama tiga tahun. Suami adalah pengerusi. Penyelia adalah isteri. Tidak pernah menghantar laporan kepada ROS. Mereka hantar laporan palsu dan beratus-ratus ribu telah digulungkan. Seperti ini berlaku kebanyakan...

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Mohon mencelah. Yang dimaksudkan itu, geran kerajaan yang disalurkan kepada institusi-institusi tersebut?

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Yes.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Ya- itu yang dimaksudkan?

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Ya.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** So, kalau bukan geran kerajaan, termasuk dalam audit ini...

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Dia ada dua akaun:

- (i) akaun 1 – datang daripada geran kerajaan, agensi kerajaan iaitu JKM; dan
- (ii) akaun 2 – cari sendiri, maknanya di bawah persatuan.

So, dia ada dua akaun. Di mana satu akaun itu daripada geran kerajaan. So, kita kena pantau, kita kena buat audit yang betul-betul dengan cara ini dan juga daripada hasil yang tadi saya katakan kebanyakan berlaku.

So, saya harap selepas ini, wujudnya RUU ini, saya rasa Ketua Audit Negara akan mengambil berat tentang isu ini dan kita kena sama-sama kerjasama untuk melaksanakan untuk mengelakkan orang menggunakan nama OKU untuk diri mereka. Sekian, terima kasih. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Tuan Haji Hussin bin Ismail.

### 12.19 tgh.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya terus kepada perbahasan dalam usul audit ini.

Saya terima kasih atas peluang yang diberikan untuk turut berbahas dan saya suka daripada awal memaklumkan bahawa saya tidak ada masalah untuk menyokong usul ini dalam beberapa perkara, tapi saya sangat rasa bimbang tentang satu, dua perkara.

#### ■1220

Akta Audit 1957, seksyen 5 menggantikan perenggan (d)(i)(ii)(iii)(iv). Perenggan (i) hingga (iii) tidak timbul isu, ia membabitkan pengawasan terhadap peruntukan pinjaman mahupun apa-apa geran daripada Kerajaan Federal mahupun *state*, tetapi apabila timbul-apabila masuk kepada perkara (iv), muka surat 2 dan tolong tengok juga perkara- muka surat 4 dalam huraian daripada- fasal 1 dan fasal 2, saya bacakan. Menteri- ayat di atas memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, mana-mana badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima wang awam- bukan daripada dana kerajaan ini, wang awam.

Jika Menteri Kewangan, *that's the* kunci kata- jika Menteri Kewangan berpuas hati, ini bukan mesti ada *report* ini. Menteri Kewangan berpuas hati pada rasa ataupun mungkin dalam pandangannya, pada hematnya bahawa kepentingan awam menghendaki, kepentingan awam berpuas hati, kepentingan awam menghendaki pada hemat Menteri Kewangan, akaun itu diperiksa, disiasat dan diaudit dengan segera. Ayat ini menjurus kepada sebenarnya untuk mengarah Ketua Audit Negara membuat penyiasatan. Ini isu *point* yang saya rasa kita kena bincang.

Hari ini kita duduk di Dewan Negara bukan soal Menteri sekarang, bukan soal *Finance Minister* sekarang, tetapi undang-undang ini bakal menjadi undang-undang *forever* sehingga ianya nanti bakal dipinda kalau perlu- akan datang. Undang-undang ini bakal membuka satu ruang untuk suatu bidang kuasa yang terlalu luas, bukan kepada Ketua Audit Negara, tetapi kepada *Minister of Finance* pada bila-bila masa, Menteri sekarang atau akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang saya hormati dan saya kasihi sekalian, kalau dilihat pada amalan biasa, Polis untuk membuat siasatan memerlukan aduan.

Tadi Menteri MITI tadi menyebut untuk saya cadangkan membuat tinjauan terhadap lambakan songket- perlu ada aduan, tetapi saya tidak pasti, mohon keyakinan. Apakah dengan ungkapan ini, *Finance Minister*- jangan sebut sekarang, bila-bila masa boleh mengarah Ketua Audit kerana dia berpuas hati- tanpa aduan pun daripada mana-mana pihak.

Kami baharu balik daripada Hong Kong, bila *Independent Commission Against Corruption* (ICAC) yang sangat popular di Hong Kong- hendak buat siasatan juga dengan Ombudsman Hong Kong. Untuk buat siasatan, dia memerlukan aduan daripada mana-mana pihak. Siapa yang mengadu pun akan disiasat. Bergantung bila dia mengadu, kenapa dia mengadu. Kalau tidak kena cara, orang yang mengadu akan disiasat dan *diinterrogate* terlebih dahulu dan diambil tindakan bagi memastikan integriti itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita bicara tentang usul pindaan Perlembagaan, isu yang penting- kita hendak memperkasakan tatakelola. Isu yang penting kita hendak kelancaran pentadbiran negara. Itu yang penting untuk hendak mengangkat perjalanan ekonomi negara terus melonjak dan kita tidak mahu dibiarkan untuk berlakunya *abused of power*, dengan izin, ataupun disalahguna-kuasakan.

Saya hanya satu *point* di sini iaitu isu *Finance Minister*- Menteri Kewangan. Ketua Audit Negara sudah pun diberi kuasa. Perlembagaan telah pun memartabatkan kedudukan Ketua Audit Negara bagi kedudukannya yang sangat tinggi. Menurut Perkara 105, 106 dan 107, bukan apa yang *Finance Minister* mengarahkannya untuk buat. Dia harus *independent*, baru dia mempunyai kuasa integriti, kuasa autonomi yang besar, yang hebat dan dihormati.

Sebab itu saya fikir harus dilihat secara berhemat perkara ini. Perkara kuasa *Finance Minister*- berpuas hati untuk bertindak. Kenapa saya berkata sedemikian?

Tuan Yang di-Pertua, Audit Negara adalah badan profesional. Menteri adalah- saya tidak kata sekarang, bila-bila masa, dia orang politik. Orang politik dia ada rakan karib, dia ada sahabat karib, dia ada orang yang dia curiga, dia ada musuh politik, dia ada orang yang dibimbangkan, boleh sahaja berlaku apa-apa sahaja untuk dia buat sesuatu *move* sehingga akhirnya yang menjadi alatnya adalah Ketua Audit Negara kerana dia akan diterima-menerima arahan daripada *Finance Minister* untuk menyiasat. Bila siasat sahaja, sudah berlaku satu benda yang kacau bilau.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak kes yang berlaku. Bila diisytiharkan kemudian yang disiasat, belum tentu salah dan silap, tetapi rakyat sudah membuat *judgment*. Kita ada kebebasan dalam- dah habis dah t minit, tetapi saya ambil masa sikit yang kawan-kawan, ada lebih tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bagi tambah lagi seminit.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Okey, kita ada peruntukan- kita ada kebebasan dalam perniagaan. Tuan Yang di-Pertua sekarang ini- kita misal sekarang, kita mahu tidak mahu, kita ada *roadblock*, ada China ada yang *pro-America*, ada yang tidak pernah pro di mana-mana.



Kalaulah mana-mana syarikat yang berkenaan dia rasakan menjejaskan, dia boleh sahaja berlaku sesuatu *move* terhadap syarikat yang berkenaan. Ini menjadikan keadaan yang bakal porak-peranda kepada ekonomi negara. Orang yang pro ini dan pro ini bakal menjadi mangsa dan bakal didukung.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya harap perkara ini perlu sangat diteliti. Saya sangat bimbang- sebagai seorang Ahli Dewan yang hendak menyokong Usul ini, saya harap perkara ini perlu diperhalusi secara serius.

Dalam pengamalan negara kita ini, kita sudah ada audit- *chartered auditor* kita sudah ada, *chartered accountant* yang diiktiraf antarabangsa. Bila *chartered auditor*, *chartered accountant*, kerja mereka juga sudah mula dipersoalkan, di manakah duduk mereka? *Duplicating of* fungsi badan-badan yang berkenaan, saya tidak tahu, mungkin Tuan Yang di-Pertua, dia juga *chartered accountant* misalnya, apa rasa bila *chartered accountant* membuat sesuatu keputusan, sudah pun diaudit dengan tepat, bertanggungjawab, diiktiraf antarabangsa, audit mereka dimasukkan kali yang kedua.

Bila audit masuk yang kedua, di situ akan berlaku *assassination*. Orang tengok audit-dulu SPRM masuk, orang dah mula tengok keluar dengan baju kuning- baju oren. Belum apa-apa lagi dah keluar baju oren. Sekarang ini audit masuk ini nak pakai baju apa pula...

**Seorang Ahli:** Baju hitam.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Baju hitam. Kalau audit ini masuk keluar pula baju tertentu pula, berapa *assassination* akan berlaku dalam negara kita ini. Macam mana *conduciveness business* dalam negara. Saya bimbang nanti satu persatu syarikat-syarikat yang...

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Boleh mencelah YB. Boleh mencelah?

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Kalau ganggu, nanti saya tidak sempat hendak bagi habis, lagi satu saat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan mencelah.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sikit-sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jangan kacau *flow* dia.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Saya takut nanti, nanti Speaker kata berhenti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia hendak mendarat ini.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sikit, sikit, saya hendak *landing* turun.

Tuan Yang di-Pertua, yang lagi tentang kita tengok Audit, dia bergantung balik dengan SSM. Dekat mana pula peranan SSM? Saya rasa panjang, banyak perkara yang saya hendak sentuh, tetapi masa memang tidak cukup dan saya melihat bahawa berlaku *redundant*, berlaku *duplicating*, berlaku pertembungan yang banyak dengan pun yang sedia ada, tetapi saya harap, kuasa politik ini perlu dijaga, jangan sampai kuasa politik- bukan sekarang saya sebut ini, *at any time*, akan datang, kita tidak tahu siapa yang akan datang jadi Menteri. Entah-

entah *kot* saya yang jadi Menteri Kewangan, *nauzubillah, dak, dak* lah, tetapi saya hendak sebut itu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Tetapi tidak balas dendamlah.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Tidak ada, tidak ada Datuk. Saya hendak sebut itu ertinya kita kena tutup ruang untuk berlakunya- *possibility* berlakunya *abused of power* untuk salah guna kuasa dalam masa-masa tertentu.

Saya ada empat, lima, tetapi saya hendak habis. Saya perhabiskan dahulu dengan satu ungkapan...

#### ■1230

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB, YB...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Saya perhabiskan dahulu dengan satu ungkapan. Datuk, ada satu ungkapan yang saya rasa boleh kita fikirkan sedikit bersama-sama. Ada satu *term* dalam pengurusan ekonomi negara- kalau saya salah sebut bahasa ini, betulkan saya- iaitu *Laissez-faire*...

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Laissez-faire* ya.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Laissez-faire*. Betulkan, Datuk. Itu *pronunciation* saya tidak tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bahasa Perancis.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Ha, bahasa Perancis. *Is an economic theory dating back to 18th century that oppose any government intervention in business affairs that the driving principle behind Laissez-faire is that, "The less the government is involved in the economy, the better business and society as whole will be..." insya-Allah.* Makna kalau kita- kalau tidak banyak campur tangan kerajaan, hendak berlakunya *intervention* terhadap ruang *business* dalam negara, maka *insya-Allah*, dia akan jadi lebih baik.

*Last point.* Saya sangat bimbang jika mana-mana- dia akan pergi kepada individu, NGO-NGO, NGI, ruang untuk hendak masuk, kemudiannya hendak menyiasat untuk mendapat *info*, apatah lagi kalau NGO sekarang- yang sekarang membantu Palestin, contohnya. Audit masuk, audit juga hendak kena tahu siapa yang menerima di sana. Yang menerima di sana- Tuan Yang di-Pertua, kalau pecah pada yang lain, dia akan menjadi tempat paling *serious attack* daripada musuh Palestin. Jadi, saya fikir kita teliti baik-baik dan baiki ayat-ayat ini. Saya menyokong yang lain, tetapi bab ini saya tidak bersedia untuk menerima.

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, YB. Dah bersabar balik dah- dah *cool down* balik? Okey, baik. Terima kasih.

Sekarang ini saya jemput YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

**12.32 tgh.**

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Terima kasih kepada Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya mulakan perdebatan atau perbahasan ini untuk pendengaran Menteri dengan hadis Nabi SAW... *[Membaca sepotong hadis]* Tidak akan seorang hamba itu terus berada di tempatnya sehingga saat dia ditanya lima perkara di hari kiamat. Salah satu daripada lima perkara itu ialah... *[Membaca sepotong hadis]* Maksudnya, dari manakah duit- harta itu dia dapat dan ke manakah dia akan belanja? Walaupun kita sokong *Laissez-faire*, tetapi dia kena ada syarat itulah.

Seterusnya, saya hendak bagi satu gambaran dengan mengingatkan pihak Audit, kerana anda telah diberi satu kuasa yang besar di mana anda boleh masuk untuk membuat apa-apa siasatan kewangan pada kadar bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan terhadap mana-mana *or anybody*- bukan *body* tubuh, tetapi *anybody* yang diberikan- NGO dan sebagainya.

*Now*, kita ingat paman kepada *Superman*, pakcik dia pernah kata kepada *Superman*, "*With great power comes great responsibility.*"

**Seorang Ahli:** *Spiderman.*

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Oh, *Spiderman* ya. Oh, *thank you*. Saya saja hendak *test* saja. Rupanya ada peminat *spider*. *Thank you very much.*

Jadi, apa yang saya hendak bagi tahu dalam Dewan ini ialah kalau kita bagi kuasa seperti yang dilahirkan kebimbangannya oleh sahabat saya, memang saya sangat sokong, kerana soalnya- apakah benar-benar Audit itu atau Jabatan Audit Negara itu benar-benar profesional untuk diberi satu kuasa yang begitu besar? Itu *my question*.

Kalau kita mengambil kasus HRD Corp- kes, lah. Kes HRD Corp baru-baru ini. Kita akan dapati di sana *lots of issues that is questionable on the competency of* Jabatan Akaun kerana dari sudut laporan yang diterima dan kemudian diambil oleh PAC *for deliberation*- ini pun satu hal juga. Dia ambil dari PAC, dia ambil daripada Jabatan Audit. Jadi, kalau Jabatan Audit punya laporan itu tidak profesional, maka PAC akan ambil tindakan juga yang tidak profesional.

Saya bagi contoh. Saya dahulu pegang Tabung Haji. Kecil sahaja, YB. Ada lebih kurang RM80 bilion. Kecil sahaja. Salah satu daripada masalah yang kita hadapi adalah apabila Laporan Audit Negara dalam *emphasize of matter*, dia menyatakan bahawa aset lebih kurang daripada liabiliti. Maka, sudah tentu apabila aset lebih kurang daripada liabiliti, ini satu malapetaka bagi satu syarikat yang besar seperti Tabung Haji, tetapi saya tidak boleh ambil itu *just on the surface*. Saya kena *check* lagi dengan *third party*. Maka, kita ada lagi satu audit yang bebas- betul atau tidak apa yang dibuat oleh laporan audit ini. Kita dapati betul. Barulah

kita buat apa-apa keperluan. Maka lahirlah *restructuring of Tabung Haji* yang terkenal itu pada tahun 2019, tetapi dalam isu ini, HRD Corp, saya agak kaget, sangsi.

Laporan Audit menyatakan dia buat pendanaan ataupun *investment* dalam dia punya *investment board* yang rugi. Itu pun kita pertikai. Rugi. Laporan Audit hanya sebut rugi dari sudut dia panggil "*unrealize profit*." *Unrealize profit* ini ialah untung yang tidak dapat lagi, tetapi atas kertas, tetapi dia tidak bagi tahu- er, dia bagi tahu "*unrealize lost*," Dia kata yang tidak- dipanggil apa dalam Bahasa Melayu? Kalau bahasa Inggeris *unrealize*, Melayu kata apa- tidak direalisasikan? Dia kata, rugi yang tidak direalisasikan, tetapi dia tidak sebut untung yang tidak direalisasikan. *How fair can you be?* Macam mana *you* boleh kata ini satu *report* kalau *you* hanya tunjuk *unrealize lost*, tetapi *you* tidak tunjuk *unrealize profit*? *That is not fair*. Satu.

Yang kedua. Dalam panel pelaburan, Bank Negara mengikut Akta HRD, seksyen 26(2) menyebut, perlu adanya wakil Bank Negara dalam *investment board*. *I am taking a case*. Saya sedang mengambil satu kes. Hendak tanya, Audit ini betul-betul profesional *ker...?* Itu soalan saya. Bank Negara tidak ada di dalam panel *investment*. Malah, dia tarik diri. Sedangkan akta menyebut dia kena ada. Bila *you* buat *report*, PAC buat *report*, Laporan Audit buat *report*, kenapa *you* tidak *reprimand* Bank Negara? Kenapa Bank Negara tidak dipersalahkan? Sedangkan Bank Negara lebih mengetahui tentang selok-belok *investment* risiko.

Ditambahkan pula lagi, Menteri menjawab dalam Parlimen, KESUMA menyatakan bahawa, *investment* yang dibuat oleh RM3.77 bilion itu oleh HRD Corp, *80 percent* adalah di bawah *low risk*. Satu keadaan yang kalau kita mengambil sikap menyokong hari ini, menggamit kepada satu kerisauan- *are you really professional?*

#### ■1240

Betulkah anda profesional? Kalau tidak, itulah *abuse* yang tadi disebut oleh rakan saya tadi. Saya menyokongnya iaitu *abuse* boleh berlaku.

Jadi, saya tidak mahu melihat bahawa apa yang kita akan sokong hari ini *with great responsibility, with great powers will comes great responsibility*. Saya khawatir kalau Audit, dia buat audit orang, siapa audit dia? Apa *oversight body* yang akan audit dia? Tak ada dalam ini. Oh, *so you* boleh buat ikut suka *you*, lah...?

Jadi saya nak bagi ketegasan di sini. Di sebalik saya memahami niat suci itu, niat sucinya sangat baik, tetapi ia perlu diterjemahkan dalam bentuk struktur, dalam bentuk sistem, dalam bentuk mengelak apa dia punya *clause* yang kata bahawa Menteri boleh arahkan kepada Ketua Audit Negara untuk buat mana-mana- apa kriteria yang dengan itu saya boleh ambil. Atau Menteri kata, "Aku tak suka dekat dia maka aku akan guna kuasa ini melalui audit, kamu buat audit." Maka ketika itu akan berlakulah *abused of power*.

Jadi Menteri, saya harap Menteri mencatatnya kerana kita akan memberi satu kuasa, *with great power will comes great responsibility*. Kerana audit itu sendiri tertakluk...

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Minta mohon mencelah, Dato' Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Boleh diizinkan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Saya izinkan. Saya lebih seronok kalau ditanya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini bila ada perbahasan yang berbentuk ilmiah ini, saya pun berminat nak dengar. Jadi boleh mencelah. Silakan.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Dato' Yang di-Pertua, saya cuma nak tanya sikit sahaja. Adakah Yang Berhormat ada idea apa yang boleh dilakukan ataupun yang dimasukkan dalam mana-mana dokumen untuk mengelak daripada *abusement of power* ini. Kerana kita tahu apabila *abusement of power* ini hanya berlaku jika kuasanya ada. Tak ada kuasa, tak ada *abusement*-lah, tapi ini bukan setakat ada kuasa, kuasanya begitu luas dan besar sekali. *It is an absolute power. That's means abusement is absolute*. Jadi, adakah cara dan kaedah yang boleh kita mengekang masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Kalau saya boleh tambah sikit ya? Sepatutnya ada satu *advisory panel* yang akan beri nasihat kepada Menteri sebelum- kerana sekarang ini nampak terus sahaja Menteri boleh arahkan. Sepatutnya *you* kena ada satu *intermediary*. Ada masalah, pergi kepada *advisory committee- advisory committee* sokong atau tidak perkara ini.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Saya nak mencelah sikit, Yang Berhormat. Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menarik ucapan YB... [Ketawa]

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Penambahan kepada Yang Berhormat Tan Sri dan doktor tadi. Apakah perlu wujud- pandangan Yang Berhormat ya, apakah perlu wujud satu standard yang perlu dipatuhi oleh Ketua Audit Negara dan juga Jabatan Audit Negara memandangkan bak kata Yang Berhormat tadi, isu standard, isu profesionalisme mereka, pengalaman mereka. Sebab kalau kita lihat dari sudut syarikat- *time is money because this cost money and business cannot afford it*, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Terima kasih kepada sahabat-sahabat Senator yang *very concern on the issue* yang kita bangkitkan.

Sebenarnya kalau bertanya kepada saya, ada dua sisi yang perlu kita ambil kira dari sudut mekanismenya. Satu sisi itu ialah *the intention of the law by itself*. Apa niat undang-undang ini sebenarnya, kerana kita juga ada bertemu dengan pembikinan akta yang *intention*-nya itu sangat *political*. Sepanjang sejarah saya jadilah di sebelah sana, yang hiruk pikuk di sebelah sana itu.

Dibuat atas *political intention*. Tak payahlah saya sebut apa dia. Sebab itulah kita *huha-huha-huha* sana itu, tapi ada juga yang dibuat betul-betul atas *the philosophy of the law*-falsafah undang-undang. Apa keperluannya, kenapa ia diperlukan, apa relevansinya, apa yang tidak relevannya? Itu perlu diambil kira. Itu satu mekanisme.

So, saya mencadangkan kepada mana-mana kementerian yang nak buat undang-undang, perlu ada falsafah undang-undang itu. Bahkan kami di pihak Jawatankuasa Semakan Undang-undang, mencadangkan kalau boleh ada satu 'akta reformasi undang-undang' yang mana 'akta reformasi undang-undang' ini menubuhkan satu suruhanjaya yang benar-benar menumpu kepada falsafah undang-undang. Hingga hari ini- *illai*.

Jadi kita buat undang-undang, suka-sukalah mana-mana kementerian nak buat. Suka-sukalah kalau dia nak buat. Suka-sukalah itu, suka-sukalah ini. Kita pun *yoya-yoya-yoya* habis-habis, asal dan asas falsafah undang-undang memang tidak ada. Jadi, itu satu.

Sisi kedua, sahabat-sahabat Senator yang bertanya ialah, perlu ada satu mekanisme. Saya rasa kalau saya tengok undang-undang ini, to be *fair*-lah kepada Menteri ya, *to be fair*. Memang ada satu mekanisme lagi, ada, iaitu Yang di-Pertuan Agong. Dia perlu ada satu lagi *step* yang dia nak pergi dan kita tahu Yang di-Pertuan Agong itu bukan individu, tapi dia satu institusi.

*Maybe* Senator yang bertanya, *that could be the intermediary before any drastic action taken by the Minister*. Pada waktu yang sama, kita faham bagaimana penyalahgunaan dana di dalam NGO-NGO atau apa-apa entiti. Itu kita *realised*, kita bukan menyatakan kalau begitu biarkan sahaja mereka buat apa yang mereka mahu, tapi pada waktu yang sama, kita di dalam Dewan ini tidak boleh emosi. Kita di dalam Dewan ini tak boleh ikut perasaan. Kita pembuat undang-undang di *Upper House*, di peringkat yang tertinggi yang mungkin di Dewan Rakyat mereka tak sempat nak berbahas perkara itu kerana mereka lebih banyak berbalah daripada berbahas... [*Tepuk*] Lebih banyak berpolitik daripada nak berbicara seperti kita berbicara pada hari ini.

Maka mekanisme itu juga perlu dipertingkatkan, perlu dibawa kepada satu mekanisme yang terpakai untuk apabila sesuatu tindakan jikalau adanya terdedah kepada *abused of power*, maka inilah rujukan dia. Kalau orang pertikai pun, orang pertikai, kita tak boleh elak. Kita dah ada *the best system* pun masih ada orang pertikai, tapi *at least* saya boleh bagi tahu ini proses dia. Jadi itulah yang saya hendak sampaikan untuk *put the Audit on its stock beside being unprofessional at certain level, now you asking us to give you more power*. Jadi saya harap itu perlu diberi perhatian yang mendalam kepada pihak Audit. Sekian, terima kasih kerana memberi masa dan ruang kepada sahabat-sahabat untuk bertanya Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sebagai bekas Menteri, memang Dewan menghargai pandangan daripada YB. yang tahu selok-belok sistem kerajaan.

Yang Berhormat, memandangkan masa dah pun 12.48, saya bercadang untuk nak meneruskan sesi ini terus pada waktu makan tengah hari supaya Menteri boleh mula menjawab jam 2.30 nanti. Ya?

**Beberapa Ahli:** ...Ada taklimat RUU kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa yang nak berucap, tunggu dalam Dewanlah. Siapa yang tidak terlibat, mungkin boleh pergi ke taklimat tersebutlah. Kerana saya pun tak nak menanggung-nanggungkan persidangan sampai jam 2.30 baharu kita sambung semula dengan perbahasan. Nanti masa tak cukup untuk malam karang.

**Seorang Ahli:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh ya? Jadi siapa yang dalam senarai nak berbahas, boleh tinggal dalam Dewan. Yang mana siapa yang nak pergi ke taklimat tersebut- boleh, tapi pastikan kuorum cukuplah dalam Dewan. Ya? Terima kasih.

Jadi, sekarang saya jemput Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

#### 12.49 tgh.

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Pindaan kepada RUU Audit adalah tepat pada masa waktunya untuk memperkasakan lagi peranan institusi Ketua Audit Negara selaras dengan usaha Kerajaan Madani untuk menambah baik tatakelola negara dan akauntabiliti sektor awam.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berikut. Pertama, mengenai pindaan kepada seksyen 5 untuk membenarkan Ketua Audit Negara mengambil pendekatan audit mengikut wang awam sekiranya dikategorikan sebagai kepentingan awam.

#### ■1250

Pindaan tersebut akan... [*Tidak jelas*] Ke pihak kementerian meluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana barang lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima wang awam jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam mengehendaki akaun itu diperiksa, disiasat dan diaudit dengan segera oleh Ketua Audit Negara.

Saya mohon mendapat pencerahan kenapa Menteri Kewangan yang akan memutuskan apakah akaun *follow the money*, dengan izin, untuk disiasat dan diaudit demi kepentingan awam. Pada hemat saya adalah lebih telus sekiranya ditentukan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen.

Kedua, berkenaan kemasukan seksyen baharu iaitu seksyen 9A yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk membuat susulan audit untuk menyemak tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa negeri dan persekutuan masing-masing berhubung pelaksanaan syor. Persoalannya, sekiranya jika tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak yang diaudit apakah tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Audit Negara?

Selain itu, seksyen baharu juga memperuntukkan Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa mengemukakan laporan mengenai audit susulan. Saya ingin bertanya sama ada laporan susulan audit tersebut akan dibentangkan di Parlimen sebagai usul untuk dibahaskan? Perluasan kuasa Ketua Audit Negara untuk mengaudit akaun mana-mana badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 membenarkan audit terhadap syarikat-syarikat persendirian yang menerima geran kerajaan yang sebelum ini tidak dibenarkan.

Datuk Yang di-Pertua, saya minta jika pihak kementerian sudi kemukakan senarai syarikat-syarikat persendirian yang akan tertakluk kepada audit dari Jabatan Audit Negara selepas pindaan kepada Akta 62.

Ketiga, pihak penjawat awam dari Jabatan Audit Negara akan menanggung tugas yang lebih berat berikutan daripada pindaan RUU. Adakah pihak kementerian akan memberi lebih peruntukan kewangan dan sumber teknikal seperti penggunaan *artificial intelligence*, dengan izin, dalam menjalankan tugas audit?

Keempat, memandangkan kita ambil pendekatan seluruh negara dengan menyokong agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus ESG, prinsip kemapanan harus disepadukan dalam proses audit untuk menggalakkan ESG.

Akhir sekali, saya ingin menekankan akauntabiliti untuk salah urus, untuk terus mencadangkan agar kementerian dan agensi yang menghadapi isu berulang dalam bidang audit utama dipantau dengan teliti oleh Ketua Audit Negara. Kerajaan harus meneroka penyelesaian yang tidak konvensional seperti pelan insentif memberi maklumat iaitu *whistleblower incentive pelan*, dengan izin, untuk mendalami isu penyelewengan dan salah urus. Datuk Yang di-Pertua, secara amnya saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tan Sri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah Musa.

**12.54 tgh.**

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah* Datuk Yang di-Pertua telah mengizinkan saya menyertai perbahasan RUU Audit (Pindaan) 2024 yang bersejarah ini selepas 33 tahun pindaan kali terakhir dibuat pada tahun 1991.

Saya menyokong pindaan rang undang-undang ini yang meluas bidang kuasa Ketua Audit Negara dan perkenan tatacara *follow the public money*, dengan izin. Saya dengan Datuk Wan Suraya ini, Ketua Audit Negara ini dah lama bersahabat dan saya akui kerajinan dan dedikasi beliau kepada tugasnya. Sambil menyokong RUU ini saya hendak bertanya mengapakah ia tidak diperuntukkan bajet dan kakitangan tambahan pada Jabatan Audit Negara?



Walaupun Audit Negara kita cukup bersemangat, kita juga perlu berlaku adil bila menambahkan beban kerja mereka agar hasilnya juga cemerlang. Bagaimana mungkin penambahan kerja, masa dan sumber ini tidak memerlukan perbelanjaan tambahan kepada Ketua Audit Negara dan warga kerja Audit Negara?

Seterusnya saya cuma ingin memohon sedikit penjelasan untuk beberapa perkara. Pertama, apakah garis panduan yang akan diguna pakai dalam menentukan asas pemilihan badan-badan atau syarikat terutamanya berkaitan jenis-jenis jaminan kewangan yang dimaksudkan dan had minima nilai jaminan yang akan membawa kepada pelaksanaan audit? Saya tertarik juga kepada pindaan seksyen 5(1)(d) di mana *anybody*, dengan izin, yang menerima dana atau pinjaman kerajaan boleh diaudit. Bolehkah saya mendapat penjelasan siapa yang merangkumi *anybody* ini dan siapakah yang terkecuali jika ada?

Seterusnya, dengan perluasan audit merangkumi entiti yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 ini, apakah bentuk standard audit dan penilaian yang akan diguna pakai ke atas syarikat-syarikat swasta? Baru sahaja kita naikkan siling caruman PERKESO, buat e-Invois dan sekarang ada pula keperluan diaudit jika menerima dana kerajaan.

Saya gesa segala syarat pematuhan dan standard yang perlu diikuti diberitahu awal-awal. Janganlah kita wujud situasi di mana pihak swasta akan mengeluh bahawa insentif-insentif kerajaan beralih daripada situasi dalam *glass safe*, dengan izin, hanya boleh dilihat, tetapi tidak boleh dicapai. Dapat apa pun menjadi beban pula.

Bergantung kepada jenis dana dan nilai insentif yang diterima, penilaian audit ke atas tindakan syarikat ini juga perlu dinilai dari lensa perniagaan dan strategi lazim industri tersebut itu. Dalam perniagaan *we play to win big*, dengan izin. Mengambil kira risiko dan juga kegagalan adalah adat perniagaan. Kita perlu memastikan proses audit ini tidak pula akan mengekang syarikat daripada memenuhi sasaran perniagaan mereka. Dengan izin Datuk Yang di-Pertua, "*A ship in a harbor is safe, but that is not what ship are build for*".

Akhir sekali, saya ingin *call a spade a spade*, dengan izin. Setiap tahun kita dengar pengesyoran daripada Ketua Audit Negara kepada kementerian, jabatan, agensi serta syarikat kerajaan yang mereka audit dan ia akan dibawa ke dalam Dewan Rakyat. Saya rasa sedikit kecewa sebab Dewan Negara ini seolah-olah dianaktirikan. Tak diberi peluang untuk membahaskan dalam Laporan Ketua Audit Negara, kenapa, kenapa tidak? *Are we not good enough? Can't we give view?* Terperanjat Timbalan Menteri tadi dengan apa yang saya dengar. Biarlah saya melontarkan pandangan saya di sini. *Let's not beat around the bush*.

Setiap tahun laporan ini dikeluarkan namun tidak kelihatan tindakan yang diambil. Walhal saya maklum ada usaha untuk perbaiki keadaan yang dipetik. Saya mohon kerajaan mempertimbangkan dan mengadakan sidang media berkala melibatkan Ketua Audit Negara, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Peguam Negara untuk

memperincikan tindakan disiplin dan pendakwaan yang telah diambil ke atas hasil dapatan audit negara.

■1300

Kalau bukan di Dewan Negara pun, tunjukkan *accountability*, tindakan susulan agar rakyat tahu kerajaan memandang berat dalam menyelesaikan isu-isu audit negara.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya nak ucapkan syabas pada Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Audit Negara. Pindaan ini saya yakin bukan sahaja akan meningkatkan...

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mohon bertanya soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, adakah kenyataan Yang Berhormat tadi bermaknanya Laporan Audit ataupun dapatan daripada Audit ini tidak ada makna kerana apa-apa yang didapati, tidak ada tindakan susulan. Adakah itu maksudnya? Kalau itu maksudnya, apakah guna buat audit?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Saya rasa jawapan itu perlu Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Ketua Audit Negara bantu menjawab ya, sebab bagi saya, *there must be accountability and action must have a reaction*. Kalau kita sudah buat audit, kita perlu ada tindakan yang wajib diambil. Saya habiskan. Susah, tetapi saya akan menyokong Rang undang-undang Audit (Pindaan) 2024 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Puan Rita Sarimah untuk berbahas.

### 1.01 tgh.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberi kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Audit ini. Seperti mana yang sedia maklum, pada masa sekarang Ketua Audit Negara berkuasa untuk:

- (i) mengaudit Akaun Pegawai Perakaunan Persekutuan dan negeri;
- (ii) Akaun Kumpulan Wang yang ditubuhkan berasingan oleh sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan selaras Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) akaun mana-mana pihak berkuasa awam atau badan lain jika diperuntukkan sedemikian oleh undang-undang atau jika tiada peruntukan oleh undang-undang atas permintaan badan tersebut dengan persetujuan Menteri Kewangan; dan
- (iv) akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang menerima geran atau pinjaman daripada Persekutuan atau negeri dan termasuk sesuatu syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayar dipegang

oleh Persekutuan atau negeri atau pihak berkuasa awam atau dipegang sedemikian pada agregat oleh kedua daripada mereka atau lebih.

Ini keadaannya sekarang. Melalui pindaan ini, kementerian mencadangkan supaya kuasa pengauditan ini dipanjangkan kepada dua skop iaitu:

- (i) pengauditan ke atas mana-mana badan atau syarikat yang telah mendapat jaminan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri; dan
- (ii) pengauditan ke atas mana-mana badan atau syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat yang telah menerima wang awam. Jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam memerlukan dengan mendesak supaya akaun badan tersebut diperiksa, disiasat dan diaudit.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya berpendapat penambahan skop ini adalah wajar kerana badan atau syarikat yang telah menerima jaminan kewangan daripada kerajaan, di mana kalau dia tidak dapat menepati obligasi kewangannya, kerajaan akan *step in* untuk menunaikan obligasi tersebut. Jadi, wajarlah badan ataupun syarikat tersebut dimasukkan di dalam antara kumpulan badan yang perlu diaudit.

Kedua, bagi penambahan yang kedua, telah menerima wang awam, bertanggungjawab untuk mentadbir urus aktiviti dan kewangan dengan berhemat dan beretika selaras dengan usaha reformasi kerajaan.

Namun, saya bersetuju dengan pendapat-pendapat yang dinyatakan oleh rakan-rakan Senator yang telah berucap terdahulu daripada ini, menaruh kebimbangan sebab skop yang kedua ini saya dapati adalah agak luas sebab ia merujuk kepada mana-mana badan. Cuma apabila saya teliti, implikasinya seperti mana dinyatakan tadi, boleh menimbulkan- jika kuasa terlalu luas, boleh menimbulkan keadaan bilanya- *tempting* untuk menyalahgunakan kuasa tersebut.

Namun, kalau kita perhatikan, saya melihat ada elemen semak dan imbang dalam peruntukan ini, di mana badan-badan dan syarikat tersebut hendaklah menerima wang awam. Jadi, kita perlu lihat kepada apa takrif “wang awam.” Di dalam Akta Audit yang ada sekarang, ianya merujuk “wang awam” sama dengan takrif yang dinyatakan di dalam Akta Tatacara Kewangan 1957- *Financial Procedure Act 1957* dan termasuk juga di bawah seksyen 222, Akta Audit, ianya juga ada menyebutkan apa takrif “wang awam.”

Jadi untuk pencerahan semua, saya bacakan apa erti “wang awam” sebab tadi saya dengar ada yang berpendapat bahawa “wang awam” itulah termasuk wang yang persatuan terima daripada orang ramai dan digunakan untuk menjalankan aktivitinya dan sebagainya.

Ini perlulah diberi pencerahan oleh Yang Berhormat Menteri nanti supaya kita tidak keliru tentang perkara ini.

Jadi, mengikut takrif Akta Tatacara Kewangan Tahun 1957, “wang awam” ertinya semua hasil, pinjaman, amanah dan lain-lain wang dan semua bon debentur dan lain-lain sekuriti, apa sahaja dikumpulkan atau diterima oleh atau kerana Persekutuan atau oleh sesebuah negeri, tetapi tidak termasuk zakat fitrah, Baitulmal atau hasil-hasil Muslim yang sama.

Jadi, seksyen 2(2) Akta Audit juga menyatakan “wang awam” termasuklah wang yang diterima oleh atau untuk mana-mana pihak berkuasa awam yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan atau negeri.

Jadi, bila kita baca pindaan kepada tambahan kedua, nampak luas, tetapi bila kita baca takrif ini, ianya telah menyempitkan lagi badan-badan yang layak untuk diaudit. Oleh sebab kalau kita lihat, saya lihat ini, baca- *I might be wrong* sebab itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri- ia menjurus kepada badan-badan agensi kerajaan. Siapa lagi badan yang diberikan kuasa untuk mengutip wang bagi pihak Persekutuan dan bagi pihak negeri kalau tidak badan ataupun agensi kerajaan?

Jadi timbul persoalan di sini, mengapakah ada peruntukan perkara ini? Oleh sebab saya rasa peruntukan yang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani, untuk *extend the power of the Auditor* untuk mengaudit badan awam tersebut, tetapi tadi kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kuasa tambahan ini untuk membolehkan Ketua Audit untuk mengaudit persatuan.

Jadi persoalan saya, saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri- apakah persatuan atau badan-badan yang dibenarkan untuk menerima “wang awam” bagi tujuan Persekutuan ataupun tujuan negeri yang boleh diaudit di bawah kuasa tambahan ini? *I would like to know* supaya orang tidak kluatir lagi.

Ada yang sebut- JKKK kampung menerima wang bantuan MRP itu kena kah? Persatuan itu kena kah? Parti politik itu kena kah? Jadi, banyak keraguan. Jadi, mintalah Timbalan Menteri memberi pencerahan dalam sesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang elemen semak dan imbang tadi. Tadi saya nyatakan bahawa ianya “wang awam.” Jadi, skopnya tidaklah seperti mana yang kita lihat tadi, nampak besar.

Kedua, elemen semak dan imbang pada skop pengauditan tambahan adalah Menteri Kewangan mesti berpuas hati bahawa kepentingan awam memerlukan dengan mendesak supaya audit dilakukan ke atas badan tersebut.

Jadi, tadi ada isu sama ada bagaimana menyatakan dia berpuas hati bahawa ini adalah atas kepentingan awam. Ianya boleh objektif, ianya juga boleh subjektif. Ini yang mendatangkan kerisauan. Boleh objektif, boleh subjektif, tetapi pada saya, ada satu lagi

elemen semak dan imbang, di mana dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 106(2) bahawa semua itu hendaklah diberi perintah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Barulah boleh diadakan pengauditan.

■1310

Jadi, *our last* benteng *is of course* Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong *of course he act* mengikut nasihat kerajaan, tetapi kita percaya juga dia, *but* Seri Paduka Baginda ada kewibawaan. Dia tak hendak pun *victimization, sorry* ya dilakukan. Bukan saya tak buat prasangka tetapi kita meluluskan perkara ini kita boleh dapat *foresee in the future* adakah kemungkinan kuasa yang luas ini boleh disalahgunakan ya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa teruskan YB. YB sebagai Pengerusi Jawatankuasa Semakan Undang-undang kita, saya rasa Dewan ini pun perlu ada *reference point* yang untuk kita hadamkan dalam perbincangan ini.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Okey jadi secara kuasa penambahan ini adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 106(2), tak ada masalah ya. Cuma, inilah penjelasan ini perlu dijelaskan seperti mana yang telah saya nyatakan tadi.

Tiga lagi pindaan kepada Akta Audit adalah kuasa Ketua Audit untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan yang perlu sesuai manfaat. Kedua, membuat syor untuk menangani ketakteraturan dan ketiga membuat audit susulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ini adalah satu yang baik. Satu yang positif ya. Bukan sahaja menambahkan nilai perkhidmatan yang diberikan oleh Ketua Audit Negara tetapi membimbing *auditee* ke arah mempertingkatkan tadbir urus kewangan selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

Saya bersetuju juga dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Zurainah tadi. Bila sudah buat audit susulan itu janganlah *keep quiet* ya. Wartakan- *not to say* wartakan. *Publicize*, apakah sama ada badan-badan tersebut atau syarikat tersebut telah mengambil tindakan seperti mana yang ditegur, seperti mana yang disyorkan oleh Ketua Audit Negara ya.

Satu lagi perkara *last point* saya. Saya dimaklumkan oleh Ketua Audit Negara setiap tahun Jabatan Audit mengaudit sebanyak 476 audit ataupun untuk tahun yang lepas ya. Bagi satu kajian audit, seramai empat orang pegawai yang terlibat mungkin lebih ramai bergantung kepada *the breadth, the scope of each* perkara itu. Jadi soalan saya, dalam penambahan skop ini, adakah Jabatan Audit mempunyai tenaga kerja yang bertauliah untuk yang betul-betul layak untuk mengaudit badan-badan ini dan syarikat-syarikat yang berkaitan.

Saya daripada pernah menjadi Ketua Pegawai Penasihat Undang-undang bagi *public listed company*. Apa yang saya sedar bahawa *auditor* itu dia perlu faham, dia perlu faham akan *business of the company itself*. Apa *business* dia, apa *business* industri tersebut dan

jangan *duk* fokus kepada kewangan sahaja, tak tahu apa *business company* dan juga industri tersebut. Kalau tidak jadi syor pendapatan audit *finding*, dapatan audit itu boleh terlencong ya. Boleh terlencong dan ianya akan, akibatnya menganiaya *auditing* itu. Tak semena-mena tak salah tetapi pula dia menjadi satu ketakteraturan ya.

Saya juga bersetuju ya *auditor* mengaudit orang, siapa mengaudit *auditor*? Ini satu perkara yang saya haraplah kerajaan akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan tindakan atau selaras dengan usaha kerajaan untuk mereformasi institusi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya subjek kepada apa kerisauan tadi harap boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya menyokong pindaan-pindaan ini ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

#### 1.14 tgh.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah* pada tengah hari ini atau petang ini kita berkesempatan untuk berbahas mengenai Akta Audit 1957. Saya rasa ada beberapa elemen atau kategori di sini iaitu kategori yang pertama adalah audit institusi-institusi kerajaan yang saya rasa tidak ada pertikaian mengenainya. Memang tak ada pilihan pun.

Keduanya, badan-badan berkanun, GLCs. Saya rasa pun tidak ada pertikaian mengenai juga. Malahan saya rasa proses audit ini adalah sangat penting. Kalau kita tengok beberapa tahun yang lepas pembelian sebuah komputer berharga RM10,000. Waktu itu saya rasa paling mahal pun RM5,000 lah ya dan sebatang pen harganya RM5,000 waktu itulah. Sudah beberapa tahun yang lepas.

Jadi, audit ini adalah sangat penting tetapi yang menjadi pertikaian rakan-rakan dan termasuk saya juga adalah fasal yang mengatakan bahawa mana-mana badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 menerima wang awam jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan wang awam mengehendaki akaun itu diperiksa.

Jadi, saya pun ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri apakah yang dimaksudkan dengan Menteri Kewangan berpuas hati ini, tetapi saya berandaian bahawa tentunya Menteri mendapat laporan sama ada Laporan Polis atau pun laporan daripada institusi-institusi bahawa berlakunya. Saya rasa undang-undang ini boleh mengandaikan juga ya kerana Menteri- bahawa tentulah ada bukti-bukti ataupun aduan-aduan yang diterima oleh pihak Menteri Kewangan yang menyebabkan Menteri tersebut mengarahkan Ketua Audit Negara mengaudit institusi tersebut.

Saya rasa ini adalah sangat penting kerana buat masa sekarang ini dan saya rasa masa demi masa pertambahan kes-kes yang tidak *ethics*, yang tak ada *ethics* dalam perbelanjaan ini, mereka mendapat dana awam, mereka dapat dana daripada kerajaan tetapi mereka berbelanja suka hati mereka.

Bahkan ya ada syarikat-syarikat yang membuat haji umrah pun menipu. Duit orang ramai. Apatah lagi dengan NGO-NGO sebagaimana rakan-rakan sahabat-sahabat mengatakan tadi yang menggunakan OKU, menggunakan kebajikan, menggunakan sekarang ini Palestin ya. So, banyak dana-dana yang telah dibelanjakan dengan tidak- orang kata dengan banyaklah. Banyak persoalan yang timbul bagaimana wang tersebut dibelanjakan.

Jadi saya rasa bertepatanlah masanya saya rasa untuk demi kepentingan awam sebab badan yang *legitimate* ya yang saya rasa yang boleh diguna pakai kalau akaun tersebut telah diaudit oleh pihak Audit Negara. Saya rasa adalah wajar kes-kes tersebut dibawa, dikemukakan kepada pengadilan sama ada SPRM ataupun Polis dan tindakan seterusnya haruslah diambil.

Jadi, saya rasa pindaan ini ya yang setelah lama tidak dibuat sejak tahun 1991 kalau tak silap saya, jadi adalah bertepatan dengan masanya melihatkan kepada keadaan yang banyak ketidakakuran tentang penggunaan wang terutamanya wang awam. Jadi, sebagaimana yang kita maklum, audit ini adalah memberi banyak faedah sebenarnya kepada organisasi-organisasi tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Audit Negara bahawa apabila audit berkala dilakukan terdapat peningkatan perbelanjaan yang lebih mampan sebanyak 15 peratus.

Jadi saya rasa proses ini sangat penting demi menjaga kepentingan awam dan juga kerajaan. Saya rasa sekadar itulah. Saya mohon menyokong terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditempokkan sekarang dan diteruskan perbahasan bagi D.R 16/2024, Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024 ini. Ini prosedur saya kena umum.

Terima kasih. Sekarang saya jemput YB Tuan Abun Sui Anyit.

■1320

1.20 tgh.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Audit 1959 iaitu Akta Audit (Pindaan) 2024.

Saya meneliti perbahasan kawan-kawan yang telah berbahas sebelum saya. Memang kerisauan kita lebih tertumpu kepada penyalahgunaan kuasa, tetapi saya akan lebih berbahas kepada fasal 3 di mana perlu ada garis panduan.

Garis panduan ini adalah sangat penting supaya segala perbelanjaan wang awam yang diberikan kepada badan-badan atau entiti-entiti yang telah disebutkan dan diterangkan juga oleh sahabat Senator kita sebelum ini, ini adalah sangat penting supaya kita jangan nanti Ketua Audit Negara ini hanya membuang masa, membuang tenaga hanya untuk menyiasat sesuatu yang telah terlajak. Jadi, justeru itu, garis panduan ini adalah sangat penting.

Memang sebelum ini saya juga bersama dengan Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang kita bertanya, apakah panduan ini sudah ada? Jadi, buat masa ini, jawapan yang diterima, belum ada kepastian lagi tentang panduan-panduan yang perlu diikuti.

Justeru itu, ini juga memberikan satu kerisauan kepada kita kerana garis panduan ini belum ada di hadapan Ketua Audit Negara. Walau bagaimanapun, iltizam untuk memperbaiki penggunaan wang awam ini adalah sangat penting. Panduan ini akan dibuat dari semasa ke semasa dan perlu dengan niat yang baik. Jadi, ini satu jaminan yang diberi oleh Ketua Audit Negara kepada Jawatankuasa.

Justeru itu, saya berharap supaya kita dengan adanya pindaan ini nanti, saya berharap supaya kerajaan memberi jaminan kepada pihak yang mungkin menjadi sasaran untuk disiasat ataupun untuk diaudit semula. Apakah jaminan yang diberi oleh kerajaan ataupun kepada seseorang yang disiasat ataupun yang disuruh audit semula? Inilah yang sangat dirisaukan oleh kita.

Walaupun bagaimanapun, kerana saban tahun kita mendengar Laporan Ketua Audit Negara ini ada penyelewengan, ada satu ketidakteraturan yang besar berlaku, jadi mereka tidak ada kuasa siasatan. Jadi, justeru itulah pindaan ini diperlukan untuk mereka menyiasat supaya apabila kuasa siasatan ini ataupun audit semula ini akan memberi satu amaran kepada badan-badan yang menerima wang awam ini. Jadi, bagi saya, ini adalah satu yang baik kalau niatnya untuk mengelak ketirisan yang *systemic* berlaku di dalam jabatan-jabatan kerajaan ataupun syarikat-syarikat yang menerima wang dana kerajaan.

Seterusnya, saya berharap pindaan ini juga akan mengurangkan ketirisan yang *systemic* ini tadi di mana seolah-olah apabila Laporan Ketua Audit Negara ini dibentangkan ataupun diletakkan di atas meja Wakil Rakyat ataupun Ahli Parlimen, dia setakat itu sahaja, tidak ada kuasa siasatan.

Jadi, justeru itu, saya berharap supaya dengan adanya pindaan ini, supaya ini juga akan memberi satu panduan kepada kita dan supaya wang yang digunakan tidak diseleweng begitu rupa. Terutamanya, wang awam ini, termasuk syarikat SSM juga, yang melibatkan wang yang beratus juta. Jadi, inilah yang menyebabkan tidak ada kuasa Juruaudit Negara ini.



Jadi, saya berharap dengan adanya kuasa yang ada pada Juruaudit Negara ini nanti, ada penyelewengan-penyelewengan yang mungkin selama ini ataupun yang akan berlaku, sekiranya ada, memberikan kuasa kepada Juruaudit Negara untuk menyiasat terutamanya projek-projek yang terbengkalai.

Kita mendengar juga projek-projek yang terbengkalai, akhirnya akan ditender semula. Dan projek yang terbengkalai ini tadi tidak pula syarikat-syarikat yang mendapat projek ini disiasat kenapa terbengkalai, selepas itu *re-tender* semula. Jadi, inilah antara sebab-sebabnya Ketua Audit Negara ini perlu diberi kuasa supaya nantinya kewangan negara yang digunakan untuk kepentingan ataupun kebaikan rakyat ini tidak disalahgunakan dengan adanya projek-projek yang terbengkalai tidak disiasat dan mereka terlepas begitu sahaja dan *re-tender* lagi. Saya juga berharap supaya apabila pihak yang terlibat ini, janganlah risaulah, jangan takut.

Satu lagi yang saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, adakah...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi laluan?

**Tuan Abun Sui Anyit:** Ya, boleh.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Word "Janganlah takut"* itu, maksudnya macam mana ya? "*Pihak-pihak yang terlibat ini janganlah takut.*" Jadi, satu ungkapan yang sangat memujuk bagi *company* atau syarikat atau NGO atau badan yang akan *start* disiasat oleh pihak Audit. Terima kasih.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Ya, ini juga- yang saya kata tidak takut ini tadi, kita ada pepatah Melayu, berani kerana benar, takut kerana salah. Jadi, ini juga memberi persoalan, tetapi saya bukan Menteri. Nanti Menteri jawab juga persoalan Yang Berhormat sebentar tadi, yang berucap sebelum saya.

Bukan takut bermaknanya bukanlah kita suruh syarikat itu berani untuk menyalahgunakan wang negara, tidak, tetapi maksudnya, kalau kita diberi wang awam ini, dana awam ini, kita menggunakannya sebaik mungkin. Itulah sebab saya lihat kepada penekanan garis panduan ini tadi. So, apabila kita mengikut garis panduan yang telah dibuatkan, yang ditetapkan oleh Ketua Audit Negara, saya percaya itulah kita jangan takut.

Jadi, justeru itulah saya berharap supaya ada keseimbangan di dalam kita bersetuju dan memberi juga amaran kepada Ketua Audit Negara ini, Menteri yang terlibat juga yang kita risau kuasanya sangat besar, terlalu luas. Jadi, takkanlah saya percaya akan disalahgunakan. Kerana Yang di-Pertuan Agong juga akan dikatakan menjadi satu *check and balance* dalam perkara ini.

Apa yang penting juga adalah ada juga wang daripada persatuan ini tidak akan pergi kepada *detail*. Itu yang saya berharap jawapan yang lebih tuntas akan diberi oleh Menteri yang berkaitan nanti. Saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, YB. Sekarang saya jemput Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan

**1.28 tgh.**

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana kesempatan diberikan untuk ikut berbahas dalam konteks Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024.

Saya menyaksikan ada dua sisi yang dibincangkan setakat ini dan saya berusaha untuk memperkatakan kedua-dua sisi itu dengan permulaannya melihat sisi positif atau sisi yang memberikan harapan kepada suatu transformasi, satu reformasi dalam pelaksanaan keadilan sosial dan juga ketelusan dan tatakelola yang baik.

Pertamanya, pada hemat saya, rang undang-undang ini memberikan suatu sinar baharu apabila memberikan fokus kepada tugas kuasa Ketua Audit Negara yang selama ini tidak diberikan iaitu dalam konteks bidang kuasa menjalankan audit kepada syarikat atau agensi atau badan bukan kerajaan yang mendapat sokongan atau jaminan kewangan daripada kerajaan. Ini, pada hemat saya, suatu perluasan peranan Ketua Audit Negara yang sangat penting diberi perhatian. Satu bentuk transformasi pembaharuan yang mencakup bukan sahaja soal-soal badan kerajaan, jabatan kerajaan dan agensi.

Perkara ini penting juga dalam konteks untuk memastikan bahawa syarikat kerajaan GLC, GLIC yang mempunyai kepentingan dalam menjadi badan pelaksana dasar-dasar negara terutama dalam soal dasar sosioekonomi negara perlu mempunyai ketelusan, mempunyai dasar-dasar dan program pelaksanaan yang memenuhi fungsi sebagai badan yang menjalankan amanah negara. Kerajaan, dalam konteks ini, saya lihat sebagai berperanan untuk mendukung negara. Maka dengan perluasan tugas ini, kita berharap pada badan atau syarikat-syarikat kerajaan, GLC dan GLIC akan dapat berperanan dengan lebih baik, dengan lebih mantap bagi mengisi program sosioekonomi negara.

■1330

Dalam konteks yang lain juga, kuasa yang diperkenalkan ini dapat membantu membataskan kuasa Eksekutif dan Lembaga Pengarah dalam penentuan dasar korporat, projek, tatakelola dan ketelusan. Sedikit pengalaman peribadi juga saya dalam badan atau syarikat berkaitan kerajaan yang menunjukkan ada perihal yang tidak menunjukkan pelaksanaan dasar yang menepati dasar pembangunan negara untuk keadilan sosial.

Dato' Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya juga mengambil kesempatan untuk mengatakan bahawa kita tidak menyokong sebarang audit yang memberikan kesan negatif tanpa ketelusan pada peringkat, pada pihak audit itu sendiri. Jadi saya merujuk pada suatu isu yang berkaitan dengan *International Islamic University Malaysia* (IIUM) yang membalas Laporan Ketua Audit Negara tentang kegagalan institusi itu untuk membayar hutang. Jadi,

apakah susulan pihak kerajaan untuk memberikan ketepatan fakta ataupun memberikan kewajaran, adakah Laporan Audit itu benar ataupun tidak? Ini bagi saya keadilan yang mesti diberikan kepada pihak yang diaudit.

Dato' Yang di-Pertua, terkait dengan itu juga saya melihat peri pentingnya konteks audit ini, menyambung pembahasan saya tentang peranan GLC, GLIC dalam memberikan dukungan program sosioekonomi negara. Dan memetik pandangan dan juga cadangan serta semacam arahan juga daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya GLC yang mendapat untung besar jangan lupa akan kebajikan pekerja khususnya golongan bawahan.

Ini saya kira, audit akan banyak membantu, mendorong GLC, GLIC bekerja ke arah memberikan kebajikan kepada pekerja bawahan. Demikian juga, agihan kekayaan, kemakmuran kepada rakyat- menjadi tanggungjawab GLC bukan menjadi suatu batu loncatan untuk kepentingan LPU, kepentingan golongan pengurusan tertinggi. Ini pada hemat saya, ada falsafah di balik kerja audit terhadap syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan yang terkandung dalam pindaan akta ini.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, saya terus menumpukan perhatian pada soal keperluan iaitu dalam memperluas kuasa Ketua Audit Negara untuk melaksanakan audit susulan. Ini sangat penting. Seperti dibayangkan tadi, ada Laporan Audit, tetapi apa tindakannya? Ini juga saya menyokong rakan Senator tadi menyebut bahawa Dewan Negara *you* harus dilibatkan dalam soal ini. Jangan Laporan Ketua Audit Negara itu dibentangkan dan kita tidak tahu apa susulan. Apa tindakan dan pemeriksaan semula. Ini pada hemat saya satu perkara yang sangat penting agar audit itu ada maknanya. Bukan satu proses yang mekanikal semata-mata.

Pada kesempatan ini juga, saya mohon kerajaan menyenaraikan agensi-agensi kerajaan yang didapati gagal dalam memenuhi agenda pembangunan sosioekonomi negara. Perkara ini sudah banyak dibincangkan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera sebagai contoh. Saya tidak mahu menyenaraikan badan-badan yang disebut dalam kongres itu, tetapi saya kira ini suatu pemegang amanah yang mesti diberi perhatian besar. Dan ada kaitan rapat dengan soal pindaan rang undang-undang ini, pindaan akta ini kerana tujuannya supaya syarikat-syarikat GLC, GLIC ini memenuhi amanah negara. Diaudit dengan tepat, dengan telus, dengan terperinci supaya dapat menumpukan perhatian pada amanah pembangunan negara. Jadi ini permintaan saya.

Yang terakhir, memenuhi juga harapan sahabat-sahabat di Dewan Negara ini. Kebimbangan, kemungkinan berlaku penyalahgunaan kuasa. Jadi perkara ini juga harus diberi perhatian yang berat agar kerja Ketua Audit Negara tidak dipengaruhi oleh faktor politik. Dan juga satu lagi tambahan yang lupa saya sebut tadi. Kalau audit terhadap syarikat berkaitan kerajaan ini harus diberikan perhatian kepada pelantikan politik yang sudah dibahaskan dengan panjang lebar.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *[Bangun]*

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** PM sendiri pun menyokong kita, tapi apa yang berlaku ternyata masih lagi ada ahli-ahli politik dilantik untuk memimpin atau menjadi anggota dalam syarikat berkaitan kerajaan. Ini pada saya timbul masalah, cakap tak serupa bikin, yang patut kita atasi dengan adanya pindaan rang undang-undang ini.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Mencilah sedikit boleh Yang Berhormat? Sikit mencilah?

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Kalau yang diizinkan oleh Yang di-Pertua. Saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Ladies first.*

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Ladies first. Okey. Next.*

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih. Tadi ada menyebut pasal orang politik seolah-olah orang politik tak layak untuk mengetuai GLC ataupun sebagainya. Mengapakah perlu didiskriminasikan? *Just by the fact that* kita *politician*. Adakah kita ini orang yang tak elokkah?

**Beberapa Ahli:** Sokong.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Mungkin masuk terus pakej soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Boleh ya. Sebab tadi Yang Berhormat Datuk Seri sebut tentang kes gangguan ataupun daripada orang politik kepada Ketua Audit Negara tetapi dalam fasa yang berkenaan itu, dah *direct* bahawa *Finance Minister*, Menteri Kewangan boleh dengan langsungnya mengarah. Ertinya itu bukannya sudah dianggap sebagai suatu campur tangan langsung atau *interference*? Terima kasih.

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Terima kasih rakan-rakan Senator. Ya, saya sendiri tidak ada maksud untuk menafikan keperluan dan hak berdasarkan merit berdasarkan kemampuan, tetapi isu yang ditimbulkan selama ini ialah ada ahli politik yang tidak kemampuan, tetapi dilantik atas dasar imbalan politik. Itu maksud. Saya kira ini kita harus bedakan kemampuan dengan *politician* dengan *politician* yang dilantik atas dasar imbalan politik. Bukan kerana kemampuan dan keahlian. Jadi saya kira demikian.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Dato' Yang di-Pertua, boleh mencilah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Last.*

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Ya, *last-last.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Last.*

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Ini pun *statement* yang juga yang dibuat oleh profesor itu tadi. Bermaknanya di sini Prof Senator, iaitu pelantikan mana-mana jawatan ini berdasarkan merit. Jadi tak perlu nak *discriminate* walaupun ada merit *just*

*because they are politician* tak boleh dilantik. *That will be counter discriminate*. So, tak acilah macam itu. Itu adakah itu bermaksudnya? Maksudnya hanya lantik *on merit* tak kira *politician or not*.

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Saya setuju tentang itu kerananya soal keadilan berdasar pada merit, keahlian, kemampuan untuk membantu negara. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Prof. Sekarang ini saya jemput Puan Susan Chemerai Anding.

### 1.38 ptg.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk membahas Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024 ini. Pindaan ini adalah suatu tindakan yang ke hadapan dan sangat penting untuk institusi audit negara sebagai institusi yang mengaudit penggunaan wang negara.

Pada masa negara sering dilimpahi dengan skandal kewangan, ketirisan, rasuah dan sebagainya, sudah tiba masanya institusi audit negara diberi bidang kuasa yang lebih meluas supaya dapat menyiasat dan membongkar segala skandal, ketirisan, rasuah, ketidakaturan dan pembaziran dalam penggunaan wang rakyat di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau syarikat pelaburan kerajaan yang diberi pinjaman kewangan atau geran ataupun diberi jaminan kewangan negara.

Hasil kaji selidik *Global Corruption Barometer* (GCB) atau Barometer Rasuah Global 2020 mendapati 71 peratus *Malaysian* merasakan bahawa rasuah dalam kerajaan adalah masalah yang besar. Rakyat juga merasakan tiga institusi yang paling *corrupt* ialah Ahli Parlimen 36 peratus; polis 30 peratus; dan pegawai kerajaan 28 peratus.

#### ■1340

Ini persepsi rakyat di luar sana. Jadi persepsi negatif seperti ini sudah nyata tidak baik untuk masa depan negara terutamanya daripada segi menarik pelaburan dan perkembangan ekonomi amnya. Jadi *I think this is where the argument is, we have to take into account public perceptions of politicians*. So, maybe that is the reason dengan izin, *is not encourage to appoint political figures to public office, to head GLCs and so on*.

Diharapkan pindaan-pindaan ini nanti akan sedikit sebanyak menambah baik keyakinan dan persepsi rakyat. Ini juga akan menjurus kepada menunaikan satu lagi agenda Kerajaan Madani iaitu memperbaiki tatakelola dan tadbir urus pentadbiran dan kewangan awam negara sejajar dengan Strategi Antirasuah Kebangsaan 2024-2029. Pindaan ini nanti akan meluaskan bidang kuasa Ketua Audit Negara supaya boleh mengaudit syarikat yang

mendapat jaminan kewangan daripada kerajaan, membuat pengauditan melalui pendekatan *follow the public money audit*.

Ini penting sebab banyak sudah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau syarikat pelaburan kerajaan yang diberi pinjaman kewangan ataupun diberi jaminan kewangan kerajaan yang pada masa kini tidak dapat diaudit dan lepas daripada sebarang penyeliaan daripada segi penggunaan dana atau jaminan kerajaan. Dengan pindaan ini nanti semua ini akan berubah.

Pindaan ini juga akan memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mewujudkan garis panduan kuasa untuk memberi syor mengenai apa-apa ketidakaturan yang serius dan akhirnya kuasa untuk membuat *follow-up audit* ataupun audit susulan. Jadi- cuma saya ada beberapa soalan berkenaan dengan pindaan ini.

Pertama, adakah mekanisme yang sedia ada untuk memastikan Ketua Audit Negara kekal bebas daripada tekanan ataupun tindakan mana-mana pihak dalam menjalankan tugas dan membuat sebarang keputusan. Saya rasa ini yang diutarakan oleh beberapa orang rakan tadi. Jadi ini termasuk *political pressure*, tapi jangan lupa *political pressure* boleh juga dianggap sebagai *abuse of power* dan satu jenis *corruption* juga.

Jadi, keduanya adakah sebarang perancangan kerajaan untuk menambah bilangan kakitangan Jabatan Audit Negara sejajar dengan pertambahan peranan dan bidang kuasa yang termaktub dalam pindaan ini.

Terakhirnya, adakah kerajaan bercadang untuk membawa Laporan Audit Negara Tahunan sebagai usul ke Parlimen termasuk ke Dewan Negara ini untuk masa yang akan datang supaya ia nya dapat di bentang dan di bahas justeru lebih berkesan dan ada akauntabiliti kepada rakyat pada masa hadapan. Jadi sekian saja, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Dato' Sivaraj a/l Chandran.

#### 1.44 tgh.

**Dato' Sivaraj a/l Chandran:** Salam sejahtera, salam Madani. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024.

Tuan Yang di-Pertua setiap kali laporan audit dilaporkan dan dibentangkan ia akan menjadi berita sensasi untuk seminggu atau dua tetapi ketirisan, salah guna dan kerugian rakyat akan berlarutan. Wang rakyat hilang begitu saja dan benda ini akan berulang tahun depan dan kita akan bincang perkara yang sama, kita akan jadikan berita itu berita sensasi dan berita ini akan berulang pada tahun-tahun yang akan datang.

Jangan kerana ketidakefisienan dan elemen korupsi beberapa pihak, negara kehilangan berbilion-bilion Ringgit dan akhirnya di atas nama reformasi ekonomi kita

membebankan rakyat dengan cukai baru, subsidi bersasar dan kenaikan harga yang menyusahkan rakyat. Sebaliknya kerajaan harus memperkasakan penguatkuasaan dan mencari punca ketirisan dan mengurangkan kerugian atau perbelanjaan yang tidak relevan.

Maka pindaan kepada Akta Audit ini membawa beberapa perubahan signifikan yang bertujuan untuk meluaskan kuasa Ketua Audit Negara, antara lainnya pindaan ini akan membolehkan Ketua Audit Negara mengaudit syarikat yang mendapat jaminan kewangan daripada kerajaan. Membuat pengauditan melalui pendekatan *follow the public money audit* serta mempunyai kuasa untuk mewujudkan garis panduan dan memberi syor mengenai ketidakaturan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga menambah kuasa Ketua Audit Negara untuk membuat *follow-up audit*, memastikan setiap ketidakteraturan yang dikesan diambil tindakan yang sewajarnya. Ini akan memperkuatkan lagi integriti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan awam kita.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meluaskan kuasa audit ini adalah penting bagi memastikan setiap Ringgit wang awam dibelanjakan dengan berhemah dan berkesan. Ia juga akan membantu dalam mengenal pasti dan mencegah penyelewengan serta ketidakcekapan dalam penggunaan dana kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pepatah Inggeris mengatakan *transparency build trust*, dengan memperluaskan kuasa audit kita memastikan lebih banyak cahaya terang diterangi ke atas segala urusan kewangan awam dan menjadikan sistem kita lebih telus dan *accountable*.

Dato' Sri Yang di-Pertua, di samping itu peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) harus diperkasakan lagi. PAC berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang, dengan izin, atau *check and balance* yang penting dalam memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan kewangan negara. PAC perlu diberi kuasa yang lebih luas untuk meneliti dan menyiasat laporan-laporan audit yang dibentangkan oleh Ketua Audit Negara. Sesungguhnya ini akan memastikan bahawa sebarang ketidakaturan yang dikesan bukan saja diambil tindakan oleh pihak eksekutif, tetapi juga diawasi oleh badan legislatif, peranan Parlimen dan Jawatankuasa Khas Parlimen harus dikekalkan dan diperkasakan untuk mengawal selia kewangan awam dengan lebih efektif.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengenai jumlah syarikat yang mendapat jaminan kewangan daripada kerajaan dan peningkatan jumlah badan yang boleh diaudit Lembaga Ketua Audit Negara selepas pindaan ini. Adakah kerajaan bersedia menyediakan lebih banyak sumber daripada aspek kewangan dan kakitangan untuk melaksanakan peranan-peranan baru ini dengan lebih menyeluruh? Saya juga ingin menekankan kepentingan pelaksanaan audit yang lebih sistematik terutamanya bagi badan-badan atau dana yang signifikan seperti Khazanah, KWAP dan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik.

Kita perlu pastikan bahawa badan-badan ini diaudit secara berkala dan menyeluruh dan mengelak penyelewengan yang pernah berlaku sebelum ini. Sebagai tambahan, saya juga memohon kepada kementerian untuk kita mengambil boleh dikatakan risiko dengan memusatkan kuasa yang tinggi kepada satu individu untuk membuat keputusan mengenai audit dan juga menghukum suatu syarikat.

Jadi, maka saya berharap ada satu *check and balance* dalam memperuntukkan kuasa yang mutlak kepada seorang individu kerana beliau pun seorang manusia yang dipengaruhi oleh kawan, yang dipengaruhi oleh emosi dan sebagainya. Jadi maka mesti ada satu sistem *check and balance* untuk beliau menjalankan tugas dengan lebih telus dan bertanggungjawab.

Dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024 kerana ini adalah langkah penting ke arah memperkukuhkan sistem tadbir urus kewangan negara. Pindaan ini tidak hanya memberi kuasa tambahan kepada audit negara tapi memastikan bahawa setiap sen wang awam digunakan dengan sebaik-baiknya demi kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Datuk Dr. Dominic Lau.

**1.49 tgh.**

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sebelum perbahasan bolehkah saya minta *admin* memberikan senarai nama yang guna kerana / pun tak tahu giliran saya sekarang.

■1350

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya yang tentukan, YB.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada senarai, tapi saya yang tentukan siapa yang bercakap dulu, siapa bercakap kemudian.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Nak pergi tandas pun takut giliran saya. Tunggu, tunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, nanti saya akan maklumkan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Okey. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Memang sudah 33 tahun sejak kita meminda Akta Audit ini. Kini masa lah untuk kita melawat RUU tersebut dan meneliti, memperkasakan skop kuasa Jabatan Audit Negara.

Datuk Yang di-Pertua, saya memang terkejut apabila membaca Laporan Ketua Audit Negara terkini yang mendedahkan pelbagai kelemahan tatakelola kerajaan, terutamanya daripada segi ketetapan masa dan penyampaian projek awam yang telah mengalami kerugian yang besar kepada kerajaan. Yang amat mengecewakan memang memandangkan hasil



Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun mendedahkan kelemahan tatakelola yang hampir sama, yang tak sama itu, nama agensi tak sama. Nama projek tak sama. Jumlah dana tak sama yang dibazirkan oleh kerajaan.

Rakyat jelata rasa memang marah, letih dan juga kecewa kerana dekat depan mereka menarik semua balik subsidi, tetapi di belakang juga rugi lah berbilion-bilion Ringgit akibat ketirisan tadbir urus kewangan. Kerajaan perlu meyakinkan rakyat dengan meneliti teguran Laporan Ketua Audit Negara dan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa yang menyalahgunakan kuasa mereka. Jangan akhirnya menjadi NATO- "*No Action Talk Only.*"

Datuk Yang di-Pertua, saya memang dimaklumkan bahawa peruntukan baharu yang diadakan di seksyen 5 akan diwujudkan untuk perkasakan bidang kuasa Ketua Audit Negara untuk memeriksa, untuk menyiasat dan untuk mengaudit akaun syarikat yang menerima wang awam. Namun, ianya tertakluk kepada Menteri Kewangan *on the basis of the national interest*. Yang ini lah yang menjadi masalah, kerana mesti ada arahan daripada Menteri Kewangan, baru lah pemeriksaan, penyiasatan dan audit boleh dilaksanakan.

Saya mengalu-alukan pendekatan Audit itu ke atas wang awam yang memberikan taring dan kuku baru kepada Ketua Audit Negara untuk menyiasat mana-mana syarikat yang menerima wang awam seperti syarikat orang tengah yang selalu terpalit dalam dakwaan salah laku. Contohnya, syarikat orang tengah kepada Projek Kapal Tempur Pesisir, *Littoral Combat Ship* (LCS) yang telah membawa kerugian sebanyak RM890 juta kepada kerajaan. Di sini saya ingin menunjukkan satu potensi percanggahan kepentingan apabila keputusan penyiasatan dan mengaudit akaun syarikat adalah tertakluk kepada Menteri Kewangan yang juga merupakan Perdana Menteri seperti sekarang.

Menteri Kewangan kata nak bincang dengan Perdana Menteri, Perdana Menteri kata nak minta pandangan daripada Menteri Kewangan tetapi mereka adalah orang yang sama, yang memberikan peluang yang besar kepada Eksekutif untuk melengahkan dan *cover up case* penyiasatan. Mungkin memudaratkan imej kerajaan semasa. Cadangan saya, bidang kuasa ini harus lah diberi kepada perbadanan yang *independent, neutral, apolitical*.

Datuk Yang di-Pertua, pindaan yang berpeluasan skop kuasa dan kerja Ketua Audit Negara menimbulkan soalan mengenai kecukupan penjawat awam di Jabatan Audit Negara menjalankan tanggungjawab institusi secara efisien dan sepenuhnya. Kalau kita rujuk kepada anggaran belanjawan tahun lepas, Jabatan Audit Negara mempunyai lebih kurang 2,000 petugas sahaja. Sememangnya kurang cukup untuk skop kerja yang merangkumi pengauditan syarikat selain daripada badan awam. *How do you expect*, dengan izin, *same resources, but you expect more results*. Perluasan skop kuasa dan kerja perlu selari dengan perluasan *manpower* supaya tugas-tugas Jabatan Audit Negara dapat dilaksanakan secara lancar.

Saya mencadangkan kepada kerajaan untuk menambah peruntukan dalam belanjawan tahun depan- tahun ini bagi tujuan pengambilan kakitangan baru kepada Jabatan Audit Negara. Dengan saiz dan skop yang sekarang, Jabatan Audit Negara telah berjaya mendedahkan kelemahan tatakelola daripada kes pengauditan besar seperti *River of Life*, HRD Corp, Majlis Profesion Negara dan sebagainya. Tanyalah kepada Jabatan Audit Negara, saya percaya pindaan yang turut diperkasakan dengan penambahan kakitangan kepada mereka akan menerokai lebih banyak maklumat atau *information* mengenai prestasi pengoperasian kewangan negara.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin mengalih kepada pindaan memansuhkan subseksyen baru 7A yang memberikan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengeluarkan garis panduan seperti rakan kita mengatakan, sebagaimana perlu dan suai manfaat bagi maksud menjalankan peruntukan Akta Audit 1957.

Secara umum, pindaan ini memanglah langkah progresif dan memastikan kewajaran Ketua Audit Negara dalam mendekati tanggungjawab pengauditan. Cuma, saya rasa takrif garis panduan ini sangat umum dan menimbulkan persoalan mengenai kebolehan kuat kuasa, had bidang kuasa dan kebolegunaan undang-undang. Pertama sekali, apakah mekanisme yang sedia ada kepada Ketua Audit Negara bagi menguat kuasa garis panduan yang dikeluarkan dan apakah hak atau dalam bahasa Inggeris, *limitations* dalam proses merangkakan garis panduan Ketua Audit Negara itu? Yang terpenting, apa yang pematuhan kepada garis panduan Ketua Audit Negara wajib di sisi perundangan? Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap sesiapa yang tidak mematuhi pada garis panduan tersebut? Inilah persoalan yang perlu dijawab oleh kementerian sebelum pindaan subseksyen ini benar-benar efektif dalam tujuan memperkasakan akauntabiliti kerajaan.

Datuk Yang di-Pertua, memang pindaan subseksyen 9(4) memberikan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mencadangkan syor kepada hasil pengauditan untuk menangani ketidakaturan serius dalam perakuan penjagaan orang awam. Pada masa yang sama, pindaan memasukkan seksyen baru 9(A) juga memberikan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan audit susulan untuk mengkaji semula tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan, negeri, pihak berkuasa awam serta badan tertentu untuk memastikan bahawa ada atau tidak kerajaan melaksanakan cadangan, ulasan dan pandangan Ketua Audit Negara seperti yang dinyatakan dalam Laporan Audit itu. *The good intentions are there* semasa pindaan tersebut dirangka.

Namun, Laporan Audit ataupun cadangan Ketua Audit Negara secara langsungnya tak ada kuasa perundangan untuk memastikan pematuhannya. Maksudnya, pelaksanaan itu oleh cadangan yang diberikan tidak ada kuasa. *Compliance* oleh agensi-agensi berkenaan Ketua Audit Negara tidak ada kuasa...

**Timbalan Yang di-Pertua: YB.**

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** ...Untuk mendakwa penjawat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB, saya dah bagi 2 minit. Tolong gulung.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Oh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebagai ehsan, tadi menunggu lama.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** *One minute*, 2 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu lah.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Satu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dah bagi 2 minit. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih. Ketua Audit Negara tidak ada kuasa untuk mendakwa penjawat awam ataupun agensi yang degil melaksanakan cadangan, bahkan sebarang penambah baik. Tiada tindakan keras yang diambil terhadap kelemahan tatakelola yang didedahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun.

Okey. Dengan akhirnya, saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Audit Negara dan juga seluruh warga kerja di Jabatan Audit Negara ke atas usaha dan dedikasi yang ditunjukkan selama ini dalam melakukan tugas dan tanggungjawab mereka. Kecekapan, ketelusan mereka berbakti kepada negara tercinta amatlah dihargai oleh rakyat Malaysia. Terima kasih.

#### ■1400

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen.

#### 2.00 ptg.

**Datuk Lim Pay Hen:** Salam sejahtera saya ucapkan kepada Datuk Yang di-Pertua, dan seluruh Ahli Dewan Negara yang berada di dewan yang mulia ini. Pindaan Rang Undang-undang Audit pada kali ini adalah bagi meluaskan kuasa Ketua Audit Negara bagi memeriksa penyiasat, menyiasat dan mengaudit mana-mana badan lain yang difikirkan perlu. Saya amat bersetuju dengan pindaan ini kerana ia adalah satu manifestasi bukti kerajaan bagi menambah baik tata kelola negara dan akauntabiliti sektor awam.

Antara pindaan yang saya fikirkan cukup bagus adalah dengan memberi kuasa kepada Ketua Audit untuk memeriksa mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima jaminan kewangan oleh Persekutuan atau negeri. Sekiranya Ketua Audit mempunyai akses untuk memeriksa segala laporan kewangan syarikat yang menerima wang awam, ini bukan sahaja dapat membantu pengurusan wang negara dengan lebih baik bahkan banyak juga unsur penipuan yang melalui akaun syarikat menggunakan wang awam boleh dibanteras.

Seperti yang baru-baru ini berlaku, sepasang suami isteri yang juga mempengaruhi media sosial yang selama ini sangat aktif mengutip derma wang kononnya untuk disalurkan

kepada badan-badan kebajikan telah terbongkar menggunakan dana awam tersebut bagi tujuan syarikatnya sendiri. Maka dengan adanya pindaan ini, mana-mana kes yang melibatkan kepentingan dan dana awam, kerajaan boleh mengarahkan Ketua Audit Negara untuk melaksanakan pemeriksaan kewangan secara terperinci.

Malah dengan adanya pindaan ini kita berharap ia bukan sekadar mengawal selia syarikat tetapi juga NGO-NGO yang menggunakan nama badan kebajikan atau yayasan juga boleh diminta untuk diperiksa pelaporan kewangan. Ini kerana sejak kebelakangan ini terlalu banyak aktiviti *scam*, dan penggubahan wang haram yang dilakukan di bawah platform badan kebajikan. Jadi, dengan adanya kuasa Ketua Audit untuk memeriksa badan-badan mahupun syarikat yang menggunakan dana awam untuk beroperasi ini, jenayah-jenayah kewangan ini dapat dibanteras dengan lebih berkesan.

Keduanya dengan adanya pindaan ini, saya juga ingin mencadangkan agar setiap syarikat yang mendapat tender atau projek kerajaan mestilah diaudit laporan kewangan mereka. Ini adalah bagi memastikan setiap peruntukkan yang diberikan oleh kerajaan digunakan sepenuhnya secara efisien bagi pembangunan projek kerajaan. Ini juga sebagai salah satu langkah agar kerajaan dapat membanteras masalah syarikat alibaba yang hanya menerima tender kemudiannya melantik sub-sub kontraktor untuk melaksanakan projek-projek yang diterima.

Sekiranya setiap syarikat yang menerima tender kerajaan ini diaudit dengan terperinci, maka salah guna kuasa dan isu makan komisen dan sub projek ni dapat dibendung dengan lebih kolektif. Kita juga tidak mahu lagi mendengar banyak projek-projek kerajaan yang terbengkalai seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Abun Sui Anyit tadi kerana isu kontraktor yang tidak efisien seperti yang banyak berlaku sebelum ini mengakibatkan projek loji, projek solar hibrid dan pelbagai lagi.

Datuk Yang di-Pertua, seterusnya dengan adanya pindaan ini saya turut menggesa kerajaan agar menunaikan janji-janji lalu untuk terus menjejaki syarikat-syarikat persendirian yang mempunyai akaun luar pesisir secara haram bagi tujuan untuk lari daripada cukai. Sebelum ini kerajaan telah berjanji untuk mendedahkan *Pandora Papers* yang membabitkan hartawan, ahli politik, mahupun selebriti. Maka dengan adanya kuasa yang diberikan kepada Ketua Audit untuk memeriksa dalam laporan syarikat persendirian, kita berharap agar siasatan dan risikan mengenai *Pandora Papers* ini dapat disegerakan.

Terakhir sekali, dengan kuasa yang diberikan kepada Ketua Audit ini saya berharap pihak Jabatan Audit Negara dapat bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan lebih rapat lagi khususnya bagi menjejaki syarikat-syarikat persendirian yang menggunakan dana awam secara tidak sah dan menyalahgunakan bagi tujuan persendirian. Saya dengan ini menyokong Pindaan Rang Undang-undang Audit 2024. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk Lim. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

## 2.06 ptg.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Salam Malaysia MADANI. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Saya sekali lagi ingin berbahas mengenai Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024. Saya kira Rang Undang-undang Audit Akta 62 ini mendapat sambutan yang cukup hangat baik dalam Dewan mahupun di luar Dewan termasuk di Kafe Dewan Negara dari pagi tadi.

Jadi, saya tidak mahu ketinggalan untuk memberikan sedikit pendapat dan buah fikiran atau hujah berkaitan tentang Akta 62. Seperti mana kita maklum, Akta 62 bertujuan untuk memperkasakan institusi Audit Negara dalam menguruskan wang awam negara. Justeru itu, pindaan terkini adalah langkah meluaskan kuasa audit negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima jaminan kewangan yang diberikan oleh Persekutuan atau negeri ataupun wang awam.

Datuk Yang di-Pertua, perluasan Ketua Audit Negara ini adalah bertepatan dengan usaha kerajaan mengekang pelbagai isu yang timbul akibat salah laku dalam kerajaan—penyelewengan berkaitan pengurusan dana yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri dalam isu dana awam. Justeru itu, saya berpandangan pindaan Akta 62 ini wajar untuk melindungi wang kerajaan daripada salah guna yang mungkin juga akan mengancam keselamatan awam jikalau ia tidak diaudit dengan betul.

Contohnya, dana yang telah diluluskan disalah guna untuk kegiatan haram boleh mengancam kedaulatan negara dan melibatkan kacau bilau di kalangan orang awam menggunakan dana awam tersebut. Maka, sebelum perkara-perkara yang tidak ingini berlaku, satu tindakan dan peraturan ketat perlu diambil untuk mendapatkan kembali kepercayaan rakyat terhadap pengurusan dana yang lebih cekap, lebih efisien oleh pihak kerajaan kepada badan-badan ataupun syarikat-syarikat yang terlibat.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk meminda Akta 62 adalah wajar untuk Jabatan Audit Negara mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai-pegawai yang sentiasa berada pada landasan yang setaraf dengan keperluan piawaian antarabangsa.

Datuk Yang di-Pertua', dengan demikian penepatan piawaian-piawaian antarabangsa yang menjadi sasaran pencapaian pegawai di Jabatan Audit Negara dalam melaksanakan tugas mereka tidak akan dipandang rendah. Kredibiliti pegawai-pegawai akan dihormati begitu juga dengan hasil kerja mereka yang tidak boleh diperlekehkan oleh rakyat seperti mana yang diperlekehkan oleh rakyat seperti hari ini.

Setiap tahun masalah ketirisan. Setiap tahun masalah ketirisan. Masalah sama ini yang dibangkitkan rakan-rakan Dewan Negara sebelum ini. Justeru itu, komitmen dan ketelusan kerajaan melaksanakan pindaan ini akan membukakan mata-mata negara luar terutama negara serantau terhadap betapa seriusnya Kerajaan MADANI ini menguruskan perihal kewangan negara dalam masa terdekat ini. Amanah dan mandat yang diberikan oleh rakyat kepada kerajaan untuk mentadbir, mengurus kewangan negara amat perlu dijaga dan dipelihara daripada sebarang 'muslibat' dan juga muslihat dan salah laku sebelum ini.

Adalah menjadi tanggungjawab amat besar kepada Ketua Audit Negara untuk mendapatkan aduan keperluan untuk mengaudit dana-dana awam. Perkara berkaitan awam ini bukan satu perkara yang boleh dimain-mainkan. Setiap langkah tindakan kerajaan akan diperhatikan oleh rakyat dan juga negara luar agar tidak berlaku lagi ketirisan. Andainya tersilap langkah, terjadi sebarang salah laku sekali lagi rakyat akan hilang kepercayaan kepada Kerajaan MADANI pada hari ini.

#### ■1410

Hal ini seterusnya akan menyebabkan kacau-bilau di kalangan masyarakat di sosial media, di lapangan dan sebagainya akibat ketirisan. Akhirnya menyebabkan tidak ada rasa hormat dan kepercayaan mereka terhadap sistem pentadbiran negara.

Datuk Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan sokongan terhadap pandangan Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol dan juga Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh tentang perjawatan awam dalam GLC dan badan-badan kerajaan. Ini kerana kalau kata kita mengetepikan orang-orang politik dalam perjawatan awam ini, apakah bezanya mereka ini? Kalau kata mereka dipilih atas dasar merit dan kemampuan, tidak salah.

Kalau kata mereka dipilih kerana tidak ada masalah lampau, isu-isu ketirisan, tidak salah, tetapi salahnya apabila memilih yang mempunyai masalah. Itu yang perlu kita ambil peduli dan saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini.

Datuk Yang di-Pertua, saya selaku ahli Dewan Negara dan Senator juga berada di sini atas kapasiti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tatakelola Integriti dan Antirasuah Majlis Dewan Negara ini sentiasa menyokong pindaan Akta 62 demi ketelusan pentadbiran dana awam dalam negara itu, tetapi dalam isu menyokong ini, saya ingin ada sedikit penambahbaikan iaitu daripada segi SOP, daripada segi cara siasatan perlu ada waran untuk siasatan dan sebagainya.

SOP itu perlu dipertingkatkan sedikit. Kalau kata kita memberikan satu *blanket support* kepada Ketua Audit Negara, siapa pula yang akan menilai Ketua Audit Negara? Jadi, kita perlukan *some* penambahbaikan dan SOP yang baik untuk perkara yang dilakukan.

Justeru itu, saya berdiri di sini sekali lagi ingin menyatakan sokongan terhadap akta ini kerana negara kita perlu terus ke hadapan, negara kita perlu membetulkan naratif rakyat, negara kita perlu menunjukkan komitmen kita untuk berubah ke arah negara yang jauh lebih

hebat, jauh lebih integriti, jauh lebih bersih daripada sebelum ini. Dengan itu sekian sahaja perbahasan saya, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong akta ini. *Assalamualaikum*, sekali lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, pandangan bernas daripada Pengerusi Jawatankuasa Integriti kita. Sekarang saya jemput YB Datuk Razali bin Idris.

## 2.12 ptg

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. *Bismillahir Rahmanir Rahim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahar RUU Audit (Pindaan) 2024.

Saya dengan teliti mendengar hujahan daripada Yang Berhormat Menteri dalam pembentangan RUU tadi. Saya berpandangan pindaan RUU ini sangat penting dan wajar di mana kita melihat bahawa RUU ini ialah antaranya bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 62 untuk meluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 Akta 777 yang menerima jaminan kewangan yang diberikan oleh persekutuan ataupun negeri.

Saya berasakan pindaan yang dicadangkan adalah sangat wajar mengikut pendekatan audit mengikut wang awam yang membolehkan Ketua Audit Negara mengesan jejak wang awam yang selama ini kita selalu mendengar soal ketirisan, penyelewengan, kebocoran, salah tadbir urus serta berlakunya ketidakintegriti orang yang dipertanggungjawabkan dan diamanahkan.

Datuk Yang di-Pertua, dalam Laporan Audit Negara 2/2024 baru-baru ini, dilaporkan sebanyak sembilan pengauditan melibatkan 11 kementerian dengan kos keseluruhan diaudit berjumlah RM41.97 bilion. Antara kelemahan ketara yang dikenal pasti adalah kurangnya pemantauan, ketiadaan penyelarasan antara agensi serta kelemahan dan polisi dan serta prosedur kerja.

Adakah kerajaan menerusi SPA dan JPA mengambil pegawai kerajaan yang kurang kompeten atau tidak berpengetahuan? Itu soalan saya. Saya hendak juga hendak bertanya adakah pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di bahagian perakaunan, kewangan, tender, perolehan dan polisi tidak dihantar berkursus dari masa-ke-sembasa.

Datuk Yang di-Pertua, soal ketirisan, kebocoran, salah guna kuasa dan pembaziran adalah perkara-perkara yang sangat serius dan perlu diambil kira oleh pihak yang beramanah. Contoh terbaharu adalah Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia HRD Corp yang didakwa melakukan salah urus ratusan juta Ringgit yang melibatkan geran latihan, pelaburan

dan pembelian hartanah seperti seramai 3,726 peserta mengikuti latihan melebihi sekali di bawah skim yang sama melibatkan pembayaran berjumlah RM51.69 juta.

Datuk Yang di-Pertua, malah kita juga difahamkan Ketua Eksekutif HRD Corp dikatakan mempunyai nama sebuah syarikat yang berkait rapat dengan HRD Corp serta dikatakan ada seolah-olah berkait rapat dengan parti politik yang kini bersama dengan kerajaan. Jadi saya hendak tahu, apakah benar dakwaan sedemikian? Apakah ada orang VVIP dan orang politik dalam kalangan rakan politik Kerajaan Madani yang terlibat? Adakah isu HRD Corp ini akan menjadi seperti 1MDB 2.0 dengan izin, yang dilihat akan menjadi skandal terbesar dunia kepada negara kita? Rakyat mahu tahu Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Yang di-Pertua, akhir sekali, seperti mana di bawah Fasal 3 dan Fasal 4 yang turut menyentuh soal pendekatan *follow the public money audit*, dengan izin, malahan disentuh soal tertakluk kepada Kementerian Kewangan atas dasar kepentingan awam. Saya ingin bertanya Datuk Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan pembayaran royalti petroleum yang patut dibayar kepada Kerajaan Terengganu yang mana berdasarkan dokumen-dokumen rasmi Kerajaan Persekutuan dikatakan masih berhutang dengan Kerajaan Terengganu?

Jadi saya hendak bertanya. Bolehkah Ketua Audit Negara memeriksa, menyiasat, dan mengaudit akaun Kementerian Kewangan dan Petronas mengapa ada berlaku penangguhan pembayaran, kelewatan pembayaran, ketidaktentuan pembayaran secara berperingkat-peringkat dan apakah benar ada ketirisan yang cuba disorok atau wang negara sudah tiada di bawah Kerajaan Madani sekarang? Kita hendak tahu.

Saya hendak cadang Datuk Yang di-Pertua supaya Jabatan Audit Negara menyegerakan pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan audit termasuk penggunaan teknologi, kecerdasan buatan dan teknik pengauditan secara *remote* untuk meningkatkan keberkesanan audit supaya tiada lagi helah Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan untuk menanggung-nangguhkan pembayaran royalti petroleum kepada negeri-negeri yang mempunyai hak ke atas perkara itu.

Dengan itu Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan rang undang-undang ini atas sifat perkara yang benar dan wajar. *Wallahua'lam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Amir bin Md Ghazali.

## 2.19 ptg

**Tuan Amir bin Md Ghazali:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Yang dikasihi lagi dihormati Datuk Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara, saudara saudari yang saya hormati.



Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan masa kepada saya untuk berbahas di Dewan yang mulia ini mengenai Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang ringkas terkait dengan rang undang-undang ini.

■1420

Pindaan ini amat baik dan perlu disokong oleh semua pihak. Akta Audit 1957 [Akta 62] yang sedia ada ini tidak dipinda selama ini, selama 33 tahun dan diguna pakai tanpa pindaan sehinggalah sekarang. Apakah kerajaan sebelum ini tidak memikirkan tentang pindaan audit ini disebabkan banyak ketirisan dan juga penyalahgunaan kewangan negara sebelum-sebelum ini yang- adakah tidak nampakkah kerajaan pada ketika itu?

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana prihatin serta menyuntik sekarang ini elemen dan semangat baru dan memperkasakan Jabatan Audit Negara selaras dengan perkembangan semasa yang menyentuh aspek tatakelola dan juga pengurusan wang awam. Pindaan Akta Audit 1957 ini juga akan memberi impak yang positif melalui skop pengauditan terhadap pengurusan wang awam pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya beberapa soalan bagi mendapatkan pencerahan tentang fasal 1 seksyen 5 Akta 62 bagi meluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyasiat dan mengaudit mana-mana syarikat dan badan-badan yang lain. Sudah tentu selepas pindaan ini, tugas di Jabatan Audit Negara di bawah Ketua Audit Negara banyak perlu pemerhatian peluasan bidang kerja seperti proses dokumentasi dan juga operasi di lapangan.

Soalnya, apakah kemampuan jentera audit mencukupi untuk mencapai penghasilan KPI, sejajar dengan maksud pindaan ini oleh Jabatan Audit Negara? Apakah ada keperluan untuk menambahkan kekuatan pasukan, staf di kalangan Jabatan Audit di peringkat Persekutuan dan juga negeri?

Soalan yang kedua ialah selepas pindaan Akta Audit ini, adakah audit berskala akan diteruskan kepada GLC yang menggunakan dana awam yang didapati meragukan? Apakah prosedur yang sama dilakukan atau akan ada kaedah yang lebih praktikal bagi mengawal ketirisan dan juga memantau tatakelola di badan-badan GLC ini yang kebanyakannya banyak salah laku yang kita dengar? Apatah lagi, banyak GLC ini terlibat dalam kes-kes di mahkamah.

Soalan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan fasal 4 iaitu meminda subseksyen 9(4) Akta 62 yang memberi kuasa Ketua Audit Negara bagi menangani apa-apa ketidakteraturan yang serius berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan di bawah pengauditan. Apakah kaedah dan kriteria dan skop cadangan yang dibenarkan sekiranya syor ini mahupun cadangan akan diberikan atau diterima cadangan tersebut? Adakah ada garis panduan yang perlu dipatuhi?

Soalan yang terakhir daripada saya, fasal 3 seksyen baharu 9A ke dalam Akta 62 memberi Ketua Audit Negara kuasa menjalankan audit susulan atau mengkaji semula tindakan yang diambil bagi mana-mana pihak dan badan-badan yang berautoriti. Apakah yang dimaksudkan dengan pindaan ini? Apakah siasatan susulan itu terhadap kes audit yang lama yang perlu diaudit kembali? Adakah siasatan susulan itu bermaksud kes-kes yang lama, audit boleh masuk dan menyiasat dan juga boleh memeriksa semula kes-kes yang lama, yang 10 tahun, 20 tahun yang lalu?

Dengan pindaan ini, akta ini, saya amat mengharapkan ia dapat memperkukuhkan tatakelola serta membolehkan pengawasan dana awam dijalankan dengan lebih efektif bagi mengelakkan ketirisan wang awam yang merugikan kerajaan dan negara khususnya. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamad Fatmi.

## 2.24 ptg.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Bercakap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama saya ucap terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024 ini.

*Power tends to be abuse; absolute power tends to be abuse absolutely*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti dengan tekun ucapan dan perbahasan rakan-rakan Yang Berhormat tadi. Rata-rata menyatakan bahawasanya pindaan ini amat diperlukan kerana ianya sudah lama Akta Audit ini belum dipinda, tetapi kesemuanya melahirkan rasa kebimbangan di atas salah guna kuasa kerana akta ini telah memberi, memperluas dan memperbesarkan kuasa *Auditor* Negara. Itu kebimbangan kita semua. Saya sendiri pun sama juga. Oleh sebab itulah kita berbahas dengan- kalau Dato' Arman kata menarik minat ramai orang, sampai di *lounge*, di kafe pun bahas yang ini, itulah tajuknya, yang itulah sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, audit ataupun pengauditan ini adalah bukan siasatan. Itu yang dinyatakan. Ramai rakan dan kawan yang memperlekehkan audit ini. Dia menyatakan, "*Apa takutnya audit?*" Ianya bukan satu siasatan. Audit ini untuk tengok jika ada apa-apa yang salah, yang tidak betul. Bukan salah, yang tidak betul untuk diperbetulkan dalam akaun, dalam penggunaan dana kerajaan ataupun dana awam. Itu sahaja. *Is nothing criminal about it*. Okey, so itu sahaja- baik, tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila dapat *query* daripada Audit ataupun dapat siasatan dipanggil, disaman oleh Audit, *public perception, it is an investigation*. Ianya satu siasatan, *public perception*. Persepsi *public* awam, itu adalah satu siasatan.

Saya bagi contoh, bukan audit sahaja, mana-mana jabatan kerajaan ataupun agensi kerajaan dan ia memberi kesan dan implikasi yang negatif kepada pihak yang kena saman ataupun yang kena *query* itu.

Saya bagi contoh satu syarikat milik kawan saya. Dia dipanggil untuk *inquiry* yang jarang kita dengar perkara ini, untuk *inquiry* oleh SSM- Suruhanjaya Syarikat Malaysia. *Inquiry* nya ialah untuk melihat *conformity* dalam M&A syarikat *which is a small matter* yang tidak pernah dengar, tetapi perkara ini keluar di luar, persepsinya, syarikat ini disiasat oleh SSM, disiasat kerana ada salah laku.

*What happened?* Apa berlaku? Apa berlakunya? Dia disoalkan oleh *creditors*-nya, dia disoal oleh *customer* dia, dia dipersoalkan oleh bank dia. Benda yang tidak ada apa itu. Sebab itu, kebimbangan kita semua, takut salah guna kuasa. Audit ini, *it is important*, sangat penting untuk melihat perjalanan yang betul dalam penggunaan dana awam, tetapi kalau salah guna, ianya memberi kesan kepada pihak yang diaudit itu. Oleh sebab itulah sangat penting kita bahas hari ini.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Boleh. Tuan Yang di-Pertua bagi, saya bagi.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dia senyum, maknanya Tuan Yang di-Pertua bagilah itu. Kita anggap.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Dia sayang *you*.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya ingin tanya, ya betul, kadangkala persepsi itu memainkan peranan, tetapi apa pandangan Yang Berhormat, Juruaudit dari pejabat Audit Negara ini, bila mereka buat siasatan atau sebagainya, itu adalah di bawah tajuk P&C.

#### ■1430

Jadi, takkan mereka yang hendak uar-uarkan. Betul ya? Itu adalah P&C. Bagaimana-apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa P&C itu?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** ...*Private*

**Tuan Amir bin Md Ghazali:** ...*Private and confidential*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Minta maaf. *Private and confidential*. Sulit.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Baik. Dato' Yang di-Pertua, ya, persepsi. Sekarang ini, banyak perkara ditentukan oleh persepsi. Banyak perkara yang menjejaskan kehidupan kita, kedudukan kita kerana persepsi awam itu. Saya tak nak sebut secara spesifik, tetapi semua tahu. *It's all about* persepsi.

Yes, kebocoran ini sentiasa berlaku. Memang P&C, tetapi Audit Negara ataupun juruaudit itu dia bukan kerja seorang. Okey. Berapa kuat jaminan dia bahawasanya benda ini tak akan bocor, tetapi *how can you control so many people?* Satu orang jadi 11 orang, 11 orang jadi 111 orang. Berita dan maklumat yang keluar. Sebab itulah kebimbangan Senator bincang hal ini kerana perkara-perkara seperti itu.

Datuk Yang di-Pertua, satu perkara lagi dalam pindaan ini menyatakan Jabatan Audit Negara ini boleh ataupun diberi kuasa untuk mengaudit NGO ataupun syarikat-syarikat persendirian yang menerima dana awam. Dana kerajaanlah dana awam ini. Baik. *What trigger is-* apa yang *trigger* untuk hendak audit NGO?

Kalau jabatan kerajaan, agensi kerajaan, kita tahu dan kita faham selama ini ianya diaudit setiap tahun secara automatik. Secara automatik, semua jabatan kerajaan, semua agensi kerajaan- Datuk Yang di-Pertua minta tambah masa. Saya ingat saya nak cakap sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh. Boleh, silakan.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Yang Berhormat Zurainah kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** *[Ketawa]* Okey, baik. Kita tahu bahawasanya semua jabatan kerajaan, agensi kerajaan, ianya diaudit setiap tahun secara automatik, tetapi *this is a new avenue to* audit, untuk audit NGO. Apa *trigger?* *Reboard* ataupun pilih-pilih? Atau apabila kita tak suka NGO itu, kita audit. Ini kebimbangan kita-apa? Tidak ada garis panduan yang lengkap di situ.

Keduanya, banyak, cukup banyak NGO menerima duit daripada kerajaan ini. Kita tahu berbagai-bagai amaun, jumlahnya ada besar ada kecil, tetapi tak kurang 50 peratus yang menerima duit kerana *NGO survived* atas sumbangan orang ramai dan juga sumbangan daripada dana kerajaan. Sudah tentu, lagu mana hendak tentukan, nak *identify* yang mana hendak diaudit ataupun diaudit kesemuanya sekali?

Soalan yang lebih penting lagi, audit bila- bila dia terima? Kalau 10 tahun lalu dia sudah terima dana itu, adakah kuasa *Auditor General* ini boleh audit 10,15 tahun yang lalu? Adakah *tenure* dia? *What is the* garis panduan di sini kerana ini akan berlaku penganiayaan ataupun *victimization* daripada pihak-pihak tertentu.

Datuk Yang di-Pertua, saya masa sudah habis, tetapi saya ada satu dua perkara lagi. Selalunya audit yang kita dengar, audit jabatan kerajaan ataupun agensi, dia ada dapatannya. Ada menyatakan ini tidak kena, itu tak kena. ini cukup. Ada yang dapat *clean bill of audit*. Itu okey. Soalannya, apabila ada *query*, ada yang tak kena. Kemudian, tindakan susulan, mungkin jabatan tersebut mesti perbetulkan apa yang tidak kena itu. Apa yang *non-conformity* itu? Soalannya, adakah Jabatan Audit Negara, dia umum dalam laporan dia yang dibentangkan Dewan Rakyat mengatakan jabatan *so and so*, tidak *conform*?

Okey. Setelah menyelesaikan *conformity* itu, adakah pengumuman bahawasanya jabatan ini sudah *conform*, sudah menyelesaikan masalah yang tak *conform* itu? Kerana, apabila menyatakan jabatan ini tidak lengkap dengan auditnya, ia sedikit sebanyak telah menjejaskan kedudukan pengarah ataupun ketua jabatan tersebut kerana ianya tidak *conform* dengan audit. Jadi, kalau dia sudah lakukan pembetulan, saya rasa tanggungjawab *Auditor General* juga kena memaklumkan bahawasanya jabatan *so and so and so*, ini senarainya selesai. Ada yang tidak selesai, ada yang selesai sebab ini untuk memberi keadilan. *Otherwise, it will be one sided.*

Jadi Datuk Yang di-Pertua, saya rasa hendak pergi lagi pun banyak sangat sudah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Lain kali.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Lain kalilah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lain kali?

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Syukur, *alhamdulillah.* Saya pun dah nak dekat tiga jam ini di Kerusi... *[Ketawa]*

Sekarang ini saya jemput pembahas terakhir kita, YB Tuan Manolan... *[Ketawa]*

### 2.35 ptg.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan iaitu rang pindaan Akta Audit (Pindaan) 2024 ini iaitu Akta 62.

Akta ini telah di- pindaan ini telah diluluskan di Dewan Rakyat seperti yang kita sedia maklum pada 3 Julai baru-baru ini. Kita pun semua telah menerima Laporan Audit Negara ini. Ada di meja kita masing-masing dan sempat juga saya tengok apa yang dilaporkan dalam Laporan Audit tersebut.

Ini bagi saya satu langkah yang sangat baik yang telah dilakukan oleh Kerajaan Perpaduan iaitu Malaysia MADANI di mana ini adalah usaha yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana Laporan Audit ini kalau kita tengok sebelum ini dia menjadi satu rahsia kerajaan, tidak dibentangkan di Parlimen dan awam pun tidak mengetahui apa yang- duit cukai yang telah mereka bayar kepada kerajaan ini mereka pun tidak tahu bagaimana digunakan dan macam mana diurus duit itu dengan baik, tetapi sekarang ini kita semua sedia maklum baik Dewan Negara, di dalam Dewan yang mulia ini kita boleh berbahas, membincangkan Laporan Audit Negara.

Jadi, kita harap Laporan Audit Negara ini kita boleh bahas dan boleh dibentangkan di Parlimen ini setiap tahun. Seperti yang disebut oleh- yang dibentangkan oleh Timbalan

Menteri tadi, saya sempat mendengar. Sejak 33 tahun dulu, *last* dipinda pada tahun 1991. 33 tahun tidak dipinda.

Akhirnya, pada tahun ini kita akan mendapat satu pindaan yang sangat baik bagi saya di mana kalau kita tengok pindaan seksyen 5 ini, dia ada seksyen 5D lepas itu ada empat lagi pindaan di mana setiap pindaan ini kalau kita tengok dia merangkumi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 iaitu Akta 777 ini pun boleh diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Dia ada empat di sini dan ada syarikat yang mempunyai pegangan 50 peratus lebih daripada dipegang oleh kerajaan pun boleh diaudit oleh Ketua Audit Negara. Juga, yang dijamin oleh kerajaan juga pun boleh diaudit oleh Ketua Audit Negara. Juga, yang difikirkan perlu oleh Menteri Kewangan pun boleh diaudit juga. Bagi saya ini sangat baik.

Kalau kita tengok, sebelum ini banyak syarikat-syarikat yang dapat projek daripada kerajaan ini, mereka tidak boleh diaudit kerana kita tidak ada pindaan ini. Kalau kita tengok, saya ini ada satu contoh hendak beri ini. Dulu ada satu syarikat, Rossington Consolidated Sdn. Bhd. Dia ini buat *tubewell* di perkampungan Orang Asli. Di negeri Pahang, RM28 juta dipenuhkan kepada syarikat ini dan syarikat ini pun dah tutup. Saya baharu *check* tadi. Dah tutup dan tidak ada apa-apa tindakan dan audit pun tak boleh *check*. Akhirnya, yang jadi mangsa, rakyat.

Maka itu, ramai rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan yang bimbang tentang ketelusan, profesionalisme Jabatan Audit Negara ini. Bagi saya, itu perkara nombor dua. Yang paling penting, dana awam itu kita kena selamatkan. Saya bersetuju sangat dengan Tan Sri Senator Fatmi tadi. Audit ini bukan mencari kesalahan. Dia mengaudit untuk kita nak mengenal pasti bagaimana wang yang diuruskan itu digunakan dengan baik. Betul-betul wang itu digunakan untuk rakyat, projek apa yang digunakan. Kalau sebelum ini kita tengok syarikat, syarikat ditubuhkan, berdaftar RM2.00 ataupun syarikat yang bukan mahir dalam satu projek tersebut, tetapi di-*award* oleh kerajaan.

#### ■1440

Akhirnya syarikat itu tutup dan Jabatan Audit Negara tak boleh buat pemeriksaan dan tidak ada pendakwaan. Ini bagi saya, itu yang paling penting kita kena selamatkan dana awam. Seterusnya saya ingin bertanya, ramai tadi juga dan saya juga keliru, Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan apa itu dana awam.

Adakah dana awam ini dana yang diberikan oleh kerajaan kepada sesebuah GLC atau GLIC kah atau syarikat tersebut ataupun dana awam yang dikutip oleh syarikat tersebut. So, ini kita kena faham. Maksudnya duit derma yang mereka terima, yang di derma oleh orang awam, adakah itu dana awam juga jadi, saya nak kepastian yang di sini.

Seterusnya kita tengok dalam seksyen baharu 7A(3). Jabatan Audit Negara boleh ada kuasa untuk memberi garis panduan tentang bagaimana untuk mereka nak buat audit. *Auditor*

ini dia tahu bagaimana nak audit sesebuah syarikat tersebut. Bagi saya, ini sesuatu yang sangat baik untuk negara di mana apabila agensi-agensi kerajaan, GLC, GLIC ini ataupun syarikat-syarikat ini diaudit dengan baik, dengan laporan yang baik, nescaya negara kita akan lebih diyakini dan kita boleh menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur bukan sahaja di luar, tetapi pelabur dalam negara kita sendiri.

Akhir sekali saya sentuh berkenaan dengan *follow-up audit* iaitu seksyen baharu 9A. Saya ingin kepastian, di sini laporan audit ini diserahkan kepada- dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, kepada Raja-Raja ataupun Yang di-Pertua Negeri, kerajaan negeri dan juga ataupun Menteri, tetapi bolehkah di sini supaya dia dimasukkan dalam akta ini, laporan audit ini dibentangkan di Parlimen sebab ini dia tak sebut. Jadi kita bimbang, satu hari nanti kerajaan bertukar, Menteri Kewangan lain, dia tak bawa ke Parlimen sebab tak dimasukkan dalam akta ini.

Jadi saya mohon Menteri supaya pertimbangkan masukkan terus dalam mungkin tambahan dalam seksyen 9A(2) ini, "...dan dibentangkan di Parlimen..." Kita tak nak saja pegang macam ini, ini kita sahaja yang boleh baca, tetapi rakyat di luar tak tahu, tak dengar, tak dibahaskan di Parlimen.

Jadi, itulah harapan saya dan saya ingat itu sahajalah, masa pun dah habis. Apa pun, saya sangat menyokong Datuk Yang di-Pertua, pindaan akta ini sebab kita mahu seperti semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga setuju kita mahu dana yang diberikan oleh kerajaan ini memang sampai kepada rakyat. Kita tak mahu dana yang diberikan ini tidak digunakan dengan baik dan akhirnya yang menjadi mangsa. Ini banyak berlaku di kawasan-kawasan luar bandar, Datuk Yang di-Pertua. Dengan itu, saya menyokong pindaan Akta Audit 2024 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Maka selesailah tiga jam perbahasan. Ramai orang telah diberikan peluang untuk nak berbahas dengan masa yang lumayan, 7 minit. Saya berharap dengan perbahasan tadi, pelbagai pendapat telah diberikan, *for and against*, tapi kita akan dapat selepas ini mendengar jawapan daripada Menteri dan membuat keputusan yang sebaiknya untuk negara dalam Dewan ini.

Jadi sekarang ini, saya dengan ini menjemput- saya pun YB Menteri, saya dahulu bekas Pengerusi PAC. Saya sendiri memang ambil kira perbincangan pada hari ini. Baik YB Menteri, sila menjawab.

**2.44 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kepada 21 orang pembahas hari ini. Bagi pihak Kerajaan Madani dan Jabatan Audit Negara, saya mengambil peluang ini terlebih dahulu untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada

semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024.

Saya serta Jabatan Audit Negara telah mendengar seluruh pandangan, cadangan dan juga kritikan-kritikan konstruktif yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Saya amat bersyukur ke atas keprihatinan dan penyertaan semua dalam perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menunjukkan betapa pemimpin-pemimpin negara ini mengambil berat tentang isu penggunaan dana awam dan menegaskan semula peranan Dewan Negara sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap kuasa eksekutif. Terdapat beberapa persoalan utama yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan yang akan saya jawab mengikut isu seperti berikut.

Datuk Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai rumusan, saya ingin memberi jawapan khususnya kepada dua orang Senator, tetapi ia terikat kepada semua. Lepas itu perkara itu dibangkitkan oleh semua Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail dan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan kerisauan mengenai perkataan, "*any other public body...*" boleh diaudit selepas ini di bawah seksyen 5 Akta Audit 1957 selaras dengan prinsip *follow the public money audit* di mana mereka risau bahawa kuasa yang diberikan kepada Ketua Audit Negara dalam hal ini terlalu luas. Ini bukan situasinya, tidak benar sama sekali.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan peranan Jabatan Audit Negara sebagai institusi pengauditan yang penting dalam sistem tadbir urus negara. Ini termasuklah mandat pengauditan yang menyeluruh, tanggungjawab melaporkan kepada Parlimen, kebebasan dan objektif serta kuasa menyiasat dan memeriksa. Selaras dengan perkembangan semua yang melibatkan aspek tatakelola dan pengurusan wang awam supaya sentiasa teratur dan berakauntabiliti, maka pindaan Akta Audit 1957 amat bertepatan setelah 33 tahun tidak dipinda. Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024 ini penting bagi memperkasakan institusi Ketua Audit Negara untuk memelihara integriti pengurusan kewangan, meningkatkan kecekapan dan memperkukuh kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

Bagi tujuan pindaan Akta 62 ini, sejumlah lima prinsip pindaan telah dicadangkan. Satu daripadanya ialah mewujudkan satu peruntukan baharu mengenai kuasa Ketua Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan melalui pendekatan *follow the public money audit* tertakluk kepada Menteri Kewangan atas dasar kepentingan awam. Pendekatan baharu ini adalah untuk mengesan dan memberi aliran wang awam yang diberikan kepada mana-mana badan yang terlibat untuk dibelanjakan sewajarnya tanpa wujudnya unsur pembaziran, keborosan dan ketirisan. Ini juga bagi memastikan wang awam yang diperuntukkan digunakan mengikut tatacara kewangan serta undang-undang yang berkuat kuasa serta mengenal pasti 'ketakteru..', 'ketakru...', ketak-aturan yang serius. Belum makan Datuk...



**Timbalan Yang di-Pertua:** Belum makan ya... [*Dewan Ketawa*]

Minta maaf tadi- saya terpaksa sambung perbincangan.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Tak apa. *It's a pleasure*. Kalau buat dari *lunch break, I'm the most happiest person...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*]

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Boleh balik awal lah Datuk.

Bagi tujuan tersebut, pindaan seksyen 5 Akta 62 akan meliputi pelepasan tugas Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, *any other body* termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima wang awam. *They must be remembered* Datuk Yang di-Pertua, bila menerima wang awam sahaja. Jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam mengehendaki akaun itu diperiksa, disiasat dan diaudit dengan segera oleh Ketua Audit Negara.

#### ■1450

Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa dan tugas Ketua Audit Negara untuk mengaudit akaun-akaun bagi Persekutuan, bagi negeri-negeri, akaun-akaun bagi pihak-pihak berkuasa awam lain dan akaun-akaun bagi badan-badan yang dinyatakan melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Oleh yang demikian, cadangan pindaan ini di bawah sub perenggan 5(1)(d)(5) yang merujuk kepada *any other body*, bukanlah satu peluasan kuasa yang sewenang-wenangnya. Ia nya sememangnya telah sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 yang sedia ada. Ini termasuk kesemua syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016, kecuali syarikat berkaitan kerajaan yang tersenarai di bursa.

Selain itu, seksyen 5(1)(d) Akta 62 yang sedia ada pada masa ini telah pun memperuntukkan bahawa Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016, tetapi pada masa ini, peruntukan ini hanya terpakai kepada badan-badan lain yang menerima pemberian dan pinjaman dari Persekutuan atau negeri dan termasuk juga sesuatu syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Persekutuan, sesuatu negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam atau dipegang sedemikian pada agregatnya oleh dua daripada mereka atau lebih dengan syarat bahawa Yang di-Pertuan Agong menentukan sedemikian melalui perintah di bawah Perkara 106(2) Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, penggunaan perkataan *any other body* ini bukanlah sesuatu yang baharu. Hanya keadaan *instances* di mana pengauditan boleh dilakukan di bawah seksyen ini diperluaskan melalui pindaan ini. Bagi maksud melaksanakan pengauditan *follow the public money* ini kelak, Jabatan Audit Negara sedang membangunkan garis panduan yang perlu dan suai manfaat bagi menjalankan peruntukan Akta 62.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Parlimen juga telah membangkit, apakah makna *public moneys*? Definisi *public moneys*. Seksyen 2, *Financial Procedure Act 1957*, dengan izin. *Public moneys means, all revenue, loan, trust and other moneys and all bonds, debentures and other securities whatsoever raised or received by or an account of the Federation or by or an account of a state, but does not include zakat fitrah, baitulmal or similar Muslim revenues. We must be clear on this.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan sejauh mana pendekatan Audit mengikut wang awam dapat memastikan pengauditan wang awam dapat dijalankan dengan lebih berkesan di dalam dan di luar negara? *Follow the public money audit* ialah satu pendekatan pengauditan untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit aliran wang awam kepada mana-mana pihak yang terlibat bagi memastikan wang awam digunakan mengikut Tatacara Kewangan serta undang-undang yang berkuat kuasa. Pihak yang boleh diaudit dinyatakan dalam Akta 62 adalah termasuk, tetapi:

- (i) tidak terhad kepada pertubuhan yang mendaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ROS;
- (ii) koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- (iii) badan bukan kerajaan (NGO) sama ada yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau ROS;
- (iv) kelab sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan;
- (v) pertubuhan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia; dan
- (vi) pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang.

Peranan dan kuasa Ketua Audit Negara dinyatakan di bawah seksyen 5 dan 7, Akta Audit 1957. Namun begitu, peranan *ombudsman* adalah berbeza dengan peranan *audit ombudsman*, memfokuskan kepada menangani aduan individu terhadap keputusan atau tindakan pentadbiran yang tidak adil atau tidak telus.

Ada beberapa perkara juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Jawapannya adalah selepas ini. Sebagaimana jenis pengauditan yang lain, Jabatan Audit Negara tidak menetapkan amaun minimum pinjaman geran atau jaminan kewangan yang diterima oleh mana-mana badan lain, termasuk syarikat untuk tujuan pengauditan. Namun begitu, antara kriteria yang dipertimbangkan semasa pemilihan mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang akan diaudit ialah jumlah amaun pinjaman geran atau jaminan kewangan yang signifikan dan material.

Fasal 1, Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan akaun-akaun bagi Persekutuan dan negeri-negeri hendaklah diaudit dan dibuat laporan mengenainya oleh Ketua Audit Negara.

Selanjutnya, Fasal 2, Perkara 106, *Federal Constitution* memperuntukkan Ketua Audit Negara hendaklah mengaudit akaun-akaun bagi badan-badan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Fasal (1) Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan Ketua Audit Negara dikehendaki mengemukakan laporan-laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan-laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, mandat pengauditan Ketua Audit Negara ialah untuk mengaudit akaun-akaun bagi Persekutuan, negeri-negeri dan badan-badan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan laporan-laporannya mengenai hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) memainkan peranan penting dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan kerajaan. Walau bagaimanapun, PAC tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan kerana ia nya berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan, walaupun Akta Audit dipinda. Ketua Audit Negara bertindak secara bebas dan dilantik di bawah *Federal Constitution* dan beliau mempunyai kebebasan untuk menentukan skop dan kandungan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara.

Walaupun apa pun, PAC boleh membuat permintaan atau cadangan kepada Ketua Audit Negara untuk menyiasat atau mengaudit sesuatu perkara khusus, tetapi keputusan akhir terletak kepada Ketua Audit Negara. Sama ada, ada mandat pengauditan ada diperuntukkan melaksanakan pengauditan tersebut atau tidak. Namun, dengan pindaan terkini berhubung dengan *follow the public money audit*, sekiranya terdapat kepentingan awam sesuatu badan atau syarikat itu perlu diaudit, maka ia nya boleh dilaksanakan melalui permintaan *Minister of Finance* tanpa meletakkan PAC secara spesifik dalam undang-undang. Susulan akan dijalankan sehingga pihak yang diaudit mengambil tindakan sewajarnya ke atas penyelesaian isu atau tindakan penambahbaikan terhadap isu yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara akan menjalankan pengauditan yang lebih terperinci, tetapi bukan ke arah forensik.

#### ■1500

Bilangan jawatan Jabatan Audit Negara adalah seramai 2,031 orang. Jawatan termasuk Jabatan Audit Negara negeri dan ibu pejabat. Daripada jumlah tersebut, jawatan juruaudit dan penolong juruaudit merangkumi sebanyak 1,512 orang. Walaupun pindaan Akta Audit 1957 akan melibatkan perluasan fungsi dan meningkatkan tugas pengauditan, Jabatan Audit Negara akan mengoptimalkan sumber manusia Jabatan Audit Negara sedia ada bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan berkesan.

Di samping itu, dengan jumlah tenaga kerja sedia ada, Jabatan Audit Negara melaksanakan beberapa usaha bagi memantapkan perkhidmatan pengauditan awam seperti berikut. Pemeriksaan pengauditan sektor awam berteraskan digital melalui pelaksanaan projek Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan Audit Negara, pelaksanaan pengauditan oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara di bawah seksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] dan pelaksanaan kaedah *self-assessment* audit kepada syarikat bersaiz kecil dan berisiko rendah.

Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mempunyai perjawatan daripada skim perkhidmatan lain. Kader seperti Arkitek, Jurutera dan Pegawai Teknologi Maklumat. Sebanyak 519 jawatan yang menjalankan tugas memberi khidmat sokongan mengikut kepakaran masing-masing kepada aktiviti-aktiviti pengauditan. Perkhidmatan kepakaran daripada skim perkhidmatan lain ini menjadikan pengauditan yang dilaksanakan adalah komprehensif.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas menanya kenapa *Public Account Committee* tidak dimasukkan dalam pindaan untuk meminta Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan. Sebenarnya saya telah jawab sebelum itu, tetapi saya akan tambah lagi. Ketua Audit Negara mempunyai kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit. Kuasa dan tugas untuk mengaudit akaun sememangnya telah diperuntukkan di bawah Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan, seterusnya hendaklah melaporkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan untuk dibentangkan di Parlimen.

Peranan *Public Account Committee* pula akan meneliti laporan daripada Ketua Audit Negara dan menjalankan prosiding diperuntukkan di bawah *Standing Order*. Oleh itu, kuasa Ketua Audit Negara mempunyai hubungan yang saling melengkapi. Namun, tidak boleh disatukan kuasa antara kedua-dua pihak bagi menjamin kebebasan Ketua Audit Negara.

Berdasarkan tugas fungsi Ketua Audit Negara di bawah Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan, dibaca bersama subseksyen 5(1) Akta Audit. Ketua Audit Negara mempunyai kuasa secara amnya untuk mengaudit akaun-akaun bagi Persekutuan dan negeri-negeri serta membuat laporan mengenainya. Peranan Ketua Audit Negara adalah sebagai salah satu semakan- *check*, untuk memastikan perbelanjaan wang awam dilakukan secara wajar dan mengikut undang-undang. Ketua Audit Negara hendaklah bertindak secara bebas- *independent*, saksama- *impartial* tanpa rasa takut dan pilih kasih- *without fear and favour*.

Berhubung dengan kebebasan dalam membuat pelaporan, Ketua Audit Negara diberi kuasa untuk memberi syor, ulasan dan pandangan dalam laporan audit sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 9 Akta Audit. Definisi kepentingan awam ialah yang berkaitan dengan wang awam di mana mengikut seksyen 3 Akta Acara Kewangan 1957 [Akta 61], wang awam adalah semua hasil pinjaman, amanah dan seperti yang saya telah bagi definisi sebelum ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir Haji Idris membangkitkan beberapa perkara bermula dengan bagaimanakah pengauditan terhadap syarikat-syarikat dapat memastikan kes-kes rasuah dikawal dan dihapuskan.

Peranan Ketua Audit Negara adalah sebagai salah satu semakan- *check* untuk memastikan perbelanjaan wang awam dilakukan secara wajar dan mengikut undang-undang. Pindaan akta ini tidak akan menjejaskan kebebasan sedia ada. Ketua Audit Negara malah Jabatan Audit Negara akan terus melaksanakan mandat yang diperuntukkan dalam undang-undang yang berikut kuasa tanpa dipengaruhi mana-mana pihak.

Mesyuarat Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Audit Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, JSLKAN ini turut dianggotai oleh SPRM dan PDRM yang akan mengambil tindakan selanjutnya isu-isu yang mempunyai elemen-elemen penyelewengan dan pecah amanah atau rasuah.

Dalam menjalankan tugas dan kuasanya, Ketua Audit Negara hendaklah bertindak secara bebas- *independant*, saksama- *impartial* dan sebagainya.

Berhubung dengan kebebasan dalam membuat pelaporan, Ketua Audit Negara diberi kuasa untuk memberi syor, ulasan dan pandangan dalam laporan auditnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 9 Akta Audit.

Ketua Audit Negara mempunyai kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit. Kuasa dan tugas untuk mengaudit akaun sememangnya telah diperuntukkan di bawah Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Isaiah a/l D Jacob. Perkara yang telah dibangkitkan antara lain adalah perkara- adakah pengauditan merangkumi NGO?

Kedua, kalau bukan geran kerajaan, adakah termasuk dalam audit ini? Melalui pendekatan *follow the money audit*, pihak yang menerima wang awam juga tertakluk kepada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara termasuk NGO.

Nombor dua, *follow the public money audit* ialah satu pendekatan pengauditan untuk memeriksa, menyasiat dan mengaudit aliran wang awam termasuk geran kerajaan. Sekiranya badan berkenaan tidak menerima wang awam, badan ini tidak tertakluk kepada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara melalui pendekatan *follow the public money audit*.

Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail telah membangkitkan beberapa perkara. Jawapannya adalah, berdasarkan seksyen 6 Akta Tatacara 1957, jelas menunjukkan bahawa kuasa kawalan pengurusan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan adalah tanggungjawab Menteri iaitu merujuk kepada Menteri Kewangan. Peruntukan ini juga memperuntukkan bahawa tanggungjawab pengurusan Kumpulan Wang Disatukan setiap negeri adalah kepada pihak berkuasa kewangan negeri.

Secara ringkasnya, subseksyen ini menetapkan hierarki yang jelas untuk pengurusan kewangan awam di Malaysia.

Oleh yang demikian, penyaluran wang awam adalah kuasa penuh perbendaharaan dan segala maklumat penyaluran adalah dalam pengetahuan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pengetahuan

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Sebab belum makan *kot*...

**Timbalan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Saya pun belum makan juga.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** *Minister of Finance*. Maka atas kepentingan awam, ia sewajarnya ditentukan oleh Menteri Kewangan... [*Ketawa*] *Thank you*.

Firma audit swasta hanya mengaudit penyata kewangan bagi memberi pendapat sama dan penyata kewangan tersebut disediakan dengan benar dan saksama.

#### ■1510

Manakala pengauditan oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi aspek tatakelola bagi memastikan sama ada aktiviti dan program yang menggunakan dana awam yang disalurkan kepada syarikat tersebut telah dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof menanya apakah Jabatan Audit Negara benar-benar profesional untuk diberikan kuasa sebesar itu. Jawapan, ya. Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan berdasarkan Kod Etika Juruaudit yang merangkumi enam teras utama iaitu:

- (i) integriti;
- (ii) kebebasan dan objektiviti;
- (iii) kompetensi;
- (iv) tingkah laku profesional;
- (v) kerahsiaan dan ketelusan; dan
- (vi) kerja berpasukan.

Pegawai Jabatan Audit Negara juga berkompeteren dan mempunyai kelayakan profesional seperti ACCA, CPA, CPE, CIPFA, CIMA serta ISACA. Jabatan Audit Negara merujuk kepada perundangan berkaitan dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang dikeluarkan oleh *International Organization of Supreme Audit Institutions* dalam pengauditan. Dalam menjalankan tugas dan kuasanya, Ketua Audit Negara hendaklah bertindak secara bebas- *independent*, saksama- *impartial*, tanpa rasa takut atau pilih kasih- *without fear or favour*.

Daripada segi pengauditan, Ketua Audit Negara diberi kuasa untuk bebas meminta mana-mana orang memberikan apa-apa penjelasan atau maklumat yang diperlukan oleh Ketua Audit Negara untuk membolehkan pelaksanaan tugasnya di bawah seksyen 7 Akta Audit. Pindaan akta ini tidak akan menjejaskan kebebasan sedia ada Ketua Audit Negara,

malah Jabatan Audit Negara akan terus melaksanakan mandat yang diperuntukkan dalam undang-undang yang berkuat kuasa tanpa dipengaruhi mana-mana pihak.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan telah membangkitkan iaitu penglibatan dari *Ministry of Finance* dalam pelaksanaan konsep *follow the public money audit*. Berdasarkan seksyen 6 Akta Tatacara Kewangan 1957, jelas menunjukkan bahawa kuasa kawalan pengurusan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan adalah tanggungjawab Menteri iaitu Menteri Kewangan.

Peruntukan ini juga memperuntukkan bahawa tanggungjawab pengurusan Kumpulan Wang Disatukan setiap negeri adalah kepada pihak berkuasa kewangan negeri. Secara ringkasnya, subseksyen ini menetapkan hierarki yang jelas untuk pengurusan kewangan awam di Malaysia. Oleh yang demikian, penyaluran wang awam adalah kuasa penuh Perbendaharaan dan segala maklumat penyaluran adalah dalam pengetahuan *Ministry of Finance*. Maka, atas kepentingan awam, ia sewajarnya ditentukan oleh *Ministry of Finance*.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa- depan saya ini... *[Dicelah]* Tak perlu jawab ya?... *[Ketawa]* Membangkitkan perkara, antara lain, mengapakah tidak diperuntukkan bajet dan kakitangan tambahan kepada Jabatan Audit Negara; kedua, apakah garis panduan yang akan diguna pakai bagi menentukan asas pemilihan badan-badan atau syarikat yang menerima jaminan kewangan dan had minimum jaminan yang membolehkan pengauditan dilaksanakan.

Jabatan Audit Negara akan mengoptimumkan kakitangan Jabatan Audit Negara sedia ada bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan berkesan. Di samping itu, dengan jumlah tenaga kerja sedia ada, Jabatan Audit Negara melaksanakan beberapa usaha bagi menetapkan perkhidmatan pengauditan awam seperti berikut: yang saya telah beritahu sebelum ini, tapi mungkin saya boleh ringkas- pemeriksaan pengauditan sektor awam berteraskan digital melalui pelaksanaan projek pendigitalan perkhidmatan, pelaksanaan pengauditan oleh firma audit swasta, pelaksanaan kaedah *self-assessment audit* kepada syarikat bersaiz kecil dan berisiko rendah.

Selain itu, Jabatan Audit Negara mempunyai perjawatan daripada skim perkhidmatan lain- kader seperti Arkitek, Jurutera dan Pegawai Teknologi Maklumat sebanyak 519 jawatan yang menjalankan tugas memberi khidmat sokongan mengikut kepakaran masing-masing kepada aktiviti pengauditan.

Walau bagaimanapun, bilangan perjawatan dan jumlah peruntukan yang lebih besar disediakan oleh kerajaan membolehkan Jabatan Audit Negara melaksanakan aktiviti pengauditan yang lebih luas dan berkesan bagi meningkatkan akauntabiliti awam di semua peringkat sama ada kementerian, jabatan, badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain agensi syarikat yang menerima dana awam.

Jabatan Audit Negara sedang menyediakan garis panduan bagi pengauditan terhadap badan atau syarikat yang menerima jaminan kewangan. Pengauditan terhadap mana-mana badan yang lain termasuk syarikat yang menerima jaminan kerajaan adalah tidak tertakluk kepada sebarang had atau tempoh masa wang awam diterima. Namun begitu, antara kriteria yang dipertimbangkan semasa pemilihan mana-mana badan lain termasuk syarikat yang akan diaudit ialah daripada aspek pengurusan risiko signifikan.

Lagi satu perkara yang- dua lagi perkara yang dibangkitkan. Siapa yang merangkumi “*any body*” ini dan siapakah yang terkecuali, jika ada. Terma “*any other body*” yang dinyatakan dalam Akta 62 adalah termasuk pertubuhan yang berdaftar dengan ROS, koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, badan bukan kerajaan (NGO) sama ada yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau ROS, kelab sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan, pertubuhan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia dan pertubuhan yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan Peladang.

Mana-mana badan yang menerima wang awam adalah tertakluk kepada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara tanpa pengecualian. Jabatan Audit Negara akan melaksanakan susulan sehingga pihak yang diaudit mengambil tindakan sewajar ke atas penyelesaian isu atau tindakan menambahbaikkan terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

Berdasarkan susulan audit terhadap 12,045 isu audit dari tahun 2011 hingga 2022, sebanyak 11,416 berjaya diselesaikan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 66 isu telah diambil tindakan siasatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Lanjutan daripada 66 isu audit yang telah disiasat, JPA telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 300 orang pegawai setakat bulan Jun 2024. Antara tindakan tatatertib yang telah diambil seperti amaran, denda, tangguh pergerakan gaji, turun pangkat, turun gaji, surcaj dan buang kerja.

Lagi satu soalan adalah apakah terdapat sidang media berkala melibatkan KP SPRM, KPPA, Peguam Negara untuk memperincikan tindakan disiplin dan pendakwaan yang telah diambil ke atas hasil dapatan Jabatan Audit Negara.

Antara mekanisme...

#### ■1520

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Dato' Yang di-Pertua mohon mencelah bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau YB Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Ya, ya, ya.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Okey. YB Menteri menyebut tadi pelbagai pertubuhan bawah ROS, bawah belia, bawah sukan apa semua, tetapi masih lagi YB tak menyatakan *how to identify* yang mana yang nak diaudit? Kalau nak audit semua adakah kena audit semuanya sekali? Itu soalnya. Kalau tidak *what trigger the audit of certain* NGO ini? Itu soalan saya tadi.



**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Boleh saya nak mencelah Yang Berhormat, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jangan mencelah banyak sangat, YB Menteri tak makan tengah hari lagi.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Itulah kesian, tapi saya dah bagi makan sikit tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawab soalan-soalan saya, *alhamdulillah*, tetapi yang saya nak tahu itu yang merangkumi *anybody* itu dah dijawab- yang terkecuali itu. Yang terkecuali itu belum dijawab lagi kalau boleh terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Yang Berhormat kita perlu faham, nombor satu, hanya bila wang disalurkan oleh kerajaan atau berkaitan dengan itu saja, penyiasatan mereka dapat kuasa untuk menyiasat. *If it's nothing to do with the government there wouldn't be investigation, that will be other parties.* Kalau kita ada ribu-ribu NGO dan jika ada apa-apa *complain* dan sebagainya bukan semestinya Ketua Audit Negara akan menyiasat. *They will go through the framework* dia tengok, adakah penyelewengan dan lepas itu ada berkaitan dengan kerajaan *there must be direct link, is there's no link is nothing*-lah. Itu bukan antara kuasa beliau.

Dan lagi satu perkara, ini semua tertakluk kepada NGO menerima wang seperti yang saya kata. Kalau tidak ada terima apa-apa wang atau bantuan dari kerajaan *no investigation, nothing* tak perlu khuatir. Jadi Yang Berhormat menyediakan satu NGO yang mendapat kewangan dari swasta itu akan disiasat oleh SPRM atau pihak Polis, tapi kita perlu ingat Yang Berhormat Tan Sri, walaupun ada kuasa dengan Ketua Audit Negara setakat apa kuasa itu? Setakat, sekejap saya kasi habis dulu.

Setakat menyiasat saja *they cannot arrest people*. Dia tak boleh heret sesiapa ke mahkamah. Kerana lepas penyiasatan dia hanya membuat syor-syor kepada Perbendaharaan. Perbendaharaanlah yang ada kuasa untuk mengambil tindakan, tetapi jika ada apa-apa *suspicious character* dan sebagainya dia *prima facie* ada syarikat katakan Syarikat 'A' yang mendapat wang dari kerajaan ada *suspicious character* ini dia akan merujuk kepada Menteri Kewangan untuk mendapat kebenaran untuk menyiasat. *There are limited that means* dia ada *caviat. There are certain limitation*. Bukan Ketua Audit Negara dia ada sama kuasa sama rata macam SPRM dan Polis itu beza dia. Ya, Tan Sri.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Mohon soalan tambahan... *[Ketawa]* Dato' Menteri, YB Menteri saya faham bahawasanya hanya NGO yang ada terima duit daripada kerajaan yang akan diaudit.

Soalannya kalaulah dan saya rasa banyak NGO yang menerima duit ini, katalah angkanya sampai 2,000-3,000 NGO yang menerima ini, adakah kita mengaudit kesemuanya sekali ataupun yang ada masalah yang dilaporkan, yang ada laporan yang diaudit? Bagaimana kita nak *identify* yang mana yang perlu diaudit itu, adakah yang kesemua yang menerima ataupun pilih-pilih? Itu soalan saya sebenarnya.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Tan Sri sebenarnya pada masa sekarang pun saya difahamkan Ketua Audit Negara bukan mengaudit semua syarikat di bawah- di mana mereka ada kuasa untuk menyasat atau audit. *They don't have enough staff* dan sebagainya, *we must understand*. Itu kita perlu.

Kedua, Yang Berhormat Tan Sri dia ada *limitation* di mana ada *complain* yang tertentu, ada faktor-faktor yang tertentu dan laporan telah dibuat kepada Ketua Audit Negara *there will be a prima facie looking for evidence*, adakah atau tidak? *As an accountant* Dato' Yang di-Pertua, *you or like what lawyer will say*, dengan izin, *we will say* Tan Sri, *when an agreement come to us* dengan Tan Sri. *I was a practicing lawyer for nearly four decades* bila satu perjanjian datang *it say you can smell it* tak perlu baca *you can smell it something is suspicious...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** *You* tahu so that kind of analysis will be done and Ketua Audit Negara is not ordinary person Dato' Yang di-Pertua, Tan Sri no. *She one of the person appointed by the Raja-Raja Melayu with the consent of the King*. Selection dia bukan macam biasa macam kita pergi bertanding di pilihan raya siapa-siapa pun *can get elected* di negara ini. Lebih daripada 18 umur *you can, but here is different*. Dan *power* dia di antaranya kalau nak singkirkan beliau Dato' Yang di-Pertua, *it not easy also*. *You must follow the procedure like removing High Court Judge*. *Thats mean* satu di antara *job* dia yang khusus unik. *So, selection* beliau *they got certain characters*. *They would have been check all the background* sebelum dilantik.

Jadi kita mahu ada kepercayaan kepada Ketua Audit Negara. *It will see all this time*, saya percaya Ketua Audit Negara yang sekarang Datuk Wan ini adalah satu di antara yang ada kebolehan yang luar biasalah. Kita mahu percaya bahawa ini boleh, kerana Malaysia Boleh... [Tepuk] [Ketawa]

**Seorang Ahli:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** ...Dan lagi ada *limitation* juga.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Dato' Yang di-Pertua, boleh pencilahan? Penjelasan. Boleh?

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Saya jawab sikit. Yang Berhormat sedikit saya jawab ini.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Okey, okey.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Saya ada jawapan. Dia tak boleh menyiasat sewenang-wenangnya kerana sedemikian *there will be uproar in the share market and* itu nombor satu. Kedua, kehilangan kepercayaan awam. Nah, apakah fungsi dia? Dia ada beza fungsi dia dengan SPRM dan Polis. *They can act independently on their own.* Dia boleh menyiasat apa-apa pun. Syarikat yang mendapat wang dari kerajaan atau syarikat-syarikat yang tidak mendapat wang dari kerajaan *and self-assessments audit* yang akan dimulakan *will solve of all this headache.*

Macam kita semualah. Lebih kurang kalau tak salah saya, lebih kurang sepuluh tahun dulu dimulakan di negara ini *self-assessments for tax payers* kita- semua bayar *self-assessments*. Kalau dia ragui apa-apa, *Tax Department* dia boleh menyiasat. Yang itulah lebih kurang *the bar*. Ya Yang Berhormat.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Timbalan Menteri saya mahu penjelasan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata Ketua Audit Negara tidak ada kuasa untuk nak menyiasatkan. Dan sekiranya syarikat tersebut tak bekerjasama katakan mereka nak buat audit tapi syarikat tersebut tak bekerjasama apa yang Ketua Audit Negara boleh buat? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Yang Berhormat kalau katakanlah syarikat itu tidak ber-*corporative* yang dia boleh buat, dia tak boleh pergi *arrest* sama dia orang- *A-R-R-E-S-T. They can't arrests them.* Dia tak boleh heret dia ke mahkamah *there are limitations.* Apakah dia boleh buat?

Dia boleh buat mengikut seksyen 9(4) dia perlu laporkan kepada Perbendaharaan. Perbendaharaan *will then act.* Perbendaharaan akan mengarahkan SPRM or PDRM untuk mengambil tindakan susulan. *She don't have that kind of powers.* Ini bukan baharu ini 9(4) yang dimulakan pada tahun 1957 *this is uniformed around the world.* Kerana kalau kita memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara macam Polis- *I think that will be dangerous*-lah kerana dia akan menakutkan pihak-pihak, orang-orang *just ordinary peoples* dan kepercayaan awam ini akan hilanglah.

#### ■1530

Jadi kesimpulannya, tiada kuasa untuk ambil tindakan sedemikian atau boleh menyiasat tapi boleh menyiasat seberapa yang boleh atau melaporkan perkara itu. Akhir sekali, antara mekanisme yang diwujudkan adalah melalui Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Audit Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Ahli tetap adalah:

- (i) Peguam Negara atau wakilnya;
- (ii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan wakil;
- (iii) Ketua Polis Negara atau wakil;

- (iv) Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau wakilnya;
- (v) Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi atau wakilnya; dan
- (vi) Urus Setia Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.

Jabatan Audit Negara pula akan mengambil tindakan untuk menubuhkan Jawatankuasa Siasatan (JKS) dan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) bagi isu-isu yang mempunyai unsur-unsur salah laku pegawai awam.

Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol, ada...?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Ada bangkitkan beberapa perkara. Antara lain bagaimana Menteri Kewangan menyatakan kepentingan awam yang mendesak. Itu nombor satu. Nombor dua, dengan penambahan skop ini. Adakah Jabatan Audit Negara mempunyai tenaga kerja yang bertauliah. Yang betul-betul layak untuk mengaudit barang-badan-badan ini?

Nombor satu, keperluan pengauditan atas dasar kepentingan awam antaranya mengambil kira perkara seperti berikut:

- (i) disyaki salah guna dana awam- *suspected misuse of public funds*;
- (ii) potensi masalah kepada keselamatan awam- *potential harm to public sovereignty*; dan
- (iii) kehilangan kepercayaan awam- *lost of public trust*.

Kedua, Jabatan Ketua Audit Negara sebagai *Supreme Audit Institutions of Malaysia* (SAI) merupakan ahli kepada badan pengauditan antarabangsa seperti *International Organization of Supreme Audit Institutions*, garis panduan pengauditan yang akan disediakan Jabatan Audit Negara adalah berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* yang dikeluarkan oleh INTOSAI.

Jabatan Audit Negara akan mempertingkatkan kepakaran pegawai dengan menghantar lebih ramai pegawai mengikut kursus-kursus dalam dan luar negara yang dianjurkan oleh badan antarabangsa serta rakan *Supreme Audit Institutions* (SAI) yang lain seperti bekerjasama dengan Korea dan UAE.

Jabatan Audit Negara mempunyai Akademi Audit Negara yang ditubuhkan pada tahun 2005 yang mendapat pengiktirafan sebagai *ASOSAI Training Institution* untuk menawarkan kursus dan latihan berkaitan perakaunan, pengauditan, pengurusan dan IT.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Penglibatan di peringkat antarabangsa ini dapat memberi peluang pendedahan kepada Pegawai Jabatan Audit Negara melalui perkongsian pengetahuan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pengetahuan.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Pengetahuan dan pengalaman dan memperkukuhkan mekanisme pengauditan yang sistematik bagi meningkatkan akauntabiliti dan tatakelola. Seramai 288 Juruaudit Jabatan Audit Negara mempunyai sijil profesional. Ini jawapan dia.

Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam Hamzah menanyakan isu yang berbangkit adalah- apakah yang dimaksudkan dengan Menteri Kewangan berpuas hati- *what is the meaning?*

Berdasarkan seksyen 6 Akta Tatacara 1957 [Akta 61] jelas menunjukkan bahawa kuasa kawalan pengurusan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan adalah tanggungjawab Menteri iaitu merujuk kepada Menteri Kewangan. Peruntukan ini juga memperuntukkan bahawa tanggungjawab pengurusan Kumpulan Wang Disatukan setiap negeri adalah kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.

Secara ringkasnya, subseksyen ini menetapkan hierarki yang jelas untuk pengurusan kewangan awam di Malaysia. Oleh yang demikian, penyaluran wang awam adalah kuasa penuh Perbendaharaan dan segala maklumat penyaluran adalah dalam pengetahuan Kementerian Kewangan maka atas kepentingan awam ia nya sewajarnya ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit membangkitkan beberapa perkara dan jawapannya adalah macam ini. Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 memperuntukkan kuasa baru dan perluasan tugas dalam aspek perjalanan kuasa dan pelaksanaan mandat Ketua Audit Negara.

Antara aspek yang akan ditambah baik bagi memastikan perluasan kuasa tersebut dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar ialah dengan kewujudan penyediaan garis panduan pengauditan. Garis panduan pengauditan telah sedia ada, memang ada dibangunkan. Kaedah dan skop pengauditan adalah terpakai dalam apa jua jenis pengauditan terutama merujuk kepada corak pengauditan di bawah seksyen 6 Akta 62.

Selain itu, Tatacara Perolehan Kerajaan, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Pengurusan Kewangan yang berkaitan tetap dijadikan panduan dan rujukan kepada juruaudit. Sememangnya, Jabatan Audit telah bersedia untuk melaksanakan kuasa baru ini kerana kajian awal dan terperinci telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan telah membangkitkan beberapa perkara. Jawapannya, pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berasaskan *International Standard of Supreme Audit Institutions*, seperti yang telah saya jawab sebelum ini.

Laporan Ketua Audit Negara disediakan melalui proses kawalan kualiti yang ketat seperti berikut:

- (i) mesyuarat pembukaan sebelum pengauditan dilaksanakan;
- (ii) pengauditan terperinci;
- (iii) surat pemerhatian audit;
- (iv) maklum balas terhadap pemerhatian audit;
- (v) mesyuarat pra penutup bersama audit;
- (vi) mesyuarat penutup dihadiri oleh pengurusan tertinggi audit bersama Jabatan Audit Negara; dan
- (vii) *confirmatory letter* dikeluarkan dengan mengemukakan draf yang akan dibawa ke Parlimen untuk ulasan akhir audit yang akan dimuktamadkan.

Susulan Audit dilaksanakan melalui empat fasa utama iaitu isu Laporan Ketua Audit Negara. Mempamerkan isu-isu di Papan Pemuka Ketua Audit Negara- *Auditor General's Dashboard*. Proses maklum balas isu melalui AGD dan mengurussetiakan mesyuarat Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara.

Melalui sistem AGD, audit mengemukakan maklum balas secara atas talian berserta dengan dokumen sokongan. Maklum balas audit diproses secara masa nyata- *real time*. Menjalankan sesi libat urus bersama pihak yang diaudit dengan menggunakan pendekatan perbincangan dan khidmat nasihat mengenai tindakan yang boleh, sepatutnya diambil, dipertimbangkan oleh pihak yang diaudit. Seterusnya, mengemas kini maklum balas melalui AGD.

#### ■1540

Yang Berhormat Senator Susan Chemerai Anding telah membangkitkan beberapa perkara. Jawapan adalah berikut. Ketua Audit Negara dilantik dan bertanggungjawab kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Berkebebasan Ketua Audit Negara diperjelaskan dalam seksyen 7, Akta Audit. Pindaan ini tidak akan menjejaskan kebebasan sedia ada. Jabatan Audit Negara akan terus melaksanakan mandat yang diberikan dengan mengekalkan kebebasan seperti yang telah diberikan dalam seksyen 7, Akta Audit tanpa dipengaruhi mana-mana pihak.

Kebebasan Ketua Audit Negara adalah dijamin berdasarkan Perkara 105, Perlembagaan Persekutuan. Menetapkan antaranya, Ketua Audit Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Melayu. Jabatan Audit Negara akan mengoptimumkan kakitangan Jabatan Audit Negara sedia ada bagi memastikan pelaksanaan dapat dijalankan dengan berkesan, di samping dengan jumlah tenaga kerja sedia ada. Jabatan Audit Negara melaksanakan beberapa usaha bagi mendapatkan perkhidmatan pengauditan awam dan sedemikianya.

Yang Berhormat Dato' Senator Sivaraj membangkitkan beberapa perkara dan jawapan adalah seperti yang akan diberi. Jumlah syarikat yang mendapat jaminan kewangan kerajaan

dan jumlah syarikat yang boleh diaudit oleh Ketua Audit Negara, soalan dia. Jaminan kewangan adalah jaminan oleh kerajaan terhadap pinjaman yang dibuat oleh syarikat badan lain. Jaminan yang dibuat oleh kerajaan adalah juga satu hutang yang akan dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan Perkara 98(1)(b) dan 98(3) Perlembagaan Persekutuan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB, dah sejam YB menjawab.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Lagi satu jam, sepuluh...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lagi satu jam pun tak apa?... *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Saya terpulang kepada Yang Berhormat. Saya boleh semua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh jawab semua? Kalau tidak, YB jawab secara bertulis sahaja.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Boleh, boleh. Saya boleh. Kalau diarahkan. Kalau diarahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi kah?

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Bukan. Saya diingatkan menjawab seberapa yang boleh, tetapi pegawai-pegawai pun tak ada *lunch* dan *anyway* mereka bekerja... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Memandangkan YB bersemangat nak habiskan, sila habiskan.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Yang Berhormat, arahan Yang Berhormat saya berhenti sekarang, saya berhenti lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Saya ada lagi tiga rang undang-undang lagi Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itulah. YB yang akan sambung. Saya akan berehat... *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** *[Ketawa]* Kalau YB nak berhenti...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau YB Menteri nak habiskan sekarang, saya rasa...

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Kalau ada apa-apa soalan, saya boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Kalau tidak, dengan izin, saya boleh menghabiskan di sini dan saya- ada apa-apa soalan- Dr. Lingesh ada nak tanya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Bukan, bukan. Ini Senator Dr. Lingesh ada bagi tahu dia tidak ada...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mana yang tidak habis itu...

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** ...*Chance* untuk berucap. Dia kata sama saya. Jadi, itulah saya bagi ini ruang kepada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Tetapi ini dia tak ambil bahagian tadi. Dia tak ambil bahagian dalam perbahasan. Dia tak boleh berucap sekarang.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Oh. YB, kalau, kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau YB setuju, YB nak berhenti sekarang dan bagi jawapan bertulis sahaja?

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Saya ikut arahan Yang Berhormat Speaker bahawa saya habiskan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya kasihan dekat YB. Jadi, YB berhenti sekarang.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** *No*, tak apa. Sebagai peguam, *we can stand many hours also*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*]

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Mustahak ini, Yang Berhormat. Seperti yang saya mempelawa kalau ada apa-apa soalan, saya sudi untuk jawab. Kalau tidak ada, saya berterima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang saya percaya telah membangkitkan isu-isu yang sangat penting.

Pada pandangan saya, ini adalah satu yang luar biasa kerana saya dengar lebih sedalam-dalamnya yang mereka betul-betul baca, faham dan berbahas. Itu beza dari lain-lain institusi... [*Tepuk*] Saya *undertake* bahawa semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan, jawapan bertulis akan dibuat. Jika tidak ada soalan-soalan yang dijawab, Yang Berhormat boleh tulis kepada saya dan saya akan mendapatkan jawapan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*]

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Kalau lagi tak *satisfied*, saya boleh mempelawa jabatan berada- supaya kita boleh berdialog. *Nothing to worry. Thank you*. Terima kasih... [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih YB. Setelah empat jam kita bermula tadi dari jam 11.40, sekarang kita boleh sampai ke peringkat untuk kelulusan. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada YB kerana telah sudi tunggu empat jam, Jabatan Audit.

Kalau Jabatan Audit, empat jam dan juga YB-YB Senator kita yang telah mengambil bahagian dalam satu perbahasan yang begitu mendalam. Memberikan keyakinan bahawa *bill* yang kita akan luluskan ini merupakan *bill* yang baik. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui*]



*[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (Datuk Hajah Rubiah binti Wang) dan diluluskan].*

**3.48 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), walau apa pun ketetapan yang telah dibuat tadi, saya membuat ketetapan baharu bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan undang-undang D.R. 39/2024 Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024 seperti yang tertera di nombor 3, senarai *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 25 Julai 2024.

Setiausaha. Oh, ini. Baik. Tadi Setiausaha dah umum kan? Okey. Yang Berhormat Menteri, sila bentang.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA (PINDAAN) 2024**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.49 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Ya, dengan izin. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon keizinan supaya Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Datuk Yang di-Pertua, cadangan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024 ini adalah bertujuan untuk memperkasakan kedudukan Malaysia dalam aspek timbang tara antarabangsa.

■1550

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Timbang Tara 1952 [Akta 93] dan Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Keputusan Timbang Tara Asing 1985 [Akta 320] telah dimansuhkan oleh Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646] yang telah digubal berdasarkan model undang-undang yang diperkenalkan oleh *United Nations Commission on International Trade Law*.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan pada hari ini adalah juga selaras dengan penentuan hala tuju dan inisiatif penstrukturan semula bagi Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) (AIAC) sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 7 Februari 2024.

Pelaksanaan inisiatif penstrukturan semula yang cukup bersejarah dalam tempoh 46 tahun sejak penubuhan AIACC pada tahun 1978 ini telah dipersetujui antara Kerajaan Malaysia sebagai tuan rumah dengan *Asian-African Legal Consultative Organization* (AALCO) melalui pemeteraian perjanjian tambahan kepada perjanjian tuan rumah berkenaan AIAC pada 20 Februari 2024.

Aspirasi kolektif pelaksanaan reformasi dan inisiatif penstrukturan semula ini antara lain adalah untuk menambah baik tatakelola AIAC melalui penerapan konsep pengasingan kuasa dan mekanisme semak dan imbang yang komprehensif dalam sistem pentadbiran AIAC sebagaimana yang diguna pakai oleh institusi timbang tara terkemuka di global termasuk *International Chamber of Commerce, Singapore International of Arbitration Centre, Hong Kong International Arbitration Centre* dan *London Court of International Arbitration*.

Tuan Yang di-Pertua, antara inisiatif yang dilaksanakan merangkumi penginstitutionan Lembaga Penasihat AIAC kepada Lembaga Pengarah AIAC, Penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC yang bertanggungjawab mengendalikan kes-kes penyelesaian pertikaian alternatif (ADR) secara bebas serta komitmen pembangunan industri ADR secara menyeluruh termasuk di Sabah dan Sarawak.

Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini adalah dihasratkan bahawa ia dapat meningkatkan keyakinan komuniti global terhadap AIAC sebagai sebuah pusat timbang tara pilihan utama selaras dengan statusnya sebagai sebuah badan antarabangsa di bawah naungan AALCO sekali gus memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi penyelesaian pertikaian alternatif, dengan izin, *global hub for alternative dispute resolution*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan penggubalan pindaan kepada Akta 646 ini dirujukkan dan kajian perbandingan telah dilaksanakan dengan rangka perundangan timbang tara di negara lain seperti Singapura, *United Kingdom*, Hong Kong, Jerman dan India yang telah memperkasakan perundangan timbang tara di negara masing-masing. Antara lain melalui adaptasi kepada *UNCITRAL Model Law* terkini.

Selaras dengan inisiatif tersebut, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan AIAC melalui satu pasukan petugas dengan izin, *taskforce* telah mengadakan beberapa siri sesi libat urus yang holistik. Sesi libat urus yang diadakan melibatkan agensi kementerian, Majlis Peguam Malaysia, *Sabah Law Society*, *Advocates Association of Sarawak*, *Borneo International Centre for Arbitration and Mediation*, *Malaysia International Mediation Centre* dan pakar rujuk daripada institusi kehakiman dan para profesional dalam bidang timbang tara di Malaysia.

Sesi-sesi libat urus yang telah dilaksanakan bermatlamat memastikan usaha pindaan yang dilakukan oleh kerajaan bersifat komprehensif sejajar dengan piawaian kontemporari antarabangsa dan menemui keperluan industri timbang tara di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan yang dicadangkan pada hari ini akan merangkumi tiga skop utama. Satu, pertama meminda Akta 646 selaras dengan pelaksanaan inisiatif penstrukturan semula di Pusat Timbang Tara Antarabangsa (Malaysia) (AIAC) seperti mana yang tertakluk dalam perjanjian tambahan antara Kerajaan Malaysia dan AALCO pada 20 Februari 2024 yang mana telah dipersetujui Jemaah Menteri pada 7 Februari 2024.

Kedua, meminda peruntukan sedia ada dan memperkenalkan peruntukan baharu untuk menyelaraskan Akta 646 dengan Undang-undang Model UNCITRAL serta amalan terbaik antarabangsa bagi memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai destinasi timbang tara pilihan utama, dengan izin, *preferred seat for arbitration*; dan

Ketiga, membenarkan pembiayaan pihak ketiga dalam timbang tara dan prosiding mahkamah yang berkaitan dengan timbang tara serta merangka mekanisme perundangan bagi tujuan mengawal selia pembiayaan pihak ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan rang undang-undang ini mengandungi 12 fasal yang melibatkan pengenalan 10 seksyen baharu dan pindaan ke atas dua seksyen sedia ada seperti yang diperincikan dalam salinan rang undang-undang, dengan izin, *the blue bill*.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan tarikh kuasa akta ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 [Akta 646] untuk memasukkan takrif "Presiden" ke dalam Akta 646 yang merujuk kepada "Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia" yang akan menggantikan "Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Malaysia". Ini adalah untuk menunjukkan inisiatif penstrukturan semula

Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia supaya selaras dengan pelaksanaan perjanjian tambahan antara kerajaan dengan AALCO yang berhubungan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur bertarikh 20 Februari 2024 dan seperti mana yang dipersetujui Jemaah Menteri pada 7 Februari 2024.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 [Akta 646] mengenai pemakaian Akta 646 kepada timbang tara dan award berbangkit, dengan izin, *consequential* daripada kemasukan Bab 2 Bahagian III yang baharu dicadangkan di dalam Akta 646 mengenai pembiayaan pihak ketiga, *third party litigation*.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 9 [Akta 646] yang berhubungan dengan bentuk perjanjian timbang tara. Dengan pindaan ini, perjanjian timbang tara adalah bertulis jika ia terkandung dalam pertukaran apa-apa dokumen lain dan bukan hanya dalam pertukaran pernyataan tuntutan dan penyertaan pembelaan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 9A ke dalam Akta 646 untuk memperuntukkan bahawa jika pihak-pihak kepada timbang tara gagal untuk bersetuju dengan undang-undang yang terpakai untuk perjanjian timbang tara mereka, maka undang-undang yang terpakai bagi perjanjian timbang tara itu ialah undang-undang tempat timbang tara, dengan izin, *law of the seat of arbitration*.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 13 [Akta 646] mengenai pelantikan penimbang tara dengan memasukkan subseksyen baharu 3A ke dalam Akta 646 yang memperuntukkan bahawa jika timbang tara terdiri daripada tiga orang penimbang tara dan terdapat berbilang pihak menuntut atau berbilang responden, semua pihak menuntut hendaklah secara bersesama melantik seorang penimbang tara dan semua responden hendaklah secara bersesama melantik seorang penimbang tara.

#### ■1600

Ini akan memberikan kejelasan berkenaan dengan pelantikan penimbang tara. Selain itu, fasal ini juga bertujuan untuk menggantikan istilah "*Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia*" di mana-mana jua terdapat dengan istilah "*Presiden*" sebagaimana yang ditakrifkan dalam fasal 2.

Fasal 7 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 17(2) Akta 646 untuk memperuntukkan bahawa melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak, jika mana-mana penimbang tara mempengerusi diganti apa-apa pendengaran yang diadakan terdahulu boleh diulang mengikut budi bicara tribunal timbang tara.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 646 yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan *award* untuk memperuntukkan bahawa tandatangan penimbang tara untuk satu *award* termasuk tandatangan digital dan elektronik pada *award* itu. Tandatangan digital mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta

562] manakala tandatangan elektronik mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perdagangan Elektronik 2006 [Akta 658].

Fasal 9 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 38(1) Akta 646 mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* timbang tara yang dibuat berkenaan dengan satu timbang tara jika tempat timbang tara adalah di Malaysia atau *award* dari satu negara asing supaya peruntukan ini dapat diharmonikan dengan peruntukan undang-undang model UNICITRAL (UNCITRAL).

Dengan pindaan ini, *award* yang dibuat berkenaan dengan timbang tara itu hendaklah diiktiraf sebagai meningkat pada awal-awal lagi tanpa memerlukan satu permohonan dibuat di mahkamah tinggi bagi pengiktirafannya.

Fasal 10 pula bertujuan untuk meminda Bahagian III Akta 646 mengenai peruntukan tambahan yang berhubungan dengan timbang tara dengan membahagikan bahagian 3 kepada dua bab bagi membolehkan kemasukan peruntukan mengenai pembiayaan pihak ketiga bagi timbang tara ke dalam Akta 646.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 646 mengenai kekebalan institusi timbang tara dengan memotong sebutan mengenai Pengarah Pusat Timbang Tara Asia (Malaysia). Dengan pindaan ini, sekiranya akan memperuntukkan secara am bahawa mana-mana orang atau institusi yang bertindak atau sifat pihak berkuasa melantik yang dibenarkan oleh pihak hendaklah tidak bertanggungjawab, dengan izin, *be held accountable* bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan dalam menunaikan fungsi itu melainkan perbuatan atau peninggalan dengan izin, *omission* itu adalah dengan niat jahat.

Fasal 12 memperkatakan tentang peruntukan kecualian- Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Madani sedang berusaha dengan sebaiknya dalam agenda reformasi institusi secara konsisten dan berterusan bagi memastikan pemeliharaan integriti dan ketelusan sistem keadilan sekali gus memperkasakan akses masyarakat kepada keadilan. Cadangan pindaan ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan Madani untuk terus menambah baik aspek tata kelola dalam urusan pentadbiran kerajaan sekali gus menjadikan Malaysia sebagai *preferred seat of arbitration* di Rantau Asia mahupun di peringkat antarabangsa.

Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]:** Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai lima orang ahli yang hendak berbahas, maka, saya membuat ketetapan- berapa minit- 7 minitlah, ya? Masa 7 minit seorang. Dipersilakan Yang Berhormat, YB Dato' Kesavadas.

#### **4.06 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *I go straight to the point.* Saya berpandangan bahawa penubuhan Jawatankuasa PROTEM yang dianggotai oleh 17 Ahli Jawatankuasa termasuk presiden berupaya mempersiapkan Malaysia untuk menjadi sebuah negara Asia yang relevan dalam mengendalikan prosiding timbang tara di peringkat Asia dan antarabangsa.

Penubuhan jawatankuasa tersebut diharapkan dapat meneliti segala aspek penting yang diperlukan untuk merangka sebuah model pengacaraan timbang tara yang kondusif dan meyakinkan di mata dunia.

Jawatankuasa PROTEM menggalas tanggungjawab yang cukup besar ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kredibiliti perundangan untuk mengacarakan satu-satu prosiding timbang tara khususnya yang melibatkan pertikaian antara negara-negara dunia. Gabungan pakar-pakar perundangan dan timbang tara yang telah dimandatkan untuk menganggotai jawatankuasa tersebut perlu membuktikan kewibawaan mereka dalam merencanakan agenda pembangunan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia atau AIAC untuk berdiri sebagai sebuah institusi timbang tara yang lebih proaktif dan reaktif terhadap segala cabaran dalam skop perundangan global.

Justeru, saya ingin menegaskan bahawa Jawatankuasa PROTEM sewajarnya merangka pelan pemerkasaan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia yang antaranya meliputi fokus penambah baikkan dalam aspek pengurusan serta pembangunan. Pemerkasaan tersebut penting dilaksanakan secara progresif bagi merealisasikan penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC yang mempunyai keterampilan yang tersendiri untuk mengendalikan prosiding timbang tara berkelas antarabangsa pada masa hadapan.

Pemeteraian perjanjian tambahan kepada perjanjian tuan rumah yang ditandatangani bersama oleh Malaysia dan pihak Perundingan Undang-undang Asia-Afrika (AALCO) pada 20 Februari 2024 sewajarnya dijadikan sebagai dorongan baharu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengeratkan lagi kerjasama strategik dalam bidang perundangan dengan negara-negara anggota AALCO. Kerjasama tersebut juga memperkukuh lagi peranan Malaysia dan mengetengahkan aspirasi perundangan timbang tara negara di peringkat global seiring dengan cabaran geopolitik semasa.

Seiring dengan fokus kerajaan untuk mewujudkan Mahkamah Timbang Tara (AIAC), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri menerusi dukungan bersama Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Undang-undang dan AIAC sewajarnya melaksanakan sesi libat urus kepada para pemain industri tempatan. Pendekatan dua hala tersebut boleh dijadikan

sebagai ruang kepada Kerajaan Perpaduan untuk mendekati pemain-pemain industri tempatan yang selama ini seiring berdepan dengan pelbagai bentuk pertikaian dan menyulitkan.

■1610

Menerusi ruang tersebut, AIAC dapat secara langsung mempromosikan kredibiliti yang boleh ditawarkan oleh Mahkamah Timbang Tara sejajar dengan pindaan Akta 646 ini. Di samping itu, AIAC juga boleh mendapatkan input-input berguna daripada setiap pemain industri yang boleh dimanfaatkan sebagai cetusan idea untuk menjayakan penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC yang bersifat pragmatik. Kesedaran yang terbentuk daripada inisiatif sebegitu boleh mendorong sesebuah syarikat tempatan untuk merujuk kes pertikaian yang pernah atau sedang dialami untuk dipertimbangkan bagi perjalanan prosiding timbang tara.

Dato' Yang di-Pertua, sebagai inti pati terakhir perbahasan, saya ingin membangkitkan beberapa soalan penting yang memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Persoalan pertama ialah berapakah duit bayar cukai yang diperuntukkan untuk membiayai pertama, pembentukan Jawatankuasa PROTEM yang dipengerusikan oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Dato' Mary Lim?

Kedua, emolumen bulanan bagi 16 orang anggota Jawatankuasa PROTEM termasuk pengerusi serta tiga orang penimbang tara dari tiga buah negara.

Ketiga, setiap proses yang terlibat dalam menjayakan penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC dan cara mana kerajaan hendak mempromosikan Mahkamah Timbang Tara dibandingkan dengan mahkamah biasa. Buat masa ini, kos adalah satu faktor yang tidak menggalakkan ramai pergi ke Mahkamah Timbang Tara.

Persoalan kedua adalah kewajaran di sebalik pelantikan tiga penimbang tara dari negara Sepanyol, Singapura dan Arab Saudi. Bagaimanakah ketiga-tiga penimbang tara import tersebut dapat memainkan peranan yang signifikan dalam merencanakan agenda penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC?

Persoalan ketiga, bagaimanakah penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC dapat mengetengahkan Malaysia sebagai medan pilihan kepada negara-negara dunia khususnya *First World Country* untuk menyelesaikan pertikaian antarabangsa?

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Nelson.

#### 4.13 ptg.

**Tuan Nelson W Angang:** Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertua atas lantikan sebagai Yang di-Pertua.

Perbahasan saya ini juga berkait rapat dengan Rang Undang-undang *Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan* ataupun CIPAA yang akan dibahaskan selepas RUU ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini iaitu selaras dengan pelaksanaan perjanjian tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Penubuhan Perundingan Undang-undang Asia-Afrika. Namun, saya mahu mencadangkan agar pihak kerajaan melihat untuk memasukkan Pusat Timbang Tara dan Pengantaraan Antarabangsa Borneo atau *Borneo International Centre for Arbitration and Mediation* (BICAM) sebagai pihak berkuasa alternatif melantik, dengan izin, *an alternative appointing authority for Malaysia Timur* di dalam akta ini.

Dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas, beberapa orang rakan-rakan Ahli Parlimen telah berbahas menyokong terhadap cadangan ini. Namun, cadangan ini tidak dimasukkan dalam pindaan yang diluluskan di Dewan Rakyat. Dalam persidangan tersebut juga, YB Menteri telah menyatakan bahawa BICAM berstruktur sebagai sebuah syarikat terhad dengan jaminan atau, dengan izin, *BICAM is structured as a company limited by guarantee*.

Ia tidak boleh dianggap sebagai satu institusi timbang tara pada tahap yang sama dengan AIAC kerana AIAC adalah sebuah organisasi antarabangsa dan bukan berdasarkan kepada keuntungan. Dengan hormatnya, BICAM, dengan izin, *is a company limited by guarantee and also a non-profit organization* atau bukan berdasarkan kepada keuntungan. Lebih dari itu, apa yang penting ialah perkhidmatan yang diberikan BICAM dan ianya adalah perkhidmatan timbang tara dan *mediacy arbitration and mediation services*, dengan izin.

Untuk lebih jelas, saya mengambil contoh institusi timbang tara antarabangsa yang terkenal dan berjaya seperti Pusat Timbang Tara Antarabangsa Singapura dan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Hong Kong juga adalah berdasarkan kepada syarikat terhad oleh rangka kerja jaminan atau dengan izin, *Singapore International Arbitration Centre and Hong Kong International Arbitration Centre are based on the company limited by guarantee framework*.

Saya dimaklumkan bahawa BICAM telah diwujudkan sebagai sebuah pusat timbang tara dan mediasi, dengan mengambil contoh bagaimana Pusat Timbang Tara Antarabangsa Hong Kong beroperasi. Ini bermaksud, BICAM juga adalah layak sebagai pihak berkuasa melantik alternatif sama seperti AIAC.

Pada sidang Dewan Rakyat yang lepas juga, pihak YB Menteri telah berhujah bahawa AIAC tidak memegang sebarang monopoli dalam urusannya- walau bagaimanapun, AIAC akan menjadi satu-satunya pihak berkuasa melantik di Malaysia untuk *adjudicator* timbang tara dan juga di bawah CIPAA apabila pihak tidak boleh bersetuju dengan siapa yang hendak



dilantik. Ini jelas sekali boleh dilihat sebagai bertentangan dengan prinsip Akta Persaingan yang dibuat bagi mempromosikan persaingan dan mencegah monopoli.

Dato' Yang di-Pertua, langkah kerja ADR yang diterdesentralisasi menyumbang kepada hasil penyelesaian pertikaian yang berkesan dan saksama yang disesuaikan dengan keperluan Malaysia Timur. Jarak dan *accessibility* memainkan peranan utama dalam memastikan proses yang lebih cepat dan cekap dalam penyelesaian pertikaian.

Sabah secara geografi, jauh dari Semenanjung Malaysia di mana terletak institusi berpusat. Pemisahan geografi ini boleh menyukarkan dan membebankan rakyat dari Malaysia Timur untuk mengakses institusi ini terutamanya bagi individu dan perniagaan kecil yang mungkin tidak mempunyai sumber untuk melakukan perjalanan jarak jauh.

Kekhususan budaya dan serantau. Malaysia Timur mempunyai budaya dan etnik yang pelbagai, yang mungkin membawa kepada pertikaian yang memerlukan pemahaman tentang adat, tradisi dan bahasa tempatan. Institusi berpusat mungkin tidak selalu mempunyai kepakaran atau kepekaan yang diperlukan untuk menangani nuansa serantau dan budaya khusus ini dengan berkesan.

Dengan memasukkan BICAM, dapat membantu mengembangkan kepakaran wilayah juga dalam timbang tara dan adjudikasi menghasilkan kumpulan penimbang tara dan profesional undang-undang yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran di Malaysia Timur. Saya difahamkan pada masa ini, bagi kes-kes yang dirujuk untuk proses timbang tara dari Sabah dan Sarawak, kebanyakan *adjudicator* yang dilantik adalah daripada Semenanjung Malaysia walaupun ada pada masa kini terdapat tidak kurang dari 60 *adjudicator* yang layak, berasal dari Sabah dan Sarawak.

Daripada segi kelayakan di kalangan *adjudicator* ini adalah bekas Hakim Mahkamah Persekutuan dan juga merupakan bekas Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Peguam-peguam senior atau *senior Lawyers* serta pakar-pakar dari bidang masing-masing.

Dato' Yang di-Pertua, semua juga mengetahui bahawa kita mempunyai dua buah mahkamah tinggi di negara ini iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Ini berdasarkan kepada keunikan dan keistimewaan pembentukan Malaysia melalui Perjanjian Malaysia 1963. Niat dan aspirasi ini perlu diteruskan dengan memberi pengiktirafan terhadap sebuah institusi timbang tara di Malaysia Timur.

Dengan adanya pusat alternatif di Borneo dapat membantu mengurangkan masalah seperti daripada segi kelewatan dan dalam penyelesaian pertikaian. Institusi berpusat, kadang-kadang boleh dibanjiri dengan kes seluruh negara. Kelewatan ini boleh menjadi masalah terutamanya bagi perniagaan dan individu di Malaysia Timur yang mungkin memerlukan penyelesaian dan pertikaian yang tepat pada masanya untuk menjalankan urusan mereka dengan cekap.

Pada masa yang sama, pengiktirafan BICAM dalam akta ini juga amat wajar ke arah hala tuju untuk meningkatkan kedudukan Malaysia di kalangan komuniti timbang tara antarabangsa global dengan menjadikan Sabah Sarawak sebagai hub timbang tara global yang bersaing. Ini mengambil kira terhadap perpindahan ibu kota Indonesia dari Jakarta ke Nusantara tidak lama lagi.

#### ■1620

Walaupun BICAM masih boleh beroperasi tanpa dinamakan sebagai badan pelantikan dalam perundangan secara formal melalui pindaan ini, namun BICAM akan menjadi tempang. Tanpa pengiktirafan ini, persepsi bahawa BICAM akan dilihat sebagai tidak sah dan tidak berwibawa.

Oleh itu Yang di-Pertua, menyertakan BICAM dalam Akta Timbang Tara dan CIPAA adalah penting untuk mewujudkan landskap timbang tara yang lebih seimbang, cekap dan kompetitif di Malaysia. Ia menangani keperluan unik Malaysia Timur, mempromosikan pertumbuhan ekonomi tempatan dan memperkuat infrastruktur timbang tara negara secara keseluruhan. Pengiktirafan dan penyertaan formal BICAM akan membawa kepada sistem timbang tara yang lebih pelbagai, boleh di akses dan kukuh memastikan Malaysia kekal sebagai pemain utama dalam arena timbang tara global.

Dengan ini Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong terhadap pindaan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** YB Abun Sui.

#### 4.21 ptg

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024. Sememangnya timbang tara ini adalah sangat penting di mana ini saya percaya berkisar ataupun akibat daripada pihak tertentu terutamanya seperti tuntutan Sulu ke atas Sabah, menyebabkan kita terpaksa memperbaiki ataupun membuat sesuatu bagi menangani pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab membawa kes ke timbang tara yang sebenarnya tidak berasas.

Jadi, ini adalah satu inisiatif ataupun usaha kerajaan untuk bersaing ataupun memberi satu pembangunan dari segi perundangan di rantau ini untuk kita menyahut ataupun menerima cabaran daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi dalam perkara ini Dato' Yang di-Pertua, saya ada beberapa isu untuk dijawab oleh pihak kerajaan ataupun kementerian.

Bagi timbang tara ini, seperti yang telah dijelaskan dalam rang undang-undang ini, saya ingin bertanya bagaimana kita, pembiaya pihak ketiga ini, ada kah contoh-contoh yang boleh diberi kepada Dewan ini untuk pemahaman yang lebih jelas? Adakah pihak ketiga ini

dipertanggungjawabkan, tapi bagaimana pula kalau pihak ketiga ini tidak mahu tampil ke depan, tidak mahu memperkenalkan diri seperti yang ada pada kes Sulu di mana kita tidak tahu siapakah pembiaya mereka?

Untuk fasal yang kelima di mana undang-undang tempat timbang tara ini. Bagaimanakah tempat timbang tara ini ditetapkan? Saya juga ingin tahu bagaimana Menteri menetapkan pihak-pihak di dalam timbang tara ini. Bolehkah pihak-pihak yang rasanya dianiaya ataupun merasakan pihak yang membawa mereka dalam kes ini menolak untuk tidak hadir di dalam timbang tara sebegini?

Terakhir sekali, saya ingin bertanya apakah timbang tara ini diberi kuasa untuk meminta ataupun meminta bayar deposit daripada pihak yang membawa kes ke mahkamah timbang tara? Ini kerana apabila sesuatu kes yang dibawa ini tidak berasas, ia sangat merugikan seperti yang kes Sulu itu, kes yang tidak berasas. Maka, kita terpaksa menanggung kos yang begitu besar untuk kita hadir di negara yang jauh daripada negara kita.

Jadi, justeru itu, saya sangat menyokong mahkamah timbang tara ataupun pindaan ini untuk- supaya pihak-pihak tertentu yang di luar sana ataupun di luar negara kita ini yang masih rasa mempunyai tuntutan kepada wilayah-wilayah di dalam negara kita ini supaya datang ke Malaysia untuk menghadiri kes timbang tara ini.

Justeru itu, saya sangat bersetuju dan saya menyokong penuh pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' (Dr.) Arman Azha.

#### 4.24 ptg.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli Dewan Negara. Pertama, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang di-Pertua Dewan atas lantikan sebagai Speaker Dewan Negara.

Dato' Yang di-Pertua, saya melihat pindaan dibuat ke atas Akta 646 ini adalah satu pencapaian yang harus disokong dalam usaha kerajaan melakar nama dalam persada antarabangsa. Syabas saya zahirkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dalam memartabatkan nama negara Malaysia di mata dunia. Pindaan yang dibuat adalah sedikit sebanyak terhasil- pengajaran kita, kita kutip berkaitan tentang tuntutan Sultan Sulu terhadap wilayah Sabah baru-baru ini.

Dato' Yang di-Pertua, kita harus sentiasa bersedia mengorak satu, dua langkah terhadap jatuh ke perangkap kelicikan entiti-entiti yang tersembunyi di belakang pihak menuntut pelbagai musibat. Strategi yang diambil oleh pasukan hal ehwal undang-undang amat tepat sekali dalam mempertahankan kedaulatan negara yang akur membayar award

hampir RM70 bilion kepada tuntutan warisan Sulu ke atas wilayah Sabah yang telah diputuskan oleh penimbang tara antarabangsa Dr Gonzalo Stampa.

Kemenangan di mahkamah antarabangsa baru-baru ini dalam kes tuntutan kepulauan Sulu terhadap Malaysia membuktikan bahawa kerajaan komited melawan habis-habisan walau dengan apa daya sekalipun dalam mempertahankan hak, harta dan kedaulatan negara kita.

Menyentuh mengenai wilayah Sabah, izinkan saya mencelah untuk mengesyorkan agar BICAM- *Borneo International Centre for Arbitration and Mediation* diangkat sebagai satu badan antarabangsa, pusat timbang tara antarabangsa Asia ataupun AIAC dalam masa yang terdekat.

Dato' Yang di-Pertua, saya amat jelas tentang justifikasi BICAM ini ditubuhkan. Saya juga ingin menzahirkan bahawa sudah sampainya masa BICAM diberikan kepercayaan setaraf dengan AIAC dengan tumpuannya kini Wilayah Borneo. Lebih-lebih lagi, dengan peralihan ibu kota Indonesia ke Nusantara, di mana saya yakin akan merancakkan lagi ekonomi di sektor wilayah tersebut.

Saya amat jelas dengan kewujudan AIAC ini dalam usaha mempelopori sektor timbang tara di rantau Asia di samping menjadi contoh kepada negara-negara ASEAN yang lain dalam usaha mempamerkan kredibiliti negara Malaysia menerajui sektor timbang tara.

Dato' Yang di-Pertua, semuanya ada kebaikan. Adalah lebih baik lagi diusahakan untuk merebut peluang yang ada di depan mata seperti mana saya sebutkan mengenai naik taraf BICAM di mata ke peringkat yang lebih tinggi kerana ia juga merupakan satu kejayaan, pencapaian kepada negara kita yang berdaulat.

Dato' Yang di-Pertua, namun demikian, pendekatan dan usaha yang diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang ini harus dipuji dalam memperkasakan peranan AIAC. Dato' Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, pindaan yang dibuat ini adalah susulan mengenai peruntukan pembiayaan pihak ketiga yang berlaku dalam tuntutan ke atas Sulu.

Kerajaan Malaysia tidak mempunyai sebarang masalah dan sebarang pembiayaan pihak ketiga dalam kes timbang tara. Namun, perlu ada proses pengadilan. Perlu ada proses yang jujur dan terbuka. Penubuhan AIAC dan kerjasama pertubuhan Pertubuhan Perunding Undang-undang Asia Afrika (AALCO) adalah selaras dengan aspirasi Malaysia untuk mewujudkan satu badan timbang tara yang kredibiliti, yang terkemuka di rantau ini tidak lama lagi dalam bidang perundangan serta menyelesaikan masalah alternatif di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Dato' Yang di-Pertua, saya yakin dengan pindaan-pindaan yang dilakukan, AIAC akan menjadi satu pusat timbang tara yang tersohor di dalam rantau Asia. Dato' Yang di-Pertua, sekian saja perbincangan saya. Saya berdiri di sini menyokong pindaan Akta 646 ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Save waktu nak balik awal.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Yang Berhormat Datuk Noraini Idris.

#### 4.29 ptg.

**Datuk Noraini binti Idris:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, mengambil maklum akan keperluan pindaan dibuat terhadap rang undang-undang ini adalah untuk bertujuan untuk memperkasakan kedudukan Malaysia dalam aspek timbang tara antarabangsa malahan selaras dengan penentuan hala tuju dan inisiatif penstrukturan semula bagi Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) (AIAC). Ianya juga sejajar dengan peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai tuan rumah dengan *Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)* pada tahun ini.

#### ■1630

Antara tujuan utama pindaan ini dibuat juga adalah bagi menambak baik tatakelola AIAC melalui penerapan konsep pengasingan kuasa dan mekanisme semak dan imbang yang komprehensif dalam sistem pentadbiran AIAC sebagai yang diguna pakai oleh institut timbang tara terkemuka di persada global termasuklah *Singapore International Arbitration Center (SIAC)*, *Hong Kong International Arbitration Center (HKIAC)* dan *London Court of International Arbitration (LCIA)*.

Namun begitu, sejauh mana aspek tatakelola ataupun tata amalan yang baik yang akan dijadikan bagi memastikan ia setara dengan piawaian global. Mekanisme pengawasan dan tatakelola yang baik adalah penting untuk memastikan penimbang tara berpegang kepada standard etika yang ketat bagi mengelakkan sebarang kes penimbang tara yang berat sebelah, prasangka memihak kepada sebelah pihak yang berkepentingan dan terdedah kepada penyalahgunaan.

Keputusan Mahkamah Timbang Tara dalam kes Sulu seperti juga yang telah disebut oleh rakan-rakan Senator saya yang tadi yang telah dikeluarkan secara tidak sah oleh seorang penimbang tara Dr. Gonzalo Stampa kepada lapan pihak yang membuat tuntutan terhadap Sabah walaupun pelantikannya sebagai penimbang tara telah dibatalkan oleh mahkamah Sepanyol. Sebelum keputusan di Sepanyol diperoleh, penimbang tara dalam kes Sulu ini memindahkan kes timbang tara ke Paris. Penuntut kemudian berusaha mendapatkan pengiktirafan dan penguatkuasaan daripada pemerintah itu di negara seperti Belanda dan *Luxembourg*.

Kes Sulu ini adalah sebagai contoh bagaimana proses timbang tara boleh disalahgunakan untuk mengancam kedaulatan sesebuah negara dalam ketiadaan pengawasan tatakelola ataupun tata amalan dan kegagalan penimbang tara untuk mematuhi standard etika dan profesional yang luhur.

Seterusnya, penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC yang bertanggungjawab mengendalikan kes-kes penyelesaian, pertikaian alternatif secara bebas serta komitmen pembangunan termasuk di Sabah dan Sarawak tentunya saya amat menyokong inisiatif ini dengan penubuhan Pusat Timbang Tara dan Pengantaraan Antarabangsa Borneo, *Borneo International Center for Arbitration and Mediation* (BICAM) yang beribu pejabat di kota Kinabalu Sabah setelah sekian lama Mahkamah Timbang Tara hanya berpusat di Kuala Lumpur.

Penubuhan BICAM sebagai badan alternatif kepada litigasi atau mediasi dalam menyelesaikan pertikaian komersial, perjanjian perniagaan yang disokong oleh Kerajaan Sabah ini telah dilancarkan pada taun lalu dan merupakan Mahkamah Timbang Tara yang pertama ditubuhkan di Malaysia Timur.

Semestinya kepentingan BICAM ini akan memberi manfaat daripada pelbagai sudut pembangunan Malaysia Timur tentunya sebagai contoh melibatkan pelbagai penyelesaian pertikaian komersial industri, pembinaan misalnya. Bahkan sudah tentu ianya selari dengan Perjanjian Malaysia 1963 dan struktur kehakiman penubuhan pusat timbang tara di Borneo adalah berpadanan dan memenuhi aspirasi agar Borneo turut dapat akses yang adil terhadap perkhidmatan timbang tara ini.

Dengan ini sudah tentunya kita mengharapkan pindaan rang undang-undang ini akan terus memanfaatkan dan memperkasakan Mahkamah Timbang Tara sebagai badan alternatif bebas dalam menyelesaikan pertikaian di antara dua pihak dengan lebih cepat dan kos efektif berpandukan tatakelola yang baik setara dengan piawaian antarabangsa.

Saya dengan ini Dato' Yang di-Pertua menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**4.63 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Lima Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024 iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, yang kedua Yang Berhormat Senator Tuan Nelson W Angang, nombor tiga, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit, nombor empat, Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah dan Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris.

Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Jawapannya adalah seperti ini. Soalan pertama yang ditanya adalah pelan pemeriksaan oleh Jawatankuasa PROTEM hendaklah dibangunkan supaya dapat meningkatkan kedudukan AIAC pada persada antarabangsa. Jawatankuasa PROTEM yang terdiri daripada 20 orang individu berwibawa akan melaksanakan tanggungjawab yang diamanatkan dengan sewajarnya bagi mengangkat AIAC dan Malaysia sebagai antara *safe seat* terdapat dalam negara dan luar negara.

Kedua adalah emolumen bulanan bagi Ahli Jawatankuasa PROTEM. Penyertaan pengurus dan ahli-ahli yang dilantik adalah secara sukarela dan tidak sebarang bayaran bulanan kepada mana-mana ahli. Hanya sejumlah honorarium sedang dalam pertimbangan akan mengambil masa dan diberi kepada ahli-ahli. Membantu penubuhan Mahkamah Timbang Tara buat julung kali.

Soalan yang ketiga, adakah proses yang terlibat untuk menjayakan penubuhan Mahkamah Timbang Tara? Mahkamah Timbang Tara bakal merangkumi pakar-pakar *alternate dispute resolution* sebagai ahli mahkamah dengan presiden dan dua *vice president*. Ini adalah selaras dengan pusat-pusat timbang tara yang terkemuka dari negara-negara yang lain seperti Singapura, UK, ICC di Paris dan sebagainya.

Soalan yang susulannya adalah apakah kewajaran pelantikan tiga timbang tara dari Sepanyol, *Saudi Arabia* dan Perancis dalam Jawatankuasa PROTEM. Pelantikan timbang tara daripada negara-negara dalam Jawatankuasa PROTEM akan menyumbang kepakaran masing-masing dalam penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC yang juga mentadbir kes-kes antarabangsa. Ia juga adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mempertingkatkan peranan dan fungsi AIAC yang memaparkan sebuah institusi antarabangsa setanding dengan institusi-institusi yang lain di negara-negara terkemuka.

Lagi satu soalan adalah bagaimana untuk membesarkan Mahkamah Timbang Tara AIAC berbanding dengan mahkamah biasa. Mahkamah Timbang Tara AIAC bertujuan untuk pelantikan penimbang tara dan bidang kuasa tertakluk kepada perjanjian antara pihak-pihak. Tambahan pula mahkamah tidak membuat keputusan mengenai *merit case* manakala mahkamah biasa membuat pada perkara sivil, komersial dan lain-lain dan akan membuat keputusan mengenainya pada *where merit lies*.

Akhir sekali bagaimana ahli dari Sepanyol, Singapura, yang itu saya sudah jawab.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Dengan izin, bolehkah saya tanya sedikit tentang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, bolehkah?

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Ya, okey.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Tadi saya tanya tentang kenapa Mahkamah Timbang Tara itu tidak berapa popular dengan mahkamah biasa. *I say could be the reason, dengan izin, cost factor, because if you go to- kalau pergi ke Mahkamah Sesyen, its only RM200 your filing fee and plus all the filing bundle ini semua it won't touch more than RM250, tapi arbitration it can run for below, dengan izin, let me refer to this. Up to RM150,000 if the dispute, is the arbitration fee is RM10,000.*

■1640

*So, many people can't afford it especially B40, even M40 pun tak boleh. So, how is the government going to overcome this? Thank you. Terima kasih.*

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Yang Berhormat, nombor satu kita perlu faham fungsi *court civil* dan *court* arbitrase, ia beza. Fungsi mahkamah adalah untuk rakyat Malaysia- hanya untuk rakyat Malaysia di sini dan ia beza dari *arbitration- arbitration* ia ada mengikut *quantum- 20 percent, right?... [Merujuk kepada pegawai Kementerian]* Ia ada *scale* di sana dan ia mempelawa- membawa *experts* dari luar negara. Ini memakan banyak kewangan, nombor satu.

Nombor dua, kita perlukan melonjak *Arbitration Centre* ini bukan senang. *It cannot be done overnight.* Dalam mahkamah-mahkamah yang biasa kita terpaksa berada di sana bukan dengan persetujuan. Itu *arbitration* adalah dengan persetujuan semua pihak. *If you don't agree, you don't come here, you can go to Singapore* atau Yang Berhormat Datuk Speaker kalau boleh pergi ke negara China, ia ada 200 lebih *Arbitration Centres*. Malaysia hanya satu yang terkenallah.

Jadi ia perlukan masa- *from 1978*. Bukan senang dan ia beroperasi *nonprofit*. Ia bukan beroperasi dengan *profit-minded* ini, tapi saya berasa dengan rang undang-undang yang dibawa ini ia akan mempercepatkan membawa *Arbitration Centre* ini ke tahap *international*-lah. Itu adalah apa yang mereka ingin buat.

Jangan lupa Yang Berhormat, kalau beza dengan *Singapore. Singapore, their Court Civil, you have to pay certain percentage when you file a court case. In Malaysia, you don't have.*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** *Here we talk about Malaysia.*

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** *Correct, we are talking about Malaysia. I want to show the comparison. Kalau tidak ada comparison, kita tidak tahu. Itu sebabnya. Then, the role yang dimainkan oleh Arbitration Centre dengan mahkamah biasa, ia beza. Yes, for B40 and all that, kita boleh pergi ke mahkamah biasa, there's mediation and that kind*



*of matters*, tapi itu pandangan Yang Berhormat boleh diambil kira. Mungkin ia boleh ditengok apa yang perlu dihalusi dan boleh dibuat.

Datuk Yang di-Pertua, ada dua lagi Senator yang membangkitkan iaitu Tuan Nelson W Angang dan Senator Dato' (Dr.) Arman yang baru datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memberikan pertimbangan dan meneliti cadangan oleh BICAM. BICAM itu Datuk Yang di-Pertua adalah *Borneo International Centre for Arbitration and Mediation*. Tersebut dengan mengambil kira faktor-faktor penting seperti saya akan jelaskan seperti yang berikut.

Pertama sekali, AIAC merupakan sebuah institusi antarabangsa yang ditubuhkan melalui pemeteraian perjanjian tuan rumah antara Kerajaan Malaysia dengan *Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)* pada tahun 1978.

Di bawah perjanjian tuan rumah ini, AIAC diberi mandat untuk melaksanakan fungsinya sebagai sebuah institusi Penyelesaian Pertikaian Alternatif- *Alternative Dispute Resolution* yang juga merangkumi timbang tara. Selaras dengan hasrat kerajaan, sejak tahun 1978, AIAC memainkan peranan sebagai pihak berkuasa melantik- *appointing authority* di bawah Akta Timbang Tara 2005.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peranan pihak berkuasa melantik di bawah Akta Timbang Tara 2005 hanya berbangkit apabila pihak-pihak gagal untuk mencapai persetujuan melantik penimbang tara dan seterusnya memohon kepada AIAC bagi tujuan pelantikan yang lazimnya dikenali sebagai pelantikan *ad hoc*. Jumlah kes-kes sebegini adalah terpencil. Nota purata dalam anggaran 20 kes setahun.

Subseksyen 13(7), Akta Timbang Tara 2005 turut memperuntukkan bahawa sekiranya pihak berkuasa melantik tidak bertindak dalam masa 30 hari maka pihak berkenaan juga boleh memohon pada Mahkamah Tinggi bagi tujuan pelantikan. Perlu juga ditekankan bahawa menurut subseksyen 13(2), Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646] yang memperuntukkan bahawa pihak-pihak adalah bebas untuk bersetuju mengenai tatacara melantik penimbang tara atau penimbang tara pengerusi. Oleh itu, pihak-pihak mempunyai autonomi tentang perkara ini.

Pindaan rang undang-undang ini juga dapat terus memperkasakan peranan AIAC antara lain melalui penubuhan Mahkamah Timbang Tara AIAC di mana pelaksanaan kuasa ini oleh Presiden Mahkamah AIAC tidaklah secara berseorangan, dengan izin, *unilateral*. Ini merupakan antara inisiatif kerajaan bagi meningkatkan martabat AIAC sekali gus meningkatkan bilangan kes-kes ADR yang dirujuk di Malaysia secara keseluruhannya. Kedua, AIAC ialah sebuah institusi yang mempunyai status antarabangsa dan bebas di bawah naungan AALCO sebagai mana yang termaktub dalam perjanjian tuan rumah antara Kerajaan Malaysia dan AALCO.

Elemen kebebasan untuk sesuatu pihak berkuasa melantik adalah penting bagi memastikan keputusan pelantikan dan *award proceeding* timbang tara sentiasa mendapat pengiktirafan dan penguatkuasaan secara sewajarnya di bawah New York Convention 1958. *Borneo International Centre for Arbitration and Mediation (BICAM) Berhad* adalah sebuah syarikat berhad dengan jaminan *company limited by guarantee* yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 dengan 11 individu yang didaftarkan sebagai Pengarah BICAM Berhad. Setakat Mac 2024, dokumen penubuhan BICAM Berhad memperuntukkan bahawa objektif institusi adalah penubuhan dan pengoperasian di Sabah.

Ketiga, ingin saya juga tekankan bahawa AIAC dimandatkan oleh Jemaah Menteri untuk bekerjasama dengan semua entiti bagi membangunkan ADR dalam negara termasuk Sabah dan Sarawak.

AIAC juga dalam perancangan dan perbincangan dengan Kerajaan Sarawak bagi menubuhkan AIAC Sarawak dalam masa terdekat bertujuan untuk mempromosikan dan memudahkan akses kepada perkhidmatan timbang tara antarabangsa dan ADR di Rantau Asia Tenggara yang lebih luas.

AIAC juga bakal memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan BICAM dari Sabah. Malah dua Pengarah BICAM turut dilantik dalam Jawatankuasa PROTEM bagi Mahkamah Timbang Tara AIAC pada Jun 2024. Dalam erti kata lain, AIAC Sarawak akan meliputi perkhidmatan ADR di Malaysia Timur termasuklah perkhidmatan timbang tara di bawah Akta Timbang Tara.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) juga telah berjumpa dengan Pengerusi BICAM dan wakil-wakil BICAM yang turut dihadiri wakil AIAC supaya hubungan bekerjasama adalah dengan semua pihak berkepentingan dalam ADR terus terjamin.

Fokus utama kerajaan adalah dalam menjadikan Malaysia sebagai hab global penyelesaian pertikaian alternatif dan sebagai tempat pilihan utama untuk timbang tara.

Keempat, selanjutnya sejak penguatkuasaan pada tahun 2005, AIAC telah mencatatkan prestasi yang cemerlang dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta Timbang Tara dan prosedur AIAC.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, statistik kes ADR ditadbir oleh AIAC secara keseluruhannya adalah sekitar 7,000 kes dari tahun 2003 hingga 2024 yang membuktikan rekod prestasi dalam mentadbir kes ADR.

Dengan pengalaman dalam mengendalikan prosiding timbang tara, AIAC sentiasa mengekalkan standard yang tinggi dan prosedur yang efisien dan teratur bagi penyelesaian pertikaian secara cekap bagi mengelakkan sebarang kelewatan.

■1650

Yang kelima, dengan izin, *empanelment member* sebagai panel AIAC terdiri daripada penimbang tara domestik dan antarabangsa yang berpengalaman luas dan berkelayakan pakar dalam bidang perundangan industri-industri spesifik dan bidang berkaitannya. Setakat Jun 2024, AIAC telah mencatatkan jumlah, dengan izin, *empanelment* seramai 1,515 orang penimbang tara yang mana 309 penimbang tara domestik dan 1,206 antarabangsa. Ini adalah untuk memastikan kes-kes timbang tara dikendalikan oleh individu-individu yang mempunyai kepakaran yang sewajar sekali gus mempromosikan keadilan dan kecekapan dalam proses membuat keputusan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Arman ada tanya satu hal, saya rasa. AIAC sebagai kuasa melantik tunggal bagi timbang tara adalah bertentangan dengan Akta Persaingan 2010 kerana bersifat monopoli.

Akta Persaingan 2010 hanya terpakai kepada semua aktiviti komersial di dalam ataupun di luar negara yang mempunyai kesan negatif atau anti persaingan dalam pasaran di Malaysia. Aktiviti operasi AIAC tidak melibatkan aktiviti komersial, malah meliputi kemudahan awam. Maka, tidak terdapat percanggahan dengan rang undang-undang ini.

Senator Datuk Noraini Idris. Bagaimana tatakelola dan pengawasan yang baik akan dipastikan? Ini adalah niat pindaan rang undang-undang ini bagi membawa satu sistem semak dan imbang serta tadbir urus yang baik. Ini akan memberi keyakinan kepada AIAC dan Malaysia secara keseluruhannya dalam mengangkat Malaysia sebagai tempat pilihan *alternate* ADR di rantau ini dan di rantau dunia.

Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit membangkitkan beberapa perkara. Bagaimana satu tempat timbang tara ditetapkan? Tempat timbang tara adalah ditetapkan melalui persetujuan pihak-pihak kepada timbang tara. Ini adalah dikenali sebagai prinsip *party autonomy*.

Soalannya, bagaimana seseorang diberi kuasa untuk membayar deposit untuk mereka yang membawa *host* ke timbang tara? Dalam kes timbang tara ad hoc, kuasa yang diberikan kepada seseorang penimbang tara untuk meminta pihak-pihak membayar deposit adalah melalui perjanjian di antara penimbang tara dan pihak-pihaknya.

Akhir sekali, apakah kewajipan pembiayaan pihak ketiga? Pembiaya mempunyai kewajipan untuk mematuhi tataamalan yang akan dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tujuan tatakelola ini adalah untuk menetapkan amalan dan standard yang berhubungan dengan pembiayaan pihak ketiga. Malaysia mengadakan pembiayaan pihak ketiga tetapi perlu dipastikan juga berserta dengan tiada sebarang penyalahgunaan. Subseksyen 46E dengan khusus menjelaskan kesan kepada tatacara ini.

Dato' Yang di-Pertua, persoalan-persoalan yang dibangkitkan semua telah dijawab. Jika ada soalan-soalan yang saya terlepas pandang, soalan-soalan itu akan dijawab secara bertulis kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Jika Yang Berhormat tidak mendapat *reply*

dalam tempoh masa dua tiga minggu, Yang Berhormat boleh tulis kepada saya dan saya akan memberi secara bertulis kepada semua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Dr. Zulkifli bin Hasan) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN (PINDAAN) 2024**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.58 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan meminda Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [Akta 746] untuk memperuntukkan mengenai perubahan nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL) kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia dan supaya selaras dengan pelaksanaan perjanjian tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Pertubuhan Perunding Undang-undang Asia-Afrika yang berhubungan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur

bertarikh 20 Februari 2024. Rang undang-undang ini telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Julai 2024.

### 1700

Untuk makluman semua, Akta 746 bertujuan untuk menawarkan satu mekanisme bagi penyelesaian pertikaian pembayaran dalam industri pembinaan domestik secara efisien melalui proses adjudikasi dan telah mula berkuat kuasa sejak 2014. Sejak permulaan kuat kuasa 10 tahun yang lalu, Akta 746 tidak pernah dipinda.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan pindaan ini meliputi tiga skop utama iaitu memperkenalkan penubuhan Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Asia, memperkenalkan peranan Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia dan memperkenalkan peranan dan pengukuhan fungsi AIAC sebagai pihak berkuasa adjudikasi.

Rang undang-undang ini mempunyai 13 fasal yang melibatkan pewujudan satu takrif dan peruntukan baharu, pemotongan satu takrif sedia ada dan pindaan ke atas 10 seksyen sedia ada seperti yang diperincikan dalam salinan rang undang-undang, dengan izin, *the blue bill* yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaan kali ini tertentu kepada pindaan berbangkit daripada Akta Timbang Tara 2005 di mana pindaan substantif kepada Akta 746 masih dalam peringkat penelitian dan dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen yang akan datang.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 746 bagi memperkenalkan takrif "Presiden" ke dalam Akta 746 yang merujuk kepada Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia yang akan menggantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia dahulunya dikenali sebagai Pengarah PTSKL.

Ini adalah untuk selaras dengan inisiatif penstrukturan semula Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia supaya selaras dengan pelaksanaan perjanjian tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Pertubuhan Perundingan Undang-undang Asia-Afrika yang berhubungan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur. Fasal ini juga bertujuan untuk memotong takrif "PTSKL" berbangkit daripada perubahan nama KLRCA kepada "Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia."

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 12(6), Akta 746 bagi menghendaki seseorang adjudikator untuk menyiapkan satu salinan keputusan adjudikasi yang dibuat olehnya kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia sebagai satu badan adjudikasi yang hendaknya bertanggungjawab antara lain untuk menyediakan sokongan pentadbiran bagi menjalankan adjudikasi.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 16(2), Akta 746 dengan menggantikan istilah “Pengarah PTSKL” dengan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” untuk menghendaki amaun adjudikasi menurut keputusan adjudikasi atau sebahagian daripada untuk didepositkan dengan Pusat Timbang Tara Asia.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 19, Akta 746 yang berhubungan dengan fi dan perbelanjaan adjudikator dengan menggantikan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” berbangkit daripada perubahan nama pusat itu. Fasal itu bertujuan untuk menggantikan istilah “Pengarah PTSKL” dengan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” dengan subseksyen 19(4),(5) dan (6) Akta 746 untuk menghendaki fi dan perbelanjaan adjudikator didepositkan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia.

Pindaan dalam Fasal 3 hingga 5 adalah penting bagi memperkasakan peranan dan tanggungjawab Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia sebagai pihak berkuasa adjudikasi, dengan izin, *adjudication authority* yang diberikan amanah dan mandat menurut seksyen 32, Akta 746.

Seterusnya, Fasal 6 dan 7 bertujuan untuk meminda perenggan 21(b) dan seksyen 23, Akta 746 masing-masing bagi menggantikan istilah “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Presiden” seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 7 Februari 2024 berkenaan dengan hala tuju Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia dan pemeteraian perjanjian tambahan kepada perjanjian tuan rumah antara Kerajaan Malaysia dan pihak AALCO.

Fasal 8 hingga 12 bertujuan untuk meminda seksyen 32, 33, 34, 39 dan 40 Akta 746 masing-masing untuk menggantikan istilah “PTSKL” dengan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” berbangkit daripada perubahan nama pusat itu.

Fasal 13 memperkatakan tentang peruntukan kecualian bagi memastikan penguatkuasaan akta secara perspektif.

Cadangan pindaan ini pastilah akan memberi impak positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pembinaan domestik dan meningkatkan kecekapan proses adjudikasi di bawah Akta 746 selaras dengan penubuhan Mahkamah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia sebagai badan pembuat keputusan kes-kes adjudikasi secara bebas, berkecuali, menekankan elemen ketelusan, integriti dan akauntabiliti daripada segi pentadbirannya.

Dato’ Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya ingin menekankan komitmen berterusan Kerajaan Madani terhadap membangunkan ADR terutama mekanisme adjudikasi di Malaysia.

Dato’ Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada siapa-siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lima orang Ahli yang hendak berbahas. Maka kita buat ketetapan 7 minit seorang lah ya. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

**5.08 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan analisis kes adjudikasi yang dinyatakan dalam muka surat 26 Laporan Tahunan 2023 Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC), tahun 2019 merupakan tahun yang telah mencatatkan jumlah pendaftaran kes adjudikasi paling tinggi dalam sejarah AIAC iaitu sebanyak 816 kes. Berdasarkan analisa tersebut, setakat tahun 2019, trend kenaikan kes adjudikasi yang didaftarkan di bawah AIAC menunjukkan peningkatan progresif sejak AIAC mula mengendalikan pendaftaran adjudikasi pada tahun 2014.

Selepas tahun 2019, jumlah kes adjudikasi yang dirujuk semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, AIAC telah menerima sebanyak 837 kes, 830 kes, 508 kes dan 518 kes dan masing-masing pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023. Secara andaian kasarnya, apa yang saya boleh katakan ialah, senario penurunan jumlah pendaftaran kes adjudikasi tersebut didorong dengan sikap *gentlemen* syarikat pemaju yang telah berusaha untuk mencapai persefahaman bersama syarikat pembinaan dalam menyelesaikan satu-satu pertikaian yang melibatkan tunggakan bayaran.

Secara peribadi, saya berpandangan bahawa trend penurunan tersebut bukanlah satu petunjuk yang positif yang boleh menceritakan realiti sebenar sektor pembinaan negara yang sekian lama terpalit dengan pelbagai kemelut yang melibatkan tunggakan bayaran kepada syarikat pembinaan.

■1710

Sebaliknya ia seharusnya dijadikan sebagai pendorong kepada AIAC untuk menghadang keadaan semasa yang berlaku dalam sektor pembinaan negara yang boleh mendorong kepada pengendalian adjudikasi yang lebih konstruktif kepada pihak penuntut atau *claimant*, dengan izin, dan pihak responden. Menerusi falsafah tersebut AIAC dapat berperanan sebagai penganjur adjudikasi yang boleh mendorong sikap *adjudicator* yang dilantik untuk melakukan penilaian adjudikasi dengan cermat tanpa mengetepikan justifikasi yang disuarakan oleh mana-mana pihak.

*Adjudicator* yang berpegang dengan falsafah itu diyakini mampu melaksanakan pertimbangan yang rasional, dengan mengambil kira perkara-perkara seperti kelangsungan

keuangan setiap pihak dalam memuktamadkan satu-satu pertikaian. Seperti yang dinyatakan dalam laporan tahunan tersebut, jumlah tuntutan yang dibuat pada tahun 2023 direkodkan sekitar RM1.301 bilion. Secara perbandingan, jumlah tuntutan pada tahun 2022 lebih tinggi iaitu sekitar RM1.771 juta.

Namun begitu, kedua-dua angka yang direkodkan tersebut sudah cukup untuk menggambarkan kepada kita bahawa ekosistem sektor pembinaan di negara ini pada hakikatnya berdepan dengan krisis kewangan yang boleh mengundang implikasi negatif kepada motivasi syarikat pembinaan untuk menyiapkan satu-satu projek mengikut penjadualan yang ditetapkan.

Oleh sebab itu, sejajar dengan pindaan Akta 746 ini proses adjudikasi yang dijalankan oleh AIAC seharusnya memberikan tumpuan kepada pertikaian yang melibatkan projek sakit yang sudah lama tergendala akibat masalah tunggakan bayaran. Bagi tahun 2023, kes adjudikasi yang melibatkan projek pembinaan yang dijalankan di Lembah Klang telah mencatatkan peratusan yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 50.38 peratus. Peratusan tersebut melibatkan 119 projek di Kuala Lumpur, 144 projek di Selangor dan satu projek di Putrajaya.

Berdasarkan kepada perkara yang saya nyatakan dalam perbahasan, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan yang pertama, daripada jumlah tuntutan adjudikasi sebanyak RM1,301,310,974.28 bagi tahun 2023 berapakah buah syarikat bumiputera dan bukan bumiputera mengikut negeri yang telah mengemukakan tuntutan adjudikasi?

Daripada jumlah adjudikasi yang didaftarkan pada setiap tahun, berapa jumlah kes adjudikasi yang telah berjaya diselesaikan sepenuhnya bermula dari tahun 2014 hingga tahun 2023? Berapakah kes-kes adjudikasi yang masih belum diselesaikan setakat 31 Julai 2024? *No, sorry, it should be* 21 Julai. Apakah punca yang menyebabkan pertikaian yang dikendalikan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan?

Menerusi penyelesaian yang telah dimuktamadkan dalam proses adjudikasi yang dijalankan setiap tahun, apakah lima faktor utama atau faktor kebiasaan yang dikenal pasti yang telah menjadi punca kepada kegagalan sesebuah syarikat pembinaan untuk mendapatkan hak bayaran yang telah dijanjikan?

Apakah antara punca yang telah dikenal pasti oleh AIAC yang telah menyumbang kepada kadar pendaftaran adjudikasi tertinggi pada tahun 2019? Apakah bentuk pembaharuan yang sedang dilaksanakan oleh AIAC bagi menambah baik aspek pengendalian adjudikasi sejajar dengan pindaan Akta Timbang Tara 2005?

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Sektor Pembinaan (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

**5.14 ptg.**

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan:** Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Memandangkan akta ini tidak dipinda sejak ia dikuatkuasakan pada 10 tahun yang lalu maka pindaan ini dialu-alukan walaupun ia hanya pindaan berbangkit daripada Akta Timbang Tara 2005.

Pindaan ini selain daripada menukar nama dari Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL) kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC), ia juga bertujuan untuk memperkasa peranan dan memperkukuhkan AIAC sebagai pihak berkuasa adjudikasi.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara berikut. Pertama, mengenai pindaan kepada seksyen 4 untuk menggantikan "Pengarah PTSKL" dengan "Presiden Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa Asia" selaras dengan inisiatif penstrukturan semula Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia. Apakah perbezaan dan definisi daripada segi bidang kuasa dan tugas di antara pengarah dan presiden? Saya juga ingin tanya Dato' Yang di-Pertua, Akta Ibu tidak mempunyai penjelasan bidang kuasa pengarah dan dengan pindaan baharu ini bidang kuasa presiden juga tidak dimasukkan. Jadi adakah satu lagi pindaan akan dibuat untuk memasukkan seksyen bidang kuasa presiden.?

Kedua, satu kajian dijalankan dalam Kursus Penyelesaian Pertikaian Alternatif atau *Alternative Dispute Resolution* (ADR), dengan izin, di Pulau Pinang menunjukkan bahawa walaupun majoriti besar peserta mengetahui ADR sebelum mendaftar dalam kursus. Lebih separuh daripada mereka percaya bahawa kaedah ADR tidak digunakan secara aktif di Malaysia. Manakala kira-kira dua pertiga percaya bahawa orang awam tidak mengetahui pilihan tersebut. Saya memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah faktor-faktor yang menyebabkan tahap kesedaran yang rendah? Apakah inisiatif-inisiatif yang telah diambil atau akan diambil oleh pihak kementerian untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman... [*Tidak jelas*] Kepentingan proses tersebut kepada pihak berkepentingan?

Akhir sekali, Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 adalah satu keperluan untuk menyelesaikan pertikaian industri pembinaan sebagai alternatif kepada proses perbandingan atau litigasi yang memakan masa yang panjang dan menanggung kos yang tinggi. Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapakah tidak ada satu akta setara untuk menyelesaikan pertikaian kontrak di sektor-sektor lain seperti pembuatan? Kenapakah khas untuk sektor pembinaan? Adakah satu pindaan substantif kepada akta ini akan dilaksanakan pada masa kelak untuk meliputi sektor lain? Dato' Yang di-Pertua, secara amnya saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

**5.19 ptg.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Dato' Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012.

Akta ini saya percaya kesan daripada pindaan kepada akta sebelumnya iaitu Akta Timbang Tara 2005. Saya ingin bertanya kepada kerajaan RUU ini adalah RUU yang kebanyakannya untuk menukarkan nama kepada istilah-istilah yang terdapat seperti di dalam fasal 3, 5, 6, 7 dan 8 dan seterusnya sampai 12 malah sampai 32.

**■1720**

Jadi, ini yang saya ingin tahu kerana timbang tara kita ini masih belum dikenali oleh rakyat. Jadi, apakah kebaikan-kebaikan yang ada sekiranya rakyat negara kita ataupun pihak-pihak yang bertikai untuk memilih Mahkamah Timbang Tara ini? Oleh kerana ia tidak dikenali, apakah langkah-langkah ataupun adakah keperluan untuk memperkenalkan Mahkamah Timbang Tara ini ataupun sekadar untuk menyediakan bila ada situasi keadaan yang memerlukan, maka timbang tara ini sudah ada di dalam negara kita.

Seterusnya, implikasi kewangan dikatakan masih ada tetapi belum ditetapkan jumlahnya, tetapi saya ingin bertanya juga, apakah jangkaan kewangan yang akan ditanggung apabila pindaan ini dibuat dan dikenali oleh masyarakat negara ini, malah masyarakat rantau ini dan malah dunia juga. Ini yang penting supaya kos ini tidaklah akan menggerunkan untuk perbelanjaan dalam negara kita.

Adakah penambahan perjawatan yang ada di dalam Mahkamah Timbang Tara kita ini akan menyebabkan juga pertambahan perbelanjaan yang dijangka seperti yang dinyatakan di dalam pindaan ini? Saya tidak panjang untuk membahaskan lagi. Setakat itu. Dengan ini, saya menyokong penuh pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Arman Azha.

**5.22 ptg.**

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Terima kasih atas ruang perbahasan diberikan kepada saya sekali lagi bagi mengenai Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Pembinaan (Pindaan) 2024.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah berhujah mengenai Akta 646 dan kali ini saya berhujah mengenai Akta 746. Kedua-dua akta ini saling berkait kerana kedua-duanya memerlukan pihak tengah dan *mediator* untuk menyelesaikan pertikaian. Baiklah, bagi saya meneruskan hujah saya. Saya menyambut baik segala usaha, pendekatan, strategi yang

diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang negara kita dalam memperkasakan sektor undang-undang domestik dan antarabangsa demi pengadilan yang telus dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memartabatkan perundangan yang sedia ada ke arah peringkat yang lebih tinggi, izinkan saya bertanya satu pelan jangka masa panjang untuk kerajaan wujudkan satu badan adjudikasi di bawah kerajaan itu sendiri.

Saya berpendapat bahawa cadangan ini jika diambil kira akan membawa sektor perundangan ke satu tahap capaian yang lebih tinggi. Sekali gus, mampu memberi kepercayaan kepada rakyat yang terkesan dengan kemampuan dan kredibiliti cabang sektor perundangan sedia ada dalam negara ini. Cadangan ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan memartabatkan AIAC di peringkat antarabangsa. Maka, seharusnya perlu ada satu badan berdaftar yang diselia dan dikawal secara langsung di bawah kerajaan atau kementerian, mahupun di bawah hal ehwal undang-undang agar proses alirannya lebih jelas dan dipercayai kerana dinaungi oleh pihak kerajaan sendiri.

Selaras dengan pindaan ke atas Akta 646, adjudikator yang sedia ada perlu dipersiapkan dengan satu model khas dan kelayakan khas daripada apa yang diamalkan sekarang oleh Kerajaan Madani.

Tuan Yang di-Pertua, perihal kredibiliti adjudikator di Malaysia dapat diangkat ke peringkat antarabangsa seiring dengan aspirasi AIAC yang mahu menjadikan pelopor pusat timbang tara di rantau Asia dan juga antarabangsa berasaskan pindaan-pindaan yang akan dibuat.

Soalan saya, berapakah jumlah statistik adjudikator yang berada dalam data Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dalam negara kita yang masih aktif? Menaik taraf atau mengangkat profesion adjudikator secara tidak langsung membuka dan peluang spektrum pekerjaan yang lebih luas kepada rakyat Malaysia. Mungkin juga ada caranya untuk menjadikan adjudikator ini sebagai salah satu modul atau silibus dalam sektor pendidikan TVET. Saya percaya, ia merupakan satu prospek yang cukup baik, yang boleh kita perincikan dengan lebih baik dengan penglibatan pakar-pakar bidang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya menyokong pindaan Akta 746 demi kebaikan bersama di bawah Kerajaan Madani. Sekian sahaja perbahasan saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.25 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin- saya mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan terima kasih kepada lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah meneliti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Empat, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Empat ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Empat. Satu menarik diri tadi, jadi tinggal empat.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Empat yang menyertai sesi perbincangan Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas membangkitkan beberapa isu. Ini adalah mengenai nombor satu, kecekapan AIAC. AIAC telah diberikan mandat bagi memastikan kes-kes adjudikasi ditadbir secara baik dan efektif. Ini adalah amanah yang telah dilaksanakan oleh AIAC secara baik dan penuh bertanggungjawab sebagaimana akta dan peraturan AIAC. Semua kes mesti diselesaikan tempoh masa yang singkat iaitu dalam masa tidak lebih 108 hari bekerja.

Nombor dua, apakah faktor yang menyebabkan kadar adjudikasi tertinggi pendaftaran pada tahun 2019? Pelantikan Pengarah AIAC hanya selepas sembilan bulan. Kekangannya, pejabat pengarah pada tahun 2018. Pihak-pihak mengenainya baru diambil tindakan. Jumlah kes yang diselesaikan, statistiknya berapa yang belum dan punca kes ini tidak diselesaikan.

Dari tahun 2014 hingga April 2024, terdapat sebanyak 5,875 kes adjudikasi yang dirujuk kepada AIAC. Dari 17 April 2023 ke 12 April 2024, terdapat 500 kes adjudikasi yang berjaya didaftarkan, namun 12 kes telah ditarik balik oleh pihak-pihak tertentu. Terdapat faktor-faktor bagi kes-kes tertentu, di mana kes adjudikasi tidak dapat diselesaikan. Sebagai contoh, pihak berjaya mencapai persetujuan damai untuk menyelesaikan pertikaian bawah adjudikasi.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan bertanya, apakah langkah-langkah bagi meningkatkan kesedaran tentang proses adjudikasi? Jawapannya, salah satu langkah untuk meningkatkan kesedaran tentang proses adjudikasi adalah melalui *capacity building*. AIAC juga diberikan mandat untuk menginisiatif aktiviti-aktiviti seperti *workshop* dan *conference* untuk mempertingkatkan prosiding adjudikasi serta meningkatkan kualiti keputusan adjudikasi.

Senator juga bertanya lagi satu soalan, penjelasan tentang bidang kuasa pengarah dan presiden. Apakah akan ada pindaan lanjut tentang perkara ini? Bidang kuasa pengarah di bawah Akta 746 adalah secara keseluruhan, termasuk perkara-perkara berkaitan urusan pentadbiran.

■1730

Namun begitu, rang undang-undang ini adalah untuk meminda Akta 746 dan tidak bertumpu pada penubuhan AIAC. Dengan ini bidang kuasa Presiden tidak perlu dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Adakah pindaan substantif akan dilaksanakan untuk memperluas pemakaian akta ini kepada sektor-sektor lain? Pindaan substantif adalah di bawah pertimbangan kerajaan pada masa ini. Libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan dibuat secara agresif berkenaan dengan sekiranya untuk perluas di sektor lain. Ini adalah perkara dasar yang akan dibuat oleh kerajaan mengikut keperluan dengan mengambil kira pandangan semua pihak.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit menanya implikasi kewangan. Apakah jangkaan yang berbangkit berikutan pindaan ini? Adakah pertambahan perjawatan akan terlibat dalam tingkatan kos? Tiada implikasi kewangan secara langsung kepada pindaan rang undang-undang ini oleh sebab pindaan ini adalah berbangkit daripada Rang Undang-undang Timbang Tara.

Pertambahan perjawatan akan melibatkan kos yang akan diteliti bersama Kementerian Kewangan dengan mengambil kira dasar penjimatan kerajaan dan membanggakan dengan keperluan pindaan kepada Rang Undang-undang Timbang Tara.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara-perkara yang dibangkit yang saya boleh jawab. Perkara-perkara yang tidak dijawab saya akan memberi secara tulis dan jika ada mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak mendapat jawapannya, perkara-perkara yang telah dibangkit dalam 14 hari, Yang Berhormat boleh menghubungi dengan saya atau pejabat saya atau menulis kepada kami dan kita akan beri jawapan bertulis. Terima kasih kepada semua.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ada cuma satu soalan sahaja dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan kepada Yang Berhormat Menteri? ...

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Bolehkah?

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Ini Senator Dato' Kesavadas selalu- saya seronok. *It's good. You are right. You are real function* Senator.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Bukan itu, *no, no* ada orang hendak tanya.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** *Please go on. Go on, go on.*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** *No. I* tak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri tertinggal kah atau tidak ada jawapan sekarang kah mungkin akan bagi kemudian. Soalan itu ialah daripada jumlah tuntutan sebanyak RM1,300,310,974 *the breakdown*, berapa buah syarikat bumiputera dan berapa buah syarikat bukan bumiputera dan mengikut negeri. Itu sahaja. *Maybe you may not have the figure statistic.*

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Soalan yang cantik, tetapi tidak ada jawapan daripada pegawai-pegawai buat sementara. Saya berjanji bahawa soalan itu akan dijawab secara tulis lah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Puan Hajah Fuziah binti Salleh) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah sampai ke pengakhir Mesyuarat kita pada petang ini. Maka mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 25 Julai 2024.

*[**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang**]*